

LAPORAN TAHUNAN 2012

INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



Diterbitkan oleh:

Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pelajaran Malaysia
Sri Layang
69000 Genting Highlands, Pahang
Tel: 03-61056100/Faks: 03-61056299
<http://www.iab.edu.my>
e-mel: iab@iab.edu.my

Cetakan 2013

© Institut Aminuddin Baki 2013

©Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

Pengurus Penerbitan
Raja Ibrahim bin Raja Midin

ISSN: 1985-5346

Reka bentuk dan cetakan oleh:

Percetakan Naz Sdn. Bhd.
No. 33, Persiaran Mewah,
Bandar Tun Razak, Cheras,
56000 Kuala Lumpur
Tel: 03-9172 1681
Faks: 03-9172 2650
e-mel: shamnaz33@yahoo.com

PENGHARGAAN

Jawatankuasa penerbitan Buku Laporan Tahunan Institut Aminuddin Baki 2012 merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Dato' Haji Khairil bin Haji Awang
(Pengarah Institut Aminuddin Baki)

Dr. Zainab binti Hussin
(Timbalan Pengarah Khidmat Profesional)

Dr. Jamil bin Adimin
(Timbalan Pengarah Khidmat Latihan)

Mohd Zanal bin Dirin
(Pengarah Cawangan IAB Utara)

Tuan Syed Mohammad Al Adros bin Tuan Muning
(Pendaftar)

Abdul Razak bin Abdul Rahim
(Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan)

Dr. Sulaiman bin Hashim
(Ketua Pusat Pengurusan Teknologi)

Dr Mohamed Yusof bin Mohd Nor
(Ketua Pusat Pembangunan Organisasi)

Abd Razak bin Manaf
(Ketua Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan)

Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
(Ketua Pusat Konsultasi dan Mentoring)

Dr. Zaiton binti Ismail
(Ketua Pusat Penyelidikan Penilaian dan ICT)

Abdul Mu'ti bin Ahmad
(Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan)

Dr. Marzita binti Abu Bakar
(Ketua Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan)

dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan laporan ini.

KANDUNGAN

Bab	Halaman
- Penghargaan - Kandungan - Ringkasan Eksekutif	i-vii
1 MAKLUMAT ORGANISASI - Perutusan Pengarah - Pengurusan Tertinggi - Majlis Penasihat Pendidikan Latihan (MPPL) - Carta Organisasi - Misi dan Visi - Piagam Pelanggan - Dasar kualiti - Fungsi IAB - Fungsi Pusat - Jejak Kepimpinan IAB	1-12
2 PROGRAM-PROGRAM TAHUN 2012 LANSKAP <i>PREMIER CENTRE IAB 2012-2016</i> RINGKASAN PROGRAM IAB 2012	15-34
2.1 PROGRAM PEMBANGUNAN INDIVIDU (PI) 2.1.1 Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKPP) 2.1.2 Kursus Khas Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKKPP) 2.1.3 Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQEL) 2.1.4 Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) 2.1.5 Kursus Pembangunan Berterusan (CPD)	
2.2 PROGRAM PEMBANGUNAN ORGANISASI (PO) 2.2.1 Program Pembangunan Organisasi (ProD) 2.2.2 Program Pembimbing Penambahbaikan Sekolah (SIPartners) 2.2.3 Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SPeeD-uP) 2.2.4 Program Strategi Lautan Biru (BOS) 2.2.5 Program Konsultasi Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK)	37-48
2.3 PROGRAM MASTER TRAINER	51-60
2.4 PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	63-66
2.5 PROGRAM JARINGAN DAN KOLABORATIF 2.5.1 Lawatan dan Seminar Ke Luar Negara 2.5.2 Program Pengantarabangsaan 2.5.3 Pelawat Dari Luar Negara	69-72
2.6 PROGRAM PENGURUSAN PENGETAHUAN 2.6.1 Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi IAB 2.6.2 Penerbitan	75-90

3	PROGRAM KHAS	93-123
	3.1 PROGRAM TEACH FOR MALAYSIA (TFM)	
	3.2 PROGRAM I-THINK	
	3.3 PROGRAM PENATARAN	
	3.3.1 Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-19	
	3.3.2 Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang	
	3.3.3 Kolokium Pentaksiran Berasaskan Sekolah	
	3.3.4 Kolokium Kebangsaan Instruksional	
	3.3.5 Pertandingan Bahas Guru Ala Parlimen Peringkat Kebangsaan 2012	
	3.3.6 Komensmen Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQEL)	
	3.3.7 Konvensyen Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA)	
	3.3.8 Persidangan <i>School Improvement Programme</i> (SIP)	
	3.3.9 Mesyuarat Bersama Pelanggan	
	3.3.10 Komitmen IAB dengan Agensi Luar	
	3.3.11 Penglibatan IAB dalam <i>Kuala Lumpur World Robot Olympiad</i> 2012	
4	LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN IAB DAN PENCAPAIAN KPI <i>PREMIER CENTRE</i>	127-135
5	LAPORAN PENGUPAYA (ENABLER)	139-158
	5.1 LAPORAN KEWANGAN	
	- Prestasi perbelanjaan 2012	
	- Peruntukan latihan keseluruhan	
	5.2 PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA	
	- Perjawatan IAB	
	5.3 INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR	
	5.3.1 Kemudahan Infrastruktur dan Fizikal (IAB induk & Cawangan)	
	5.3.2 Pengurusan aset & stor	
	5.3.3 Pusat Sumber Pendidikan IAB Induk dan Cawangan Utara.	
6	INOVASI, ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN	161-173
	6.1 E-PEMBELAJARAN	
	6.2 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)	
	6.3 ISO 9001-2008	
	6.4 <i>EMERGENCY RESPONSE TEAM</i> (ERT) IAB	
7	IAB MARA KE HADAPAN	177-180
	7.1 PROGRAM PENGANTARABANGSAAN	
	7.2 PPPM- MEREALISASI 1IMPIAN 1AGENDA	
	7.3 GRADUAN NPQEL BERTARAF DIPLOMA	
	Senarai Lampiran	183-206
	- Lampiran 1:Senarai Sekolah SIP yang telah Keluar band 6 & 7.	
	- Lampiran 2:Senarai Kursus 2012 Mengikut <i>Domain</i> KOMPAS	
	- Lampiran 3:Senarai penerima sijil NPQEL	

RINGKASAN EKSEKUTIF

Buku Laporan Tahunan IAB 2012 ini mengandungi tujuh bab. Setiap bab akan memaparkan segala kegiatan dan pencapaian Institut Aminuddin Baki yang di susun berdasarkan strategi Lanskap *Premier Centre*. Laporan ini disediakan untuk menjadi sumber rujukan semua warga KPM dalam usaha untuk mendokumentasikan segala program yang telah dijalankan pada tahun 2012.

Bab 1 memaparkan tentang perutusan pengarah, pengurusan tertinggi yang diketuai oleh pengarah, timbalan-timbalan pengarah, dan pendaftar. Carta organisasi menunjukkan lapan pusat dalam IAB: iaitu Pusat Pembangunan Organisasi, Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan, Pusat Pengurusan Teknologi, Pusat Dokumentasi & Sumber Pendidikan, Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan, Pusat Pendidikan, Penilaian & ICT, Pusat Kepimpinan, Komunikasi dan Pengurusan Pejabat serta Pusat Konsultasi dan Mentoring yang diketuai oleh ketua-ketua pusat. Bab ini juga mengandungi Misi dan Visi IAB, piagam pelanggan, dasar kualiti, fungsi IAB, fungsi setiap pusat serta jejak kepimpinan IAB.

Bab 2 melaporkan tentang program-program yang dijalankan di IAB seperti yang tercatat dalam Lanskap Kecemerlangan *Premier Centre* selaras dengan tradisi kecemerlangan IAB dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Bab ini juga melaporkan perkembangan Pembangunan Individu (PI) yang telah dilaksanakan iaitu KKPP, KKKPP, NPQEL dan CPD. Program Pembangunan Organisasi yang telah dilaksanakan adalah SiPartners, Speed Up, PrOD, SKK dan BOS. IAB juga menjalankan Program Master Trainer, Program Penyelidikan dan Pembangunan, Program Jaringan dan Kolaboratif iaitu Moodle (Australia), Uzbekistan, Korea Selatan, Thailand (Bangkok- ERT), MAEPA dan Dialog Pemimpin Sekolah Malaysia-Singapura, Program Pengurusan Pengetahuan antaranya Teknologi Maklumat dan ICT serta Penerbitan.

Bab 3 melaporkan tentang Program Khas iaitu Program Teach For Malaysia (TFM), i-Think dan program-program penataran. Antara program penataran ialah Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-19, Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang, Kolokium Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Kolokium Kebangsaan Instruksional, Komensmen NPQEL, Konvensyen PERASA, Persidangan SIP, Mesyuarat Bersama Pelanggan, hos persidangan dan lain-lain.

Bab 4 melaporkan Pencapaian Piagam Pelanggan IAB yang mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan berdasarkan objektif yang ditetapkan. Pencapaian ini diukur berdasarkan prestasi pencapaian pada 31 Disember 2012. Selain itu juga turut melaporkan pencapaian KPI Lanskap *Premier Centre* yang dicapai sehingga 31 Disember 2012 berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) seperti pembelajaran dan pembangunan, Master Trainer dan pusat rujukan. Sebanyak 25 inisiatif KPI yang diukur, sembilan KPI melepasi sasaran, 12 KPI telah mencapai sasaran dan satu KPI tidak melepasi sasaran.

Bab 5 melaporkan tentang Kewangan, Perkhidmatan dan Sumber Manusia dan Infrastruktur & Infostruktur. Laporan Kewangan menjelaskan prestasi perbelanjaan pada tahun 2012 dan juga peruntukan latihan keseluruhannya. Perkhidmatan dan Sumber Manusia pula berkaitan dengan perjawatan IAB dan maklumat pegawai yang berpencen atau bertukar. Laporan Infrastruktur dan Infostruktur menyatakan tentang kemudahan infrastruktur dan fizikal IAB Induk dan cawangan, perolehan inventori, dan juga pusat sumber pendidikan IAB Induk dan cawangan utara.

Bab 6 melaporkan tentang Inovasi dan Anugerah Pengiktirafan. IAB telah membuat inovasi, mendapat anugerah dan pengiktirafan dalam memberikan perkhidmatannya seperti e-Pembelajaran, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), pengiktirafan ISO 9001-2008 dan penubuhan *Emergency Response Team* (ERT) IAB.

Bab 7 melaporkan tentang perancangan IAB untuk masa hadapan berdasarkan Pelan Kecemerlangan *Premier Centre*, khususnya memartabatkan IAB ke peringkat antarabangsa melalui Program Pengantarabangsaan, melatih dan menaik taraf Sijil NPQEL kepada Diploma serta melaksanakan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

MAKLUMAT ORGANISASI

BAB 1

- Perutusan Pengarah
- Pengurusan Tertinggi
- Carta Organisasi
- Misi Dan Visi
- Piagam Pelanggan
- Dasar Kualiti
- Fungsi IAB
- Fungsi Pusat
- Jejak Kepimpinan IAB



PERUTUSAN PENGARAH IAB

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.



Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga IAB atas kerjasama yang diberikan untuk mencapai kecemerlangan IAB. Segala tugas dan tanggungjawab yang dipikul secara bersama-sama dengan penuh komitmen, dedikasi dan amanah sangat bermakna dalam mencapai visi IAB iaitu "Pusat pembangunan kepimpinan pendidikan yang terbilang".

Pembentukan IAB sebagai sebuah *Premier Centre* (PC) merupakan satu usaha untuk melonjakkan kecemerlangannya sebagai sebuah institusi latihan kepimpinan pendidikan. Lanskap PC dirangka berasaskan tiga Bidang Keberhasilan Utama atau *Key Result Area* iaitu Pembelajaran dan Pembangunan, Master Trainer dan Pusat Rujukan. Tiga bidang keberhasilan utama ini pula disokong oleh enam subbidang Keberhasilan Utama atau *subKey Result Area* (SubKRA) yang terdiri daripada Pembangunan Individu atau Individual Development (ID), Pembangunan Organisasi atau Organisational Development (OD), Pembangunan Master Trainer, Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan. Pengoperasian enam subbidang dalam Lanskap PC ini dimantapkan dengan menggembeng dan memanfaatkan elemen-elemen utama dalam Pengupaya iaitu sumber manusia, kewangan, perkhidmatan, infrastruktur dan infostruktur.

Dalam aspek pengurusan kualiti, KPI *Premier Centre* telah menunjukkan pencapaian sebanyak 50% melepasi sasaran dan bagi tahun semasa telah mencapai sasaran sebanyak 40%. IAB juga telah menyumbang pencapaian yang melepasi sasaran bagi KPI sehingga bulan November 2012 yang juga menjadi KPI KPPM iaitu dengan pencapaian sebanyak 100.8% bagi program latihan yang didaftarkan pada tahun 2012.

Dari sudut pembangunan pula, usaha untuk meningkat dan memperluas perkhidmatan sentiasa dititikberatkan. Ke arah itu, penubuhan IAB Cawangan seperti IAB Cawangan Utara, IAB Cawangan Sarawak, IAB Cawangan Sabah, IAB Cawangan Genting, dan IAB Zon seperti Kampus IAB Zon Timur (Kelantan), Kampus IAB Zon Tengah (Perak) dan Kampus IAB Zon Selatan (Johor) menjadi salah satu agenda pembangunan IAB. Setiap cawangan dan zon beroperasi mengikut fokus utama yang telah ditetapkan dan IAB Nilai di Bandar Enstek akan menjadi IAB induk.

Dalam usaha untuk merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), IAB telah diberi kepercayaan melaksanakan 17 inisiatif yang berkaitan dengan Anjakan Kelima dan Keenam. Hal ini akan diberi keutamaan agar dapat dilaksanakan dalam tiga gelombang antara 2013 - 2025. Fokus utama IAB adalah dalam aspek guru dan pemimpin sekolah, pembelajaran murid (pecutan peningkatan sekolah) dan transformasi Kementerian Pelajaran Malaysia (keupayaan penyampaian). Program IAB seperti KKPP, NPQEL, *Talent Management*, *SIP*, *Speed-Up* dan *ProD* dapat membantu merealisasikan hasrat tersebut.

IAB sentiasa bergerak ke arah peningkatan pembangunan pendidikan di negara ini selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan transformasi pendidikan yang telah dirancang. Sehubungan dengan itu, IAB sebagai pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan terulung di negara ini akan sentiasa memastikan program-program yang ditawarkan memenuhi keperluan pelanggan dan dapat diaplikasikan bagi membangunkan organisasi masing-masing. Dengan ini, saya berharap hasrat IAB untuk melahirkan pemimpin pendidikan yang berani mengurus perubahan dan mampu bersaing di persada antarabangsa dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang

CARTA ORGANISASI

Pengurusan Tertinggi Institut Aminuddin Baki



PENGARAH

Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang



PENGARAH IABU

Mohd Zanal bin Dirin



**TIMBALAN PENGARAH
KHIDMAT PROFESIONAL**

Dr. Zainab binti Hussin



**KP PUSAT PENGURUSAN
TEKNOLOGI**

Dr. Ahmad Rafee bin
Che Kassim



**KP PUSAT PENGURUSAN
ORGANISASI**

Dr. Mohamed Yusoff bin
Mohd Nor



**KP PUSAT PENTAKSIRAN
KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

Abd Razak bin Manaf



**KP PUSAT DOKUMENTASI
& SUMBER PENDIDIKAN**

Abdul Razak bin Abdul Rahim



**TIMBALAN PENGARAH
KHIDMAT LATIHAN**
Dr. Jamil bin Adimin



PENDAFTAR
Syed Mohamad Al Adrus
bin Tuan Muning



**KP PUSAT PENYELIDIKAN,
PENILAIAN & ICT**
Dr. Zaiton binti Ismail



**KP PUSAT PEMBANGUNAN
PENGURUSAN PENDIDIKAN**
Abdul Muti bin Ahmad



**KP PUSAT KEPIMPINAN &
KOMUNIKASI PENDIDIKAN**
Dr. Marzita binti Abu Bakar



**KP PUSAT KONSULTASI &
MENTORING**
Rosnarizah binti Abdul Halim

CARTA ORGANISASI

PENGARAH
Dato' Hj. Khairil bin
Hj. Awang

PEMBANTU TADBIR
(KESETIAUSAHAAN)

PENGARAH CAWANGAN
IAB UTARA
Mohd Zanal bin Dirin

TIMBALAN PENGARAH
KHIDMAT PROFESIONAL
Dr. Zainab binti Hussin

PEMBANTU TADBIR
(KESETIAUSAHAAN)

KETUA PUSAT
DOKUMENTASI
& SUMBER PENDIDIKAN

JABATAN PENERBITAN &
DOKUMENTASI

JABATAN
PUSAT SUMBER

KETUA PUSAT
PEMBANGUNAN
ORGANISASI

JABATAN PENYELIDIKAN &
PEMBANGUNAN

JABATAN
PERANCANGAN &
STANDARD LATIHAN

JABATAN
PENGURUSAN INOVASI

JABATAN PEMBANGUNAN
STAF & KERJASAMA
PENDIDIKAN

KETUA PUSAT PENTAKSIRAN
KEPIMPINAN PENDIDIKAN

JABATAN PENTAKSIRAN
PEMIMPIN PELAPIS

JABATAN PENTAKSIRAN
MASTER TRAINER

JABATAN PENTAKSIRAN
PEMIMPIN SEKOLAH

KETUA PUSAT
PENGURUSAN
TEKNOLOGI

JABATAN
e-PEMBELAJARAN

JABATAN PENGURUSAN
SISTEM MAKLUMAT

JABATAN PEMBANGUNAN
RANGKAIAN &
SENGGARAAN KOMPUTER

TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN

JABATAN
PENGURUSAN &
KEPIMPINAN
PENDIDIKAN

JABATAN
PENGURUSAN
KURIKULUM &
KOKURIKULUM

JABATAN
PENYELIDIKAN &
PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN

JABATAN
e-PEMBELAJARAN

JABATAN
PENILAIAN &
PEPERIKSAAN

JABATAN
PEMBANGUNAN
PENGURUS,
PEMIMPIN &
EKSEKUTIF
PENDIDIKAN

JABATAN
PENGURUSAN
INOVASI

JABATAN
LATIHAN DAN
PENTADBIRAN
PEJABAT &
PENGURUSAN
KEWANGAN

JABATAN
PEMBANGUNAN
STAF &
KERJASAMA
ANTARABANGSA

JABATAN
BAHASA &
KOMUNIKASI

JABATAN
PENGURUSAN
HAL EHWAL
MURID &
KAUNSELING

JABATAN
ASAS
PENDIDIKAN &
KOMUNITI

JABATAN
APLIKASI
KOMPUTER DALAM
PENDIDIKAN

JABATAN
PENTAKSIRAN
PEMIMPIN
PENDIDIKAN

JABATAN
DOKUMENTASI &
SUMBER
PENDIDIKAN

JABATAN
KONSULTASI,
MENTORING &
COACHING

UNIT KHIDMAT
SOKONGAN



AHLI MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MPPL) INSTITUT AMINUDDIN BAKI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Mohd Zanal bin Dirin
Pengarah Cawangan IAB Utara

Datuk Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Syed Mohamad Al-Adros bin Tuan Muning
Pendaftar
Institut Aminuddin Baki

Dato' Hj. Sufaát bin Tumin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan

Abd. Razak bin Manaf
Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Datuk Dr. Amin bin Senin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan

Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang
Pengarah
Institut Aminuddin Baki

Dr. Marzita binti Abu Bakar
Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Dato' Wan Khazanah binti Ismail
Timbalan Ketua Setiausaha
Pengurusan

Dr. Zaiton bin Ismail
Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Prof. Dato' Dr. Zakaria bin Kasa
Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abdul Razak bin Abdul Rahim
Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Prof. Dato' Dr. Hussein bin Hj. Ahmad
Fellow Penyelidik Kanan
Institut Kepimpinan Pendidikan,
Universiti Malaya

Hjh. Rokiyah Bee binti SNE Mohamad Shah
Wakil Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Prof Dato'. Dr. Hj. Ab. Rahim bin Selamat
Dekan, Fakulti Pendidikan
Panel Penasihat Pendidikan PPPM

Abdul Razak bin Alias
Wakil Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Dr. Zulwali Kifli bin Merawi
Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam
Sarawak

Rusli bin Wahab
Wakil Ketua Pusat
Institut Aminuddin Baki

Ainil Nilam binti Mohd Mokhtar
Wakil Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Dr. Zainab binti Hussin
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional
Institut Aminuddin Baki



Misi

*Membangun kepemimpinan pendidikan
bagi menghasilkan organisasi berkualitas*

Visi

*Pusat pembangunan kepemimpinan
pendidikan yang terbilang*



PIAGAM PELANGGAN

IAB komited untuk memberi kepuasan kepada *stakeholders dan pelanggan* berdasarkan piagam pelanggan seperti yang berikut dan akan memastikan:

1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 95% program latihan yang didaftarkan dalam dokumen Program Latihan IAB pada tahun berkenaan;
2. Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta kursus berpuas hati dengan pengendalian program latihan IAB;
3. Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta yang mengikuti program latihan berpuas hati dengan pengendalian sesi latihan oleh Pensyarah IAB dan Pensyarah Jemputan;
4. Memaklumkan pelanggan tentang kelulusan sesuatu kursus yang dipohon sekurang-kurangnya empat minggu sebelum kursus bermula;
5. Memastikan prasarana latihan dan semua keperluan serta peralatan latihan berfungsi dengan baik dan dalam keadaan siap sedia untuk digunakan dalam tempoh satu hari sebelum kursus bermula;
6. Menjalankan sekurang-kurangnya sembilan penyelidikan dan pembangunan sistem maklumat setahun;
7. Menghasilkan sekurang-kurangnya sepuluh penerbitan setahun;
8. Menjalankan sekurang-kurangnya enam program konsultasi termasuk khidmat pasukan pemikir setahun;
9. Menghasilkan indeks keperluan latihan dan pembangunan profesional pemimpin sekolah bagi setiap negeri setiap tahun;
10. Memastikan sekurang-kurangnya 80% peserta kursus berpuas hati dengan perkhidmatan sajian dan penginapan;
11. Menyediakan perkhidmatan perpustakaan pada setiap hari bekerja mulai 8.30 pagi hingga 4.45 petang;
12. Memastikan semua staf IAB mendapat peluang untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh hari setahun;
13. Memastikan maklum balas kepada semua pertanyaan dan aduan pelanggan mengenai pengurusan perkhidmatan di IAB menepati tempoh-tempoh berikut:
 - (a) akuan penerimaan dalam tempoh satu hari
 - (b) maklum balas awal dalam tempoh 15 hari
 - (c) laporan status aduan dalam tempoh lima minggu

DASAR KUALITI IAB

IAB komited untuk menyediakan program latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan,

Warga IAB komited untuk mematuhi keperluan-keperluan Sistem Pengurusan Kualiti dan meningkatkan keberkesannya secara berterusan.

Oleh itu:

- (a) Dasar Kualiti ini disebar, dimaklum dan dihayati melalui pelbagai media, latihan dan taklimat pengurusan.
- (b) Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti disemak semula dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan untuk memastikan kesesuaiannya.

Sebagai satu bahagian KPM yang membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM, IAB memenuhi tanggungjawabnya melalui enam fungsi utama iaitu:

- Latihan
- Pentaksiran
- Konsultasi
- Penyelidikan
- Penerbitan
- Pasukan pemikir

Keenam-enam fungsi ini akan dijalankan oleh lapan pusat dalam organisasi IAB iaitu:

1. PUSAT PEMBANGUNAN ORGANISASI

- Menggubal dan mengurus dasar pembangunan program latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan organisasi.
- Merancang, merangka dan mewujudkan pelan kecemerlangan IAB.
- Menjalankan kajian keperluan dan keberkesanan program latihan pembangunan kompetensi staf.
- Merancang dan menyelaras program pembangunan kompetensi staf IAB.
- Memastikan pembangunan dan pelaksanaan standard latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan.
- Membangun dan memantapkan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti IAB.
- Mewujudkan hubungan dan kerjasama peringkat nasional dan antarabangsa dalam pelaksanaan program latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan.
- Menyelaras pengurusan pembangunan instrumen dan keputusan peperiksaan
- Menyelaras Pengurusan Risiko IAB.

2. PUSAT PENTAKSIRAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

- Merancang, menyediakan dan mengkaji keperluan pembangunan kepimpinan pendidikan sekolah dan sistem.
- Merancang, menyediakan dan mengkaji pembangunan pemilihan pemimpin pelapis kepimpinan pendidikan berserta dengan sistem pemilihan pengetua.
- Merancang, menyediakan dan menilai program Master Trainer dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

3. PUSAT PENGURUSAN TEKNOLOGI

- Mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar ICT KPM.
- Merancang, membangun dan melaksanakan sistem maklumat, e-Pembelajaran dan infrastruktur ICT IAB untuk menyokong pelaksanaan program latihan IAB.
- Merancang, membangun dan melaksanakan sistem maklumat, e-Pembelajaran dan infrastruktur ICT IAB untuk menyokong pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran IAB.
- Menyelaras sistem maklumat, e-Pembelajaran dan rangkaian IAB serta mengawal sumber-sumber berkaitan ICT.
- Merancang keperluan peralatan ICT, menyenggara infrastruktur ICT, dan memberi khidmat sokongan teknikal bagi urusan perolehan dan pelupusan peralatan ICT.

4. PUSAT DOKUMENTASI DAN SUMBER PENDIDIKAN

- Merancang, mengurus memantau dan melaksana program penerbitan dan dokumentasi IAB dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus dan mengumpul bahan penulisan, penilaian dan penterjemahan bahan terbitan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus hal-hal berkaitan dengan penyuntingan, reka bentuk bahan penerbitan dan percetakan bahan penerbitan berkualiti dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan
- Mengurus pendokumentasian bahan bercetak dan digital dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus latihan dan khidmat konsultasi serta membuat penyelidikan berkaitan dengan aktiviti penulisan dan penerbitan serta perkhidmatan Pusat Sumber Pendidikan.
- Mengurus perkhidmatan Pusat Sumber dan penyebaran maklumat dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus pembangunan koleksi bahan bercetak dan digital dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mempromosi perkhidmatan dan penerbitan Institut Aminuddin Baki.
- Merancang, mengurus, melaksanakan majlis dan program khas IAB yang diarahkan dari semasa ke semasa.

5. PUSAT PEMBANGUNAN PENGURUSAN PENDIDIKAN

- Melaksanakan dasar-dasar latihan pembangunan pengurusan pendidikan.
- Memastikan perancangan, pelaksanaan serta menyelia program latihan dalam bidang pengurusan pendidikan, konsultasi, penyelidikan dan penerbitan untuk meningkatkan kompetensi pengurus dan pemimpin pendidikan.
- Membangunkan model pembangunan pengurusan pendidikan yang berkesan sebagai rujukan kepada organisasi latihan di dalam dan luar negeri.
- Menyediakan kumpulan pemikir dalam bidang pembangunan pengurusan pendidikan.
- Bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain di KPM serta agensi luar bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan kepimpinan pemimpin pendidikan

6. PUSAT PENYELIDIKAN, PENILAIAN DAN ICT

- Merancang, menyelaraskan dan melaksana program latihan dalam bidang penyelidikan, penilaian dan ICT untuk pemimpin pendidikan.
- Menggubal kurikulum dan modul latihan dalam bidang penyelidikan, penilaian dan ICT untuk pemimpin pendidikan
- Mengkaji dan menilai keberkesanan serta keperluan program latihan dalam bidang penyelidikan, penilaian dan ICT untuk pemimpin pendidikan.
- Merancang dan mengawal selia aktiviti penyelidikan Institut Aminuddin Baki.
- Membangunkan kompetensi penyelidikan dalam kalangan pensyarah IAB.

7. PUSAT KEPIMPINAN DAN KOMUNIKASI PENDIDIKAN

- Merancang dan melaksanakan latihan bagi pengurus dan kepimpinan pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui jabatan:
 - Jabatan Pembangunan Pemimpin Pelapis Pendidikan (JPPPP)
 - Jabatan Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Pejabat (JPKPP)
 - Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK).
- Menyelaraskan dan mengurus program-program latihan berkaitan dengan kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Memantau pelaksanaan program penyelidikan berkaitan dengan kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Merancang dan khidmat konsultasi berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Melaksanakan pentaksiran berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat
- Membuat penulisan dan penerbitan berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Memberi khidmat *think tank* berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.

8. PUSAT KONSULTASI DAN MENTORING

- Merancang, menggubal dan melaksanakan program latihan berkaitan dengan konsultasi dan pembangunan organisasi pendidikan melalui:
 - i. Jabatan Pengurusan Kluster Kecemerlangan
 - ii. Jabatan Memperkasa Sekolah
 - iii. Jabatan Coaching dan Mentoring
 - iv. Jabatan Pengajian Komparatif Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
- Merancang, mentadbir dan melapor penyelidikan yang berkaitan dengan konsultasi dan pembangunan organisasi.
- Merancang dan melaksanakan pentaksiran berkaitan dengan konsultasi dan pembangunan organisasi pendidikan.
- Merancang dan menghasilkan penulisan berkaitan konsultasi dan pembangunan organisasi untuk diterbitkan.
- Menyumbang idea dan menjadi kumpulan pemikir berkaitan konsultasi dan pembangunan organisasi pendidikan.
- Menyumbang khidmat sokongan kepada bahagian-bahagian lain di KPM dan agensi luar.

9. PEJABAT PENDAFTAR

- Mengurus dan mengelola hal ehwal perkhidmatan dan perjawatan semua kakitangan IAB. Ini termasuklah:
- Merekod dan menyenggara buku perkhidmatan, cuti kakitangan, urusan kenaikan pangkat dan pertukaran staf, urusan persaraan dan pencen staf, perancangan kerja dan prestasi tahunan staf, menyimpan dan menyenggara fail-fail ikhtisas dan sokongan.
- Menyediakan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk IAB Induk dan cawangan-cawangannya. Menyelaraskan pengagihan peruntukan kewangan, memproses baucer-baucer tuntutan untuk staf Menguruskan semua tuntutan dan pembayaran serta menyediakan laporan perbelanjaan bulanan dan tahunan.
- Menyediakan senarai kursus yang telah diperakukan dan Lembaga Pengajian serta menetapkan jadual waktu, takwim tahunan bagi kursus yang akan dilaksanakan.
- Menyelaraskan supaya penggunaan bilik asrama digunakan dengan optimum dan menentukan penyediaan makanan di asrama bermutu dan memenuhi tuntutan dalam kontrak.
- Merancang dan mengendalikan program-program pembangunan di IAB.
- Mewujudkan kerjasama dengan institusi di bawah KPM yang terlibat dalam program pembangunan
- Mengendalikan Pengurusan Aset, Stor, Inventori dan Hapuskira. Mendaftar aset, mengurus pengagihan dan perpindahan aset serta pengurusan harta modal dan inventori serta menguruskan pelupusan.




JEJAK KEPIMPINAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Pada 14 Mac 1988, YB Menteri Pelajaran Malaysia mengistiharkan pertukaran nama Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN) kepada Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai mengenang jasa Allahyarham Aminuddin Baki (Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu) dalam bidang pendidikan.

IAB terus memainkan peranan sebagai institusi latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang berwibawa di bawah kepimpinan pengarah iaitu:


1979-1986	Dr. Chew Tow Yow
1987-1988	Dr. Mohd. Yaacob bin Haji Mat Nong
1988-1992	Dato' Dr. Hussein bin Haji Ahmad
1992-1999	Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Barjunid
1999-2000	Dato' Dr. Ab. Rahim bin Selamat
2000-2003	Dr. Wan Chik Rahmah binti Wan Din
2003-2004	Dr. Ishak bin Sin
2005-2006	Dr. Zulwali Kifli bin Merawi
2006-2009	Dato' Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof
2009-2010	Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud
2010-2012	Dato' Dr. Amin bin Senin
2012-kini	Dato' Haji Khairil bin Haji Awang



BAB 2

- Lanskap *Premier Centre* IAB 2012 - 2016
- Ringkasan Program IAB 2012





Lanskap *Premier Centre* IAB 2012-2016 merupakan pelan jangka panjang IAB. Pelan kecemerlangan ini akan mengukuhkan tradisi kecemerlangan IAB dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (*Educational Leadership & Management-ELM*) Pelan kecemerlangan ini memetakan tiga Bidang Keberhasilan Utama (KRA) iaitu Pembelajaran dan Pembangunan, Master Trainer, dan Pusat Rujukan. Pelaksanaan Lanskap *Premier Centre* ini dapat menghasilkan pemimpin pendidikan yang kompeten dan berwibawa.

KRA Pembelajaran dan Pembangunan bertujuan membangun dan meningkatkan keupayaan kepimpinan pendidikan melalui dua subbidang keberhasilan utama iaitu Pembangunan individu dan Pembangunan Organisasi. Dalam Pembangunan Organisasi usaha membangun kepimpinan pendidikan dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi organisasi sekolah yang sistematik dalam konteks persekitaran kerja. Program yang dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi organisasi sekolah seperti SIPartners, Speed-Up, ProD, SKK, dan BOS. Manakala dalam Pembangunan Individu usaha yang sistematik berfokus kepada pembangunan profesionalisme pemimpin pendidikan dilaksanakan melalui latihan profesional bagi meningkatkan prestasi kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Kursus yang dilaksanakan secara berpusat seperti KKPP, KKKPP, NPQEL, dan CPD.

KRA Master Trainer bertujuan membangun jurulatih profesional dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui dua inisiatif Pembangunan Master Trainer iaitu Pembangunan

Profesional dan Pensijilan. Pembangunan Master Trainer merupakan subbidang keberhasilan utama Master Trainer. Dalam pembangunan Master Trainer usaha membangun, mentaksir, dan mengiktiraf kepakaran jurulatih profesional secara sistematik dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi kejurulatihan dalam bidang pembelajaran dan pembangunan melalui inisiatif organisasi dan inisiatif individu.

KRA Pusat Rujukan bertujuan menjadikan IAB sebagai pusat rujukan kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui tiga subbidang keberhasilan utama iaitu Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan. Dalam subbidang keberhasilan utama Penyelidikan dan Pembangunan usaha dilaksanakan bagi memperkaya tubuh ilmu dan membangun model watan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan serta membudayakan amalan kepimpinan dan pengurusan pendidikan berasaskan kualiti penyelidikan. Dalam subbidang keberhasilan utama Jaringan dan Kolaboratif merupakan usaha perkongsian maklumat dan kepakaran dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dilakukan bersama individu atau organisasi luar bagi mengukuhkan hubungan dan kerjasama ke arah faedah bersama. Manakala subbidang keberhasilan utama Pengurusan Pengetahuan dilaksanakan usaha untuk menjadikan IAB sebagai pusat repositori tubuh ilmu, amalan terbaik dan hasil penyelidikan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Usaha dalam merealisasikan *Premier Centre* ini dinyatakan dengan terperinci dalam Rangka Kerja PC 2012-2016.

Misi


Membangun
kepemimpinan
pendidikan bagi
menghasilkan
organisasi
berkualiti

Visi

Pusat
pembangunan
keimpinan
pendidikan
yang
terbilang

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA

Lanskap *Premier Centre* IAB ialah Pelan Kecemerlangan IAB 2012-2016. Pelan kecemerlangan ini mengukuhkan tradisi kecemerlangan IAB dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (*Educational Leadership & Management -ELM*) melalui tiga Bidang Keberhasilan Utama iaitu Pembelajaran dan Pembangunan, Master Trainer dan Pusat Rujukan. Pelaksanaan Lanskap *Premier Centre* ini dapat menghasilkan pemimpin pendidikan yang kompeten dan berwibawa.



PEMBELAJARAN PEMBANGUNAN

Membangun dan meningkatkan keupayaan kepimpinan pendidikan melalui dua Subbidang Keberhasilan Utama iaitu Pembangunan Individu dan Pembangunan Organisasi.



MASTER TRAINER

Membangun jurulatih profesional dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui dua inisiatif Pembangunan Master Trainer iaitu Pembangunan Profesioanal serta Pentaksiran dan Pensijilan.



PUSAT RUJUKAN

Menjadi pusat rujukan kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui tiga Subbidang Keberhasilan Utama iaitu Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan.

SUBBIDANG KEBERHASILAN UTAMA

Berdasarkan tiga Bidang Keberhasilan Utama enam Subbidang Keberhasilan Utama telah dikenalpasti

1. Pembangunan Individu
2. Pembangunan Organisasi
3. Pembangunan Master Trainer
4. Penyelidikan dan Pembangunan
5. Jaringan dan Kolaboratif
6. Pengurusan Pengetahuan




PEMBANGUNAN INDIVIDU

Usaha yang sistematis berfokus kepada pembangunan profesionalisme pemimpin pendidikan bagi tujuan meningkatkan prestasi kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dilaksanakan secara berpusat seperti kursus, bengkel, latihan amal dan kolokium.

RANGKA KERJA PREMIER CENTRE

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	SUBBIDANG KEBERHASILAN UTAMA	OBJEKTIF
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	Pembangunan Individu	1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan dan kepimpinan dalam kalangan pemimpin pendidikan. 2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap program latihan IAB.
	Pembangunan Organisasi	1. Meningkatkan prestasi institusi pendidikan. 2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap program pembangunan organisasi (OD) IAB.
MASTER TRAINER	Pembangunan Master Trainer	1. Membangunkan kompetensi kejurulatihan sebagai Master Trainer (MT). 2. Meningkatkan tahap kepuasan peserta yang mengikuti program latihan dan pembangunan MT. 3. Menginstitusikan IAB sebagai Badan Pentauliah MT.
PUSAT RUJUKAN	Penyelidikan dan Pembangunan	1. Memantapkan kompetensi pensyarah dalam penyelidikan. 2. Meningkatkan kuantiti dan kualiti produk penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. 3. Meningkatkan peratusan kepuasan pengguna terhadap produk penyelidikan dan pembangunan IAB.
	Jaringan dan Kolaboratif	1. Meningkatkan jaringan dan kolaboratif dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. 2. Meningkatkan keupayaan IAB sebagai hub pendidikan di rantau ini dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. 3. Meningkatkan tahap kepuasan peserta yang menyertai program Jaringan dan Kolaboratif.
	Pengurusan Pengetahuan	1. Menyedia dan memantapkan kualiti perkhidmatan repositori aset pengetahuan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. 2. Meningkatkan tahap Kepuasan Pelanggan.



PEMBANGUNAN ORGANISASI

Usaha membangun kepimpinan pendidikan yang bertujuan meningkatkan prestasi organisasi melalui proses perubahan organisasi yang sistematik dalam konteks persekitaran kerja seperti Program School Improvement Partner (SIPartner) dan Program Organisational Development (PrOD)



PEMBANGUNAN MASTER TRAINER

Usaha membangun, mentaksir dan mengiktiraf kepakaran jurulatih profesional secara sistematik bagi meningkatkan kompetensi kejurulatihan dalam bidang pembelajaran dan pembangunan melalui inisiatif organisasi dan inisiatif individu.

BAB 2

PROGRAM-PROGRAM TAHUN 2012

2012-2016

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	TOV	SASARAN				
		2012	2013	2014	2015	2016
1a. Peratus pelaksanaan program pembangunan individu yang dijadualkan.	100%	100%	100%	100%	100%	100%
1b. Peratus peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta sekurang-kurangnya 20%.	100%	100%	100%	100%	100%	100%
1c. Peratus pemimpin pendidikan yang menunjukkan perubahan amalan dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan organisasi.	NA	80%	82%	84%	86%	90%
2. Peratus kursus yang mencapai 82% tahap kepuasan pelanggan.	100%	100%	100%	100%	100%	100%
1a. Bilangan Institusi Pendidikan dalam negara yang menyertai program OD IAB.	150	250	250	250	250	250
1b. Peratus peningkatan prestasi Institusi Pendidikan yang menyertai program OD IAB.	50%	50%	50%	50%	50%	50%
1c. Bilangan Institusi Pendidikan luar negara yang menyertai program OD IAB.	NA	0	1	2	3	4
2. Peratus peserta Program OD IAB yang berpuas hati.	100%	100%	100%	100%	100%	100%
1. Bilangan peserta yang menamatkan Program Pembangunan Kejurulatihan.	NA	190	210	310	330	430
2. Peratus kursus Master Trainer yang mencapai tahap kepuasan pelanggan melebihi 82%.	100%	100%	100%	100%	100%	100%
3. Bilangan MT yang ditauliahkan mengikut empat kategori Master Trainer.	NA	240	340	320	320	380
1a. Peratus penyelidik kompeten.	10%	15%	20%	30%	40%	50%
2a. Bilangan pembentangan penyelidikan mengikut peringkat.	10	12	14	16	18	20
2b. Bilangan penerbitan penyelidikan dalam jurnal berwasit mengikut peringkat	10	12	14	16	18	20
2c. Bilangan model pengurusan dan kepimpinan pendidikan.	5	6	7	8	9	10
3. Peratus penarafan terhadap abstrak penyelidikan dalam talian.	NA	80%	82%	84%	86%	90%
1a. Peningkatan bilangan jaringan dalam dan luar negara.	100	120	140	160	180	200
1b. Peningkatan bilangan program kolaboratif dilaksanakan.	8	12	16	20	25	30
2a. Peningkatan bilangan pengkhususan/ negara dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.	NA	5	10	15	20	25
2b. Peningkatan bilangan kajian perbandingan dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan.	1	2	3	4	5	6
2c. Bilangan program seminar/bengkel/ kolokium dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	1	2	4	6	8	10
3. Peratus peserta yang mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan.	NA	100%	100%	100%	100%	100%
1a. Bilangan modul-modul sistem repositori aset pengetahuan.	NA	3	3	3	3	3
1b. Jumlah jam maksimum gangguan capaian sistem setahun.	NA	120	96	72	48	24
2. Peratus kepuasan pelanggan.	NA	705	80%	90%	90%	90%



PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

Usaha memperkaya tubuh ilmu dan membangun model watan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan serta membudayakan amalan kepimpinan dan pengurusan pendidikan berasaskan kualiti penyelidikan.



PENGURUSAN PENGETAHUAN

Usaha menjadikan IAB sebagai pusat repositori tubuh ilmu, amalan terbaik dan hasil penyelidikan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.



JARINGAN & KOLABORATIF

Usaha perkongsian maklumat dan kepakaran dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dilakukan bersama individu atau organisasi luar bagi mengukuhkan hubungan dan kerjasama ke arah faedah bersama.

PENGUPAYA

Usaha menggembeleng sumber manusia dan memanfaatkan kewangan, perkhidmatan, infrastruktur serta infostruktur bagi menjayakan pengoperasian Lanskap *Premier Centre* IAB.

RINGKASAN PROGRAM IAB TAHUN 2012

Terdapat pelbagai jenis program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012, yang melibatkan pemimpin sekolah, pegawai-pegawai dari agensi-agensi di KPM dan *stake holder* dari agensi luar KPM. Berikut ialah ringkasan jenis program, bilangan aktiviti dan bilangan peserta yang telah mengikuti pelbagai program di IAB pada tahun 2012. Ringkasan keseluruhan program seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Senarai Program IAB Tahun 2012


Bil.	Jenis Program	Bilangan Program Keseluruhan	Bilangan Peserta Keseluruhan
1.	Kursus CPD	632	15882
2.	KKKP & KKKP Khas	58	954
3.	Bengkel	141	1987
4.	NPQEL	44	609
5.	Kolokium	4	358
6.	Komensmen	1	300
7.	Konsultasi	4	227
8.	Taklimat	28	840
9.	Majlis	5	1810
10.	Mesyuarat	327	1,4293
11.	Penyelidikan	11	260
12.	Seminar	6	679
13.	Pembangunan Staf	16	2,150
14.	Pentaksiran	3	1130
15.	Agensi Luar	59	3654



2.1

PROGRAM PEMBANGUNAN INDIVIDU (PI)

-



“Pembangunan Individu adalah proses pembangunan profesionalisme individu... melalui latihan jangka panjang dan jangka pendek”.

2.1 PEMBANGUNAN INDIVIDU

Pembangunan Individu (PI) ialah proses pembangunan profesionalisme individu dalam organisasi bertujuan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan masing-masing. Program ini dizahirkan melalui latihan jangka panjang dan jangka pendek. Kumpulan sasaran program pembangunan individu dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu;

- i) Kumpulan pemimpin pelapis terdiri daripada kalangan guru penolong kanan
- ii) Kumpulan pemimpin novis terdiri daripada guru besar dan pengetua yang baru dilantik.
- iii) Kumpulan pemimpin senior adalah mereka yang telah lama menjawat jawatan sebagai pemimpin pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.1.1 KURSUS KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN (KKPP)

Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan ini merupakan kursus asas yang meliputi asas-asas pengurusan. Para peserta akan didedahkan kepada konsep-konsep, prinsip-prinsip dan teknik-teknik asas pengurusan yang berkaitan dengan tugas utama mereka. Ia akan dapat membantu pengurus sekolah mengurus sekolah secara lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kumpulan Sasaran

- Guru Besar dan Pengetua yang baru dilantik dalam tempoh tiga tahun

Objektif

Pada akhir kursus, peserta akan dapat:

- memahami asas pengurusan dan kepimpinan serta kemahiran- kemahiran yang penting sebagai pengurus dan pemimpin sesebuah organisasi.
- memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas tentang pengurusan kurikulum dan peranannya sebagai pemimpin instruksional.
- memahami tentang pengurusan kokurikulum dan pengurusan Hal Ehwal Murid untuk perkembangan pelajar secara menyeluruh dan kesejahteraannya.
- memahami pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran dengan cekap dan berkesan.
- memahami dan menghayati pentingnya pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dengan cekap dan berkesan untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran.
- memahami pengurusan dan pembangunan sumber manusia dengan cekap dan berkesan secara berterusan demi meningkatkan tahap profesionalisme staf.
- kemahiran dalam pengurusan hubungan luar secara perkongsian pintar.
- memahami peranan sebagai pengurus sekolah dalam konteks tugas dan tanggungjawab.
- memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas tentang pengurusan pendidikan

2.1.2 KURSUS KHAS KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN (KKKPP)

KKKPP direka bentuk bagi pemimpin sekolah yang telah berkhidmat sebagai Pengetua atau Guru Besar melebihi satu tahun tetapi mereka masih belum menghadiri Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKPP). Kursus ini akan dapat membantu pengurus sekolah mengurus sekolah secara lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Pelaksanaan Program KKKPP diadakan merujuk kepada Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Bil 2/2010 bertarikh 28 Mac 2010 telah memutuskan bahawa setiap pengetua dan guru besar yang baru dilantik wajib mengikuti Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKPP) anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB). Hal ini dilakukan berasaskan data daripada Jabatan Pelajaran Negeri yang mendapati 2833 orang pengurus sekolah masih belum dilatih. Sehubungan dengan itu, mana-mana pengetua dan guru besar yang telah dilantik sebelum tahun 2011 dan belum menghadiri KKPP atau Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) atau Program Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) wajib mengikuti Kursus Khas Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKKPP) anjuran IAB. Pada tahun 2012, seramai 537 orang pengurus sekolah telah mengikuti KKKPP di IAB Induk, Sabah dan Sarawak. Ini bermakna hanya 18.96% sahaja pengurus sekolah yang berjaya dilatih pada tahun ini. Jumlah ini terdiri daripada 32 orang pengetua dan 505 orang guru besar.

Kumpulan Sasaran

- Guru Besar dan Pengetua yang berkhidmat lebih daripada satu tahun

Objektif

Pada akhir kursus, peserta akan dapat:


- memahami asas pengurusan dan kepimpinan serta kemahiran- kemahiran yang penting sebagai pengurus dan pemimpin sesebuah organisasi.
- memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas tentang pengurusan kurikulum dan peranannya sebagai pemimpin instruksional.
- memahami pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran dengan cekap dan berkesan.
- memahami peranan sebagai pengurus sekolah dalam konteks tugas dan tanggungjawab.
- memperolehi pengetahuan dan kemahiran tentang pengurusan pendidikan.

Perbezaan Kehadiran Antara Kursus KKPP dan KKKPP
Tahun 2011 dan 2012

Jenis Kursus		KKPP		KKKPP	
Tahun		2011	2012	2011	2012
Bilangan Kursus	Pengetua	15	13	Belum bermula	2
	Guru Besar	35	22		19
Jumlah Ambilan	Pengetua	450	390		60
	Guru Besar	1050	660		570
Hadir	Pengetua	333	360		32
	Guru Besar	809	602		505
Peratusan Kehadiran (%)	Pengetua Guru Besar	76.10	91.60		70.95

Kursus KKPP Tahun 2011 dan Tahun 2012

Tahun	2011		2012	
Peserta	Pengetua	Guru Besar	Pengetua	Guru Besar
Bilangan Hadir	333	809	360	602
Jumlah hadir	1142		962	
Jumlah Sasaran	1500		1050	
Peratus Kehadiran	76.10		91.6	




Jumlah Pengetua dan Guru Besar Yang Telah Mengikuti Kursus KKPP dan KKKPP Tahun 2011 dan 2012

Tahun	2011		2012			
Jenis Kursus	KKPP		KKPP		KKKPP	
Peserta	Pengetua	Guru Besar	Pengetua	Guru Besar	Pengetua	Guru Besar
Bilangan Hadir	333	809	360	602	32	507
Jumlah Hadir	1142		962		537	
			1499			

Catatan:

KKKPP hanya bermula pada 13 Mei 2012.

Bilangan Kehadiran Pengetua Dan Guru Besar Bagi Tahun 2011 Dan 2012 Yang Mengikuti Kursus KKPP Dan KKKPP



PENAMBAHBAIKAN

Pada tahun 2012 beberapa penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap Kursus KKPP. Antaranya:

1. *Data driven information* - Peserta dikehendaki mengisi borang soal selidik sebelum dan selepas kursus. Tujuannya untuk melihat keberkesanan kursus terhadap peserta.
2. *Follow up dan Follow Through* - Pensyarah IAB akan menjalankan tindak susul terhadap peserta yang telah menghadiri kursus untuk melihat sejauhmana peserta telah melaksanakan perkara yang dipelajari semasa kursus.

Kesimpulannya, Kursus KKPP dan KKKPP akan berakhir pada Tahun 2013, kerana berdasarkan perangkaan semua Pengetua dan Guru Besar yang layak telah menghadiri kursus berkenaan. Semua Pengetua dan Guru Besar yang baru dilantik pada tahun-tahun akan datang perlu menghadiri kursus NPQEL.

2.1.3 PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL KEPENGETUAAN KEBANGSAAN (NATIONAL PROFESIONAL QUALIFICATION FOR EDUCATION LEADERS NPQEL)

Kursus ini diadakan bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang mampu menerajui sekolah ke arah kecemerlangan. Kursus ini disusun untuk memberikan pengalaman terancang kepada peserta dalam memperoleh dan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang berguna untuk tujuan pengurusan sekolah. Di samping itu dapat memberi peluang kepada peserta untuk membuat jaringan profesional dalam usaha ke arah penambahbaikan sekolah.

Sasaran

Permohonan boleh dibuat oleh bakal peserta secara *online* setelah iklan kursus disiarkan dalam Portal KPM dan Portal IAB. Peserta dipilih oleh Panel Pemilih, IAB.

Objektif

Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:

- Mengamalkan ilmu pengurusan dan kepimpinan berkesan di sekolah berpandukan latihan dan pengalaman yang diperoleh.
- Memperoleh pengalaman sebenar dalam mengenal pasti keperluan, merancang, melaksana dan menilai program intervensi yang dilaksanakan di sekolah.
- Menjalankan refleksi sendiri bagi tujuan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri dan merancang pembangunan profesional sendiri secara berterusan.

Pencapaian Dan Impak

Konsultasi

Konsultasi *on-site* diberi kepada peserta program NPQEL semasa aktiviti penandaarasan dan sandaran di sekolah. Hal ini bagi memastikan bahawa program dan projek yang dipilih mengikut keperluan sekolah, sesuai dan mampu memenuhi objektif program ini.

Program Penandaarasan dan Program Sandaran Bagi Ambilan 1/2012 & 2/2012

Perkara	Ambilan 1/2012		Ambilan 2/2012	
154.	Razali bin Mat Omar	Pensyarah Iab (Bersara)	MTIAB-0230 (C)

Rumusan

Program Master Trainer ialah satu inisiatif untuk membangunkan kapasiti dan kualiti *Trainer* dan *Coach* dalam bidang pengurusan dan kepimpinan sekolah. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif di peringkat operasi untuk mewujudkan Pembimbing Pengetua, Pembimbing Program Pembangunan Sekolah melalui program PrOD, SPeeP-uP, PRLme dan *School Improvement Specialist Coach* (SISC) yang menyokong pelaksanaan transformasi pendidikan gelombang 1 (2013-2015) mewujudkan Pembimbing Pengetua yang berdedikasi untuk pemimpin sekolah band 5, 6 dan 7. *Certified Master Trainer* dalam kalangan pensyarah IAB dapat memperkasakan fungsi IAB bagi menyokong inisiatif KPM untuk membangunkan pemimpin berprestasi tinggi bagi meneraju sekolah di Malaysia.



“ Pembangunan penyelidikan merupakan usaha untuk memperkayakan tubuh ilmu dan membangunkan model watan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan”

2.4 PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Program Pembangunan dan Penyelidikan merupakan usaha untuk memperkaya tubuh ilmu dan membangunkan model watan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan serta membudayakan amalan penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Di bawah inisiatif Program Pembangunan dan Penyelidikan IAB berhasrat:

- (i) memantapkan kompetensi pensyarah dalam bidang penyelidikan
- (ii) meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
- (iii) meningkatkan peratusan kepuasan pengguna terhadap produk penyelidikan dan pembangunan IAB

Pencapaian


- (i) **Program Lestari Penyelidikan** diadakan untuk memantapkan program pembangunan dan penyelidikan. Sepanjang tahun 2012, sembilan aktiviti telah dijalankan:
 - Kursus Penyelidikan
 - Mentor-mentee Penyelidikan,
 - Mini Seminar Penyelidikan,
 - Buku Manual Penyelidikan,
 - Mesyuarat Jawatan Kuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan,
 - Aplikasi Pemantauan Penyelidikan IAB,
 - Instrumen Kompetensi Penyelidikan,
 - Galeri Penyelidikan
 - Abstrak Penyelidikan bagi Repositori Dalam Talian.
- (ii) **Penyelidikan**


Sebanyak 17 penyelidikan dijalankan sepanjang tahun 2012 dan dijangka akan tamat pada tahun 2013. Penyelidikan merangkumi kajian asas, keberkesanan program, keperluan latihan dan komparatif. Kajian-kajian tersebut ialah:

Bil	Tajuk	Jenis Kajian	Status Pelaksanaan
1	Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah	Watan	Analisis Data
2	Kesan Kepimpinan Transformasional ke atas Stres dan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Zon Utara: Satu Analisis Model Persamaan Berstruktur	Asas	Analisis Data
3	Hubung kait antara Tingkah Laku Kepimpinan Sekolah dengan Efikasi Guru	Asas	Analisis Data
4	Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Pemimpin Sekolah	Asas	Pembinaan Instrumen
5	Pengaruh <i>Coaching & Mentoring</i> Terhadap Efikasi Guru di Sekolah Gandingan IAB	Asas	Analisis Data
6	Personaliti dan <i>Burnout</i> dalam kalangan pemimpin sekolah	Asas	Pembinaan Instrumen
7	Kebijaksanaan Kepimpinan Pengetua dan Guru Besar Menurut Persepsi GPK SBT	Asas	Pengumpulan Data

8	Keberkesanan Kursus Pengurusan Pusat Sumber Pendidikan Dalam Kalangan Pemimpin Sekolah	Keberkesanan Program	Pengumpulan Data
9	Implikasi PrOD terhadap Pembangunan Kepimpinan, Pengurusan Organisasi dan Pengajaran -Pembelajaran Sekolah	Keberkesanan Program	Analisis Data
10	Keberkesanan Pendidikan PraSekolah	Keberkesanan Program	Pembinaan Instrumen
11	Keberkesanan Kursus Pengurusan LINUS Dalam Kalangan Pemimpin Sekolah	Keberkesanan Program	Pengumpulan Data
12	Keberkesanan Kursus Memantau Pencapaian Murid dalam Kalangan Guru Besar dan Penolong Kanan Sekolah Rendah	Keberkesanan Program	Pengumpulan Data
13	Aplikasi Input Latihan IAB dalam Pelaksanaan Dasar MBMMBI	Keberkesanan Program	Pengumpulan Data
14	Pengaruh Kepimpinan Instruksional dan Kepimpinan Transformasional Ke atas Komitmen Organisasi Guru: Satu Kajian Komparatif Sekolah Rendah Zon Utara	Komparatif	Analisis Data
15	<i>Organization Culture, Instructional Leadership And Trust: A Comparative Study (Malaysia, Kazakhstan, Iran, South Africa, India, Thailand, Japan And Maldives)</i>	Komparatif	Penulisan Laporan
16	Kepuasan Pelanggan Dalam Kalangan Staf Terhadap Pengurusan Perhubungan Pelanggan Institut Aminuddin Baki	Keperluan Latihan	Penulisan Laporan
17	Kemahiran Penulisan Ilmiah Dalam Kalangan Pensyarah Institut Aminuddin Baki	Keperluan Latihan	Pembinaan Instrumen

Bilangan jenis penyelidikan yang dijalankan dan status pelaksanaannya dapat dilihat berdasarkan carta-carta berikut:





Definisi kategori penyelidikan

- i) **Penyelidikan watan:** Penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang:
 - Unik oleh penyelidik IAB yang tertumpu kepada bidang pengurusan dan kepimpinan pengurusan pendidikan.
 - Bersifat guna atau boleh diguna pakai bagi menyelesaikan masalah pendidikan.
 - Menghasilkan teori dan model yang dibuktikan pengamal atau aplikasinya dalam organisasi.
 - Hak *patent* atau hak cipta terpelihara dimiliki oleh IAB.
- ii) **Penyelidikan dan pembangunan asas:** penyelidikan dan pembangunan khusus untuk menerokai, membina teori atau menyambung penyelidikan sebelumnya bagi menambah tubuh ilmu bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- iii) **Kajian keberkesanan program:** kajian untuk menilai keberkesanan, impak atau keberhasilan sesuatu program.
- iv) **Penyelidikan komparatif:** Kajian yang dilakukan untuk membuat perbandingan antara dua atau lebih perkara dalam konteks amalan pengurusan dan kepimpinan pendidikan bagi mencari persamaan atau perbezaan.
- v) **Kajian keperluan latihan:** kajian untuk mengenal pasti keperluan latihan pelanggan IAB.

Rumusan


Kajian-kajian keberkesanan program dan keperluan latihan dapat memberi input kepada IAB untuk menambah baik program latihan dari semasa ke semasa. Manakala kajian lain digalakkan sebagai usaha menjadikan IAB sebagai pusat utama penyelidikan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan sekolah. Di samping itu, kajian komparatif semakin diberi penekanan dalam usaha IAB untuk menjadi pusat kecemerlangan pada peringkat antarabangsa.

2.5 PROGRAM JARINGAN DAN KOLABORATIF

- 2.5.1 Lawatan Seminar Ke Luar Negara
- 2.5.2 Program Pengantarabangsaan
- 2.5.3 Pelawat Dari Luar Negara



“...IAB sebagai hub pendidikan pengurusan dan kepimpinan pendidikan di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan serantau”



2.5 PROGRAM PENGANTARABANGSAAN DAN KOLABORATIF

Program Jaringan dan Kolaboratif diwujudkan untuk berkongsi maklumat dan kepakaran dalam bidang kepimpinan dan pengurusan dengan agensi pendidikan di luar negara. Di samping itu, IAB berhasrat untuk menjadi hub pendidikan dan pengurusan kepimpinan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Tiga aktiviti utama di bawah program ini ialah IAB mengadakan lawatan ke luar negara, program pengantarabangsaan dan menerima pelawat dari luar negara.

Pencapaian

2.5.1 Lawatan dan Seminar Ke luar negara

Dua lawatan telah diadakan pada tahun 2012 iaitu ke Uzbekistan dan lawatan balas pendidikan ke Korea Selatan. Kedua-dua lawatan ini berjaya memperkenalkan kecemerlangan IAB dalam bidang *Education Leadership Management* (ELM). Di samping itu, pengetahuan mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan kedua-dua buah negara itu dapat memberi maklumat mengenai kepimpinan instruksional, pembangunan profesional berterusan, laluan kerjaya dan prosedur operasi latihan yang dijalankan kepada pemimpin-pemimpin sekolah di negara-negara berkenaan.

Seminar MoodleMootAu 2012 di Australia telah dihadiri oleh pensyarah kanan Pusat Pengurusan Teknologi IAB yang bertujuan untuk menyertai seminar dan bengkel bagi pengguna, pembangun dan pentadbir sumber perisian terbuka Moodle yang merupakan platform kepada portal e-Pembelajaran IAB. Seminar ini membantu pembangun sistem pengkomputeran (*system developer*) di IAB dan memantapkan pengurusan Portal e-Pembelajaran sebagai alat utama penyampaian pembelajaran secara atas talian.

2.5.2 Program Pengantarabangsaan

- a) Malaysia Australia Education Project for Afghanistan (MAEPA) Leadership dan Management Training (LMT) Kohort 1 dan Kohort 2 yang melibatkan 30 orang peserta bagi setiap kohort. Usaha awal MAEPA tertumpu pada Literasi dan Pendidikan Islam untuk Jurulatih Guru Master. Selepas itu, usaha yang telah berjaya dilaksanakan ialah kursus dan bengkel Kepimpinan dan Pengurusan Latihan (LMT) bagi pegawai-pegawai dari Direktorat Afghanistan Pendidikan Guru serta pengarah dari Kolej Latihan Guru. Program ini adalah kerjasama yang melibatkan Kementerian Luar Negeri Malaysia, Agensi Australia bagi Pembangunan Antarabangsa (AusAID), Afghanistan dan Kementerian Pelajaran Malaysia, dan GRM Antarabangsa. Program ini menyediakan peluang bagi Malaysia untuk berkongsi pengalaman dalam pembangunan pendidikan Selatan-Selatan dengan kerjasama Kerajaan Australia.

- b) Program *Annual Malaysia Singapore School Leaders' Dialogue 2012* yang menyediakan platform bagi wacana dan dialog antara pemimpin sekolah kedua-dua buah negara. Hasil dialog telah dapat menyediakan cadangan-cadangan kolaboratif antara Malaysia dan Singapura dalam aspek *Classroom Supervision, School Assessment, Enhancing Students' Capacity Building beyond Their Realm of Academic Excellence* dan *Continuous Professional Development for Teachers*
- c) Program *Emergency Response Team (ERT)* IAB telah berjaya melaksanakan program pengantarabangsaannya dengan melaksanakan Program Penandaarasan Pengurusan Risiko Banjir ke Bangkok, Thailand pada 18 hingga 22 Disember 2012. Lawatan ke *Department of Disaster Prevention and Mitigation, Bangkok Metropolitan Authority, Sai Mai District* dan *Nualnoraradith Withayakom Rachamakhala School* telah berjaya menjalin kolaboratif daripada aspek pengurusan risiko banjir dan memperolehi kerjasama dalam membangunkan Standard Prosedur Kerja pengurusan kecemasan yang boleh diguna pakai di peringkat IAB dan KPM. Hasil lawatan ini juga telah dijadikan 'baseline study' bagi melaksanakan kajian komparatif dalam aspek "Alternative Training Program" bagi melihat bagaimana sekolah-sekolah di Thailand melaksanakan aktiviti pembelajaran ketika sekolah ditutup ketika bencana.



2.5.3 Pelawat Dari Luar Negara

IAB turut menerima lawatan daripada pemimpin pendidikan antara bangsa yang bertujuan menjadikan IAB sebagai penanda aras organisasi. Antara delegasi yang berkunjung ke IAB ialah:

Bil	Delegasi	Negara
1	Pengawas Sekolah Provinsi Sumatera Barat,	Indonesia
2	Pegawai-pegawai Kanan Pendidikan Negeri Sindh	Pakistan
3	Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pelajaran	Brunei Darussalam
4	Pegawai-pegawai Kementerian Unifikasi	Korea Selatan
5	SMP N16 Banda Aceh	Indonesia
6	Pengarah dan Pegawai Kanan SEAMEO Innotech,	Filipina
7	Pengarah Education Management Institute (KEMI)	Kenya
8	Pengetua dan Pegawai Kanan Pendidikan	Acheh, Indonesia
9	Pegawai Kanan Pendidikan	Sri Lanka
10	Kunjungan Hormat Novelis ke IAB Cawangan Timur	Singapura
11	Kunjungan Hormat Novelis ke IAB Cawangan Timur	Jepun
12	Sekolah-sekolah dari Jakarta, ke IAB Cawangan Timur	Indonesia
13	Pemimpin Pendidikan Erridouane School of Algeria	Algeria

Rumusan

Program Pengantarabangsaan dan Kolaboratif IAB telah berjaya membina rangkaian dan jaringan hubungan kerjasama yang baik dengan pelbagai negara di dunia. Selain itu, program ini juga telah berjaya meletakkan IAB sebagai Pusat Pendidikan Pengurusan dan Kepimpinan utama di rantau Asia.



2.6 PROGRAM PENGURUSAN PENGETAHUAN

- 2.6.1 Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi IAB
- 2.6.2 Penerbitan



2.6 PROGRAM PENGURUSAN PENGETAHUAN

2.6.1 PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI IAB

Peranan pengupaya (*enabler*) sebagai sokongan dalam menjayakan pengoperasian Lanskap *Premier Centre* Institut Aminuddin Baki (IAB) melalui infostruktur menyaksikan penampilan inovasi dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) di IAB. Pembangunan dan penggunaan TMK di IAB mempunyai dua objektif utama iaitu:


- (i) Penyampaian maklumat, pemilihan peserta, pengurusan kursus, pemantauan keberkesanan kursus dan penyampaian pembelajaran secara atas talian kepada peserta kursus yang menjadi pelanggan IAB. Peserta kursus terdiri daripada para pemimpin sekolah dalam pelbagai peringkat.
- (ii) Peningkatan penggunaan TMK dalam budaya kerja IAB.

Pembangunan TMK di IAB berpandukan kepada Perancangan Pembangunan Sistem IAB 2012. Perancangan yang berteraskan kepada Pengurusan Pengetahuan iaitu Subbidang Keberhasilan Utama dalam Lanskap *Premier Centre* IAB memberi fokus kepada prasarana ICT, Sistem Aplikasi Bersepadu IAB (InSyst), Portal dan Laman Web, IAB Apps, Pangkalan Data, Portal e-Pembelajaran dan Instrumen Penilaian menyumbang kepada keutuhan IAB sebagai peneraju utama dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di Malaysia.





PERANCANGAN PEMBANGUNAN SISTEM IAB 2012



Rajah 14: Perancangan Pembangunan Sistem IAB 2012

Program Pembangunan TMK IAB


Program pembangunan TMK IAB telah dijalankan dengan sokongan pengenalan pelbagai inovasi bagi membantu kelancaran operasi IAB selaras dengan pelan Perancangan Pembangunan Sistem IAB 2012.

Sistem Aplikasi Bersepadu IAB (INSYST)

Peningkatan bilangan peserta kursus mendorong IAB membangunkan aplikasi sistem pengurusan dalam memantapkan pengurusan operasinya. Beberapa sistem aplikasi telah dibangunkan secara berdiri sendiri (*stand-alone*) seperti Sistem Pengurusan Kursus Atas Talian (*SPK Online*), Sistem Aduan Atas Talian (*e-Adu*), Sistem Pengurusan Kewangan (*e-Pkew*), Sistem Penjadualan Kursus (*e-Jadual*) serta instrumen penilaian seperti *i-Penilaian*, Kompetensi Pemimpin Sekolah (*KOMPAS*), Kompetensi *Master Trainer* (*KOMET*), dan *Staf Satisfaction Index* (*SSI*).


Aspirasi untuk menjadikan IAB sebagai pusat rujukan dan pusat latihan premier dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan seperti yang disarankan dalam lanskap *Premier Centre* IAB menyaksikan setiap sistem yang berdiri sendiri ini dinaik taraf menjadi modul-modul yang diintegrasikan dengan menggunakan konsep *Single Sign-On* (*SSO*) dalam sistem aplikasi InSyst. Kesemua modul dalam sistem aplikasi InSyst ini boleh diakses melalui portal rasmi IAB. Selain itu, reka bentuk InSyst IAB juga mengambil kira keperluan pada masa hadapan untuk mengintegrasikan data IAB dengan sistem-sistem yang digunakan oleh Bahagian-bahagian lain dalam KPM, khususnya BPPDP (*EMIS*), BPG (*e-SPLG*), BPSM (*e-Pangkat*) dan BTP (*SPS*). Kerangka umum rekabentuk IAB InSyst ditunjukkan dalam Rajah 15, Rajah 16 dan Rajah 17.

Kerangka Umum IAB INSYST




Rajah 15: Reka bentuk InSyst

- **Modul *i-Dashboard* dan Takwim**
 - Modul ini membolehkan pihak pengurusan IAB memantau prestasi pelaksanaan program IAB mengikut tahun dan jenis program. Pemantauan juga dapat dilaksanakan berasaskan *tagging* KOMPAS, *Premier Centre* dan Negeri. Selain itu, *i-Dashboard* dan Takwim juga membolehkan pelanggan IAB melihat takwim berserta sinopsis program bagi tahun semasa.



Rajah 16: Paparan i-Dashboard

Statistik jumlah pemimpin sekolah yang telah menghadiri kursus di IAB juga boleh diperoleh dalam sistem ini dengan mengklik pada nama negeri.



Rajah 17: Paparan Statistik Peserta mengikut Negeri

- **Modul i-Pendaftaran**
 - Mendaftarkan semua program latihan anjuran IAB
 - Mengurus dan menentukan tarikh penawaran kursus, lokasi, bilangan peserta dan kumpulan sasaran yang menyokong i-Permohonan
 - Menentukan *tagging* KOMPAS dan *Premier Centre*
- **Modul i-Permohonan**
 - Membolehkan pemohon memohon kursus/program anjuran IAB secara *online*
 - Membolehkan pengurus kursus mengurus dan melulus penyertaan peserta kursus/program

- Membolehkan pengurus kursus memantau kekerapan peserta memohon kursus/program
- Membolehkan pegawai latihan JPN memantau dan menentukan pemilihan peserta
- **Modul i-Penilaian**
 - Membolehkan peserta kursus menilai keberkesanan pensyarah dan latihan yang dilaksanakan
 - Membolehkan pengurusan IAB memantau prestasi pensyarah
 - Membolehkan pengurusan IAB memantau keberkesanan kursus
- **Modul i-Pkew**
 - Membolehkan pihak pengurusan IAB memantau prestasi kewangan IAB, termasuk IAB Zon dan Cawangan
 - Membolehkan pihak pengurusan IAB memantau tuntutan perjalanan staf
- **Modul i-Sijil**
 - Membolehkan urus setia mengurus, membuat verifikasi dan mencetak sijil-sijil kehadiran
- **Modul i-Profil**
 - Membolehkan pensyarah dan peserta kursus mengemas kini profil
 - Data ini digunakan untuk modul i-Direktori
- **Modul i-Direktori**
 - Membolehkan pencarian dan pemaparan direktori staf berdasarkan maklumat umum dan bidang kepakaran

Pembangunan Portal Rasmi IAB

Portal Rasmi IAB merupakan wadah untuk mengakses maklumat berkaitan IAB serta merupakan gerbang atas talian yang menawatkan kursus-kursus melalui sistem InSyst, instrumen penilaian atas talian dan Portal e-Pembelajaran IAB. Portal ini telah dibangunkan oleh Pusat Pengurusan Teknologi IAB mengikut Garis Panduan mengenai Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Laman Web/Portal Kementerian Pelajaran Malaysia (Surat Pekeliling ICT Bil. 1 Tahun 2008). Portal Rasmi IAB ini boleh diakses pada URL <http://www.iab.edu.my>. Portal yang dibangunkan dengan aplikasi *Content Management System Joomla 2.5.6* tampil dengan paparan yang lebih menarik dan turut dimantapkan dengan *Web Personalization*, *W3C Disability Accessibility*, *Database Oriented*, mempunyai fitur keselamatan yang tinggi, *Guest Book* dan akaun Laman Sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* di samping laporan capaian pelanggan portal IAB.

Berdasarkan laporan *Government Portal and Web Assessment 2012*, Portal Rasmi IAB telah mendapat anugerah 4 Bintang. Sehingga akhir tahun 2012, portal IAB telah dikunjungi seramai 5 768 248 orang pengunjung.



Rajah 18: Paparan Utama Portal Rasmi IAB

Pembangunan Portal e-Pembelajaran

Portal e-Pembelajaran IAB merupakan platform pembelajaran dalam talian bagi peserta kursus IAB. Sebagai contoh, Program NPQEL yang dilaksanakan melalui pendekatan *Blended Learning* memerlukan peserta kursus mengikuti sesi e-Pembelajaran melalui portal ini untuk melengkapkan program latihan mereka. Portal e-Pembelajaran boleh diakses terus menggunakan URL <http://www.iab.moe.gov.my/el>. Portal e-Pembelajaran IAB tahun 2011 dibangun menggunakan perisian sumber terbuka Moodle 1.9 dan telah dipertingkatkan kepada Moodle 2.0 pada tahun 2012. Peningkatan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti Portal e-Pembelajaran bagi memenuhi keperluan program latihan IAB. Jumlah pengguna yang mengakses Portal e-Pembelajaran pada tahun 2012 telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya.





Rajah 19: Paparan Muka Laman Utama Portal e-Pembelajaran

Penggunaan Sistem IAB APPS

Selain pembangunan ICT untuk memudahkan pengurusan maklumat dan pengurusan kursus, IAB juga turut melanggan aplikasi atas talian bagi menggalakkan budaya penggunaan ICT dalam kalangan warganya. Setakat ini IAB telah melanggan aplikasi percuma 'cloud' Google Apps. Google Apps mempunyai aplikasi antaranya *Gmail*, *Calendar* dan *Google Drive*. Penggunaan aplikasi Google Apps bertujuan untuk memudahkan warga IAB berkomunikasi, menguruskan kerja secara atas talian, dan pengurusan kerja harian tanpa menggunakan kertas yang boleh diakses dari mana-mana tempat.

Perkhidmatan Lain Dalam Sistem IAB

Beberapa sistem yang baharu turut dibangunkan. Walau bagaimanapun sistem ini masih belum diintegrasikan dalam InSyst.

- **Sistem Pemantauan SIP Online**


Pelaporan program SIPartner merupakan sebahagian program NKRA Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaporan ini boleh dilaksanakan dalam Sistem Pemantauan SIP Online



Rajah 20: Paparan Muka Sistem Pemantauan SIP Online

- Perkhidmatan MySMS 15888

Calon peserta yang ingin memohon Program NPQEL boleh membuat permohonan dalam sistem NPQEL Online. Manakala semakan penerimaan permohonan boleh diperoleh melalui perkhidmatan MySMS 15888 yang akan diintegrasikan dengan InSyst. Sistem MySMS 15888 ini memberi perkhidmatan keputusan permohonan NPQEL melalui SMS.



Rajah 21: Perkhidmatan MySMS 15888


Pencapaian dan Impak

Pembangunan dan penggunaan TMK IAB memberi dua impak utama iaitu


- (i) Impak kepada pelanggan IAB/peserta kursus
- (ii) Impak kepada budaya kerja dalam organisasi IAB

Impak Kepada Pelanggan


Modul-modul yang telah dibangunkan dalam Sistem Bersepadu InSyst telah digunakan secara meluas oleh para peserta kursus sama ada untuk memohon kursus, menilai kursus, dan menilai kompetensi kepimpinan mereka. Selain itu, penggunaan e-Pembelajaran sebagai salah satu wadah dalam mengikuti kursus IAB, telah membolehkan jumlah peserta yang lebih ramai mengikuti kursus IAB. Sebagai contohnya ialah kursus NPQEL. Rajah 22 hingga Rajah 24 menunjukkan impak tahap penggunaan InSyst dan Portal e-Pembelajaran berdasarkan bilangan pengguna. Tahap penggunaan yang tinggi ini menunjukkan sistem InSyst dan Portal e-Pembelajaran yang telah dibangunkan mempunyai kesan positif dalam konteks penyampaian maklumat, pengurusan kursus dan penyampaian sesi latihan.



Rajah 22: Statistik Penggunaan i-Permohonan Tahun 2011 - 2012




Rajah 23: Statistik Penggunaan i-Penilaian Tahun 2011 - 2012




**Rajah 24: Statistik Penggunaan Portal e-Pembelajaran IAB
Tahun 2008 - 2012**

Impak Kepada Budaya Kerja Organisasi


Penggunaan aplikasi Google Apps dalam kalangan warga IAB telah meningkatkan budaya penggunaan TMK. Penggunaan aplikasi ini adalah untuk proses komunikasi, menguruskan urusan kerja secara dalam talian, pengurusan kerja tanpa menggunakan kertas dan boleh diakses dari mana-mana tempat. Selain itu, warga IAB turut menjalankan aktiviti secara kolaboratif dalam bentuk perkongsian maklumat dan perkongsian sumber. Rajah 25 hingga Rajah 27 menunjukkan tahap penggunaan TMK dan aktiviti kolaboratif yang tinggi dalam kalangan warga IAB melalui penggunaan aplikasi Google Apps.



Rajah 25: Statistik Purata Penggunaan e-mel: Julai - Disember 2012



Rajah 26: Statistik Penggunaan *Calendar*: Julai - Disember 2012



Rajah 27: Statistik Aktiviti Kolaboratif: Julai - Disember 2012

Rumusan


Perbincangan dan data yang dipaparkan menunjukkan bahawa pembangunan dan penggunaan TMK IAB memberi impak positif kepada kecekapan pengurusan pelanggan IAB yang terdiri daripada peserta kursus dan peningkatan penggunaan TMK dalam budaya kerja di IAB.

Selaras dengan perkembangan TMK di IAB, kompetensi TMK para pensyarah menjadi fokus utama. Peningkatan kompetensi para pensyarah ini dilaksanakan melalui kursus *Training of Trainers* yang diadakan pada sepanjang tahun yang berkaitan dengan:

- Kursus Asas Teknologi
- Kursus Pemantapan Teknologi
- TOT e-Pembelajaran

Pada tahun 2012, seramai 154 orang pensyarah telah dilatih untuk mengguna dan memantau pelaksanaan e-Pembelajaran menggunakan portal e-Pembelajaran IAB. Di samping itu, seramai 155 orang pensyarah turut dilatih untuk membina modul e-Pembelajaran menggunakan alat pengarang *Lecture Maker*.

Selain itu, pembangunan Sistem InSyst IAB juga terus dimantap dan diperkembangkan selain mengambil kira keperluan pada masa hadapan. Sistem InSyst juga mengambil kira untuk pengintegrasian data IAB dengan sistem yang digunakan oleh bahagian-bahagian lain dalam KPM, khususnya BPPDP (EMIS), BPG (e-SPLG), BPSM (e-Pangkat) dan BTP (SPS), seterusnya menyumbang kepada pencapaian Pengurusan Pengetahuan yang cekap yang merupakan Subbidang Keberhasilan Utama dalam Lanskap *Premier Centre* IAB.



2.6.2 PENERBITAN

Penerbitan merupakan sebahagian daripada bidang utama dalam pengurusan dan pengetahuan yang merupakan salah satu subNKRA *Premier Centre* Institut Aminuddin Baki (IAB). IAB sebagai pusat pengurusan dan kepimpinan pendidikan telah menerbitkan pelbagai jenis bahan penerbitan.

Objektif

Penerbitan oleh IAB adalah untuk:

- (i) Mengumpul dan menerbitkan segala bentuk bahan sumber maklumat berkaitan IAB dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- (ii) Mengedar dan menyebarkan segala bentuk maklumat terpilih berkaitan kegiatan IAB kepada semua pihak yang memerlukan.
- (iii) Merancang, melaksana dan menilai segala bentuk aktiviti latihan berkaitan penggunaan bahan terbitan IAB secara lebih maksimum.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa objektif penerbitan adalah untuk memperkayakan khazanah ilmu berkaitan pengurusan dan kepimpinan pendidikan dan buku-buku ini akan diedarkan kepada peserta yang datang berkursus di IAB.

Pencapaian dan Impak

Bagi tahun 2012 ini, sebanyak 27 judul penerbitan telah dihasilkan. Antara buku-buku tersebut adalah seperti yang berikut:




Bil.	Nama Judul	Jum. Cetakan
1	Program Latihan/Training Programmes 2012	2 000
2	Program Latihan/Training Programmes 2013	2 000
3	Catatan Pengalaman <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepimpinan <i>SIPartner</i> IAB	2 500
4	Catatan Pengalaman Bersama Dato' IAB	500
5	<i>Selection Paper for Proceeding on Management and Education Leadership National Seminar 2003 - 2010</i>	1 000
6	Buku Panduan NPQEL (<i>National Programmes Qualification Educational Leadership</i>)	3 000
7	Modul Pelaksanaan Program Kelayakan NPQEL	2 000
8	Program Pembangunan Prestasi Sekolah 2010 - 2012	2 500
9	Buletin Jun 2012	1 000
10	Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Jilid 23 Bil.01 Jun	1 000
11	Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Jilid 24 Bil.02 Dis	1 000
12	Pamphlet PC Bil. 1	2 000
13	Landskap <i>Premier Center</i> 2012-2016	2 000
14	Mengurus Dan Memimpin Dalam Konteks Kepemimpinan Pendidikan - Siri Kajian IAB	1 000
15	Pamphlet PC Bil. 2 (BM/BI)	2 000
16	Master Trainer	2 000
17	Laporan tahunan 2011	1 000

18	Swakarya Cita Rasa Warga Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Jun 2012	1 000
19	Swakarya Cita Rasa Warga Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Disember 2012	1 000
20	Pembelajaran Aktif	2 000
21	Pamphlet - Program Pembangunan Organisasi Untuk Kecemerlangan Sekolah (ProD)	1 000
22	Prosiding Seminar Nasional ke 18	1 000
23	Brosur Pelaksanaan NPQEL	10 000
24	Buku Program Seminar Nasional Ke-19	500
25	Buku Program Bahas Guru Ala Parlimen	500
26	Buku Program Komensmen NPQEL 2012	500
27	Buku Program Hari Bersama Pelanggan & Hari Terbuka <i>Premier Center</i>	500

Rumusan

Buku terbitan IAB telah diedarkan kepada peserta kursus, Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Selain itu, IAB juga menyertai pertandingan Anugerah Buku dan Makalah terbaik anjuran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).




Bahan Terbitan IAB 2012



2.6

PROGRAM PENGURUSAN PENGETAHUAN

Bahan Terbitan IAB 2012



2.6

BAB 3



i-Think

34 pensyarah IAB sebagai
Jurulatih Kebangsaan (JK IAB)
500 pengetua dilatih JK IAB

“i-Think adalah salah satu inisiatif KPM untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir ... bagi melahirkan modal insan ... yang mempunyai pemikiran kreatif, kritis dan inovatif”

PROGRAM KHAS

“Salah satu inisiatif dalam Rancangan Malaysia Ke-10 ... untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru ... lahir modal insan bertaraf dunia”.

TFM

(Teach For Malaysia)

Follow TFM - 50

Jumlah sekolah - 17

3.1 PROGRAM *TEACH FOR MALAYSIA* (TFM)

Program *Teach For Malaysia* (TFM) adalah salah satu inisiatif dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan seterusnya melonjakkan profesionalisme keguruan untuk membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Program TFM ialah rangkaian *Teach For All* berdasarkan kejayaan *Teach For America* yang diasaskan pada tahun 1988. Pada 4 Ogos 2010, mesyuarat pengurusan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersetuju supaya Program TFM dilaksanakan untuk menarik para graduan cemerlang dalam dan luar negara berkhidmat sebagai guru. IAB diberikan mandat sebagai pelaksana di peringkat KPM dengan kerjasama Yayasan *Teach For Malaysia* (YTFM) untuk merancang, melaksana dan menyelaras hal-hal berkaitan pembangunan dan pengurusan Program TFM.

Sasaran

Graduan cemerlang pelbagai bidang daripada universiti dalam dan luar negara.

Objektif

Untuk memastikan suatu hari nanti, kanak-kanak di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan yang terbaik.

(One day, all children in Malaysia will have the opportunity to attain an excellent education)

Pencapaian dan Impak

Pada permulaan sesi persekolahan tahun 2012, seramai 50 *Fellows* TFM telah ditempatkan di 17 sekolah dan pada akhir tahun, seramai 47 *Fellows* TFM kekal dalam program ini. Dari aspek pencapaian, didapati murid-murid yang berada dalam kelas *Fellows* TFM menunjukkan prestasi kehadiran dan peningkatan pencapaian pembelajaran yang memberangsangkan. Proses analisis data sedang dilakukan bagi membuktikan kesahan dapatan.

Rumusan

Program TFM untuk tahun pertama telah dapat dilaksanakan dengan jayanya atas sokongan semua pihak di KPM. Pada tahun 2013 Program TFM diteruskan dengan penempatan 54 *Fellows* TFM di 27 sekolah berkeperluan tinggi.




3.2 PROGRAM i-THINK

Program i-THINK ialah salah satu inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir. Program ini bertujuan untuk melahirkan modal insan masa hadapan yang mempunyai pemikiran kreatif, kritis dan inovatif di samping memupuk kemahiran pemikiran aras tinggi yang mampu berdaya saing. i-THINK membawa maksud *innovative THINKing* (Pemikiran Inovatif).

Seramai 34 orang pensyarah IAB telah dilatih oleh Kestrel Education, United Kingdom sebagai Jurulatih Kebangsaan (JK) bagi mengendalikan kursus i-THINK kepada Pengetua/Guru Besar. Latihan ini kemudiannya didedahkan kepada beberapa orang lagi pensyarah IAB menjadikan bilangan JK IAB seramai 44 orang.


Pada tahun 2012, IAB telah terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan program i-THINK ini di peringkat IAB dan di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia. Jadual 1 menunjukkan perancangan pelaksanaan i-THINK bagi tahun 2012.



Rajah 28 Bilangan Pensyarah IAB Yang Dilatih Sebagai Jurulatih Kebangsaan i-THINK

Bagi tujuan melaksanakan latihan kepada Pengetua/Guru Besar, modul kepimpinan i-THINK telah dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah IAB mengikut keperluan program ini. Modul ini telah disemak oleh Kestrel Education, Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) sebelum diguna pakai oleh JK IAB. Modul tersebut meliputi slot kepimpinan dalam i-THINK, mengurus perubahan, membangun perancangan pelaksanaan dan melaksanakan pemantauan i-THINK di sekolah.


Pada tahun 2012, seramai 500 orang Pengetua/Guru Besar telah dilatih oleh JK IAB. Bilangan ini akan ditambah lagi kepada 500 orang dari sekolah-sekolah peluasan terpilih pada tahun 2013. Program ini akan dilaksanakan sepenuhnya ke sekolah-sekolah seluruh negara mulai tahun 2014. Rajah 29 menunjukkan pelaksanaan kursus pasukan pemandu sekolah i-THINK mengikut negeri dan JK IAB yang terlibat bagi tahun 2012.



Rajah 29 Bilangan Pemimpin Sekolah Yang Dilatih Oleh Jurulatih Kebangsaan IAB

Lawatan kerja ke beberapa buah sekolah di United Kingdom yang telah diakreditasi sebagai *Thinking School* telah diadakan pada 10-18 November 2012 bertujuan untuk melihat perkembangan pelaksanaan program ini. Lawatan ini diwakili oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran Malaysia (Pegarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, dua orang pensyarah kanan IAB dan seorang pegawai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti) serta dua orang pegawai dari AIM. Sesi lawatan turut melibatkan perbincangan dan penggubalan Garis Panduan Instrumen Pemantauan Kawalan Kualiti antara wakil KPM, AIM, Kestrel Education dan Universiti Exeter, United Kingdom.

IAB juga dipertanggungjawabkan untuk melatih seramai 172 pegawai meja JPN dan PPD dalam penggunaan Garis Panduan Instrumen Pemantauan i-THINK. Garis panduan ini akan diguna pakai oleh pegawai PPD dan JPN untuk memantau pelaksanaan program ini.



Rajah 30 Bilangan Pegawai Meja PPD/JPN Yang Dilatih Oleh JK IAB Untuk Menggunakan Garis Panduan Pemantauan i-THINK.

Impak

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Kestrel Education dari United Kingdom, impak program ini hanya boleh dilihat selepas tiga tahun pelaksanaannya. Oleh sebab program ini baharu memasuki tahun pertama pelaksanaannya di sekolah-sekolah peluasan, penggunaan alat pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran guru serta penglibatan dan pencapaian murid melalui program ini masih belum menampakkan kesannya secara keseluruhan. Namun begitu, melalui program ini menjadi hasrat dan aspirasi KPM untuk memastikan bahawa pembangunan murid yang kreatif, kritis dan inovatif dapat dihasilkan.



Lawatan Kerja Ke Beberapa Sekolah Di United Kingdom



Penggunaan Alat Berfikir Dalam Program i-THINK

Jadual 13: Perancangan Dan Pelaksanaan Program i-THINK Yang Melibatkan IAB

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1.	Kursus latihan <i>Master Trainer</i> IAB	13 - 16 Mac 2012	Pendedahan program i-THINK kepada 5 orang Pensyarah IAB
2.	Mengemukakan laporan ringkas pelaksanaan kepada IAB	20 Mac 2012	Ketua Pusat Pembangunan Organisasi, IAB
3.	Pembentangan Program i-THINK kepada Mesyuarat Pengurusan IAB	9 April 2012	Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi IAB
4.	Kursus Jurulatih Kebangsaan Program i-THINK untuk 30 pensyarah kanan IAB	4 - 8 Jun 2012	Pendedahan program i-THINK kepada 30 orang Pensyarah kanan IAB
5.	Penerangan tentang program i-THINK kepada Pensyarah IAB sempena Hari Profesional	9 Julai 2012	Penerangan program i-THINK kepada semua warga IAB
6.	Kursus i-THINK kepada para pensyarah IAB (cawangan Utara, zon Selatan, zon Timur, zon Sabah dan zon Sarawak))	1 - 31 Julai 2012	Pendedahan dan latihan i-THINK kepada semua pensyarah IAB Utara terhadap penggunaan <i>Thinking Maps</i>
7.	Pembinaan Modul i-THINK bagi Kegunaan Pensyarah IAB (Draf Pertama)	13 - 15 Julai 2012	Telah disediakan di Hotel Vistana, Kuantan, Pahang
8.	Pemurnian dan <i>Dry-Run</i> 1 bahan pengajaran bagi kursus pemandu sekolah program i-THINK	8 Oktober 2012	Telah dilaksanakan di IAB
9.	Pemurnian bahan pengajaran i-THINK bersama pihak Kestrel Education, UK	5 - 10 November 2012	Telah dilakukan di Hotel Eastin, Petaling Jaya
10.	Lawatan ke sekolah-sekolah yang telah diakreditasi oleh Universiti Exeter sebagai <i>Thinking School</i> , UK	10 - 18 November 2012	2 wakil IAB, Pengarah BPK, 1 wakil JNJK dan 2 wakil AIM
11.	Pemurnian dan <i>Dry-Run</i> 2 bahan pengajaran bagi kursus pemandu sekolah program i-THINK	19 - 20 November 2012	Dilaksanakan di IAB
12.	Pelaksanaan Kursus i-THINK kepada Pemimpin Pasukan Pemandu Sekolah seluruh negara di bawah peluasan 500 buah sekolah	29 Oktober - 30 November 2012	Telah dilaksanakan oleh JK IAB mengikut Jadual 2
13.	Mesyuarat Penyelarasan untuk mengendalikan Kursus Pelaksanaan Pemantauan i-THINK peringkat kebangsaan bagi Pegawai Meja PPD dan JPN	7 Disember 2012	Melibatkan 16 orang JK IAB
14.	Melaksanakan Kursus Pelaksanaan Pemantauan i-THINK peringkat kebangsaan bagi Pegawai Meja PPD dan JPN	8 Disember 2012	Telah dilaksanakan di BPK, Putrajaya dengan penglibatan seramai 16 orang JK IAB

Jadual 14: Pelaksanaan Kursus Pasukan Pemandu Sekolah i-THINK Bagi Tahun 2012 Mengikut Negeri

BIL.	TARIKH	NEGERI	TEMPAT	JURULATIH KEBANGSAAN
		(JPN)	KURSUS	IAB
1	26 - 29 Nov	Perlis dan Kedah (2 sites)	Taiping Golf Resort, Taiping	- Dr. Balasandran A. Ramiah - Dr. Thiyagarajan R. Annamalai - Pn. Mardiana binti Muhamad - Pn. Gu Saw Lan
2	19 - 22 Nov	Pulau Pinang (2 sites)	Hotel Copthorne, P. Pinang	Dr. Balasandran A. Ramiah
3	6 - 9 Nov	Perak (3 sites)	MH Hotel, Ipoh, Perak	- Dr. Thiyagarajan R. Annamalai - Pn. Mardiana binti Muhamad - Pn. Gu Saw Lan
4	5 - 8 Nov	Selangor (2 sites)	Bayu Beach Resort, N. Sembilan	- Dr. Nakoo bin Mustan - En. Wan Mohd Farid bin Wan Yusof
5	20 - 23 Nov	WP Kuala Lumpur dan Putrajaya (2 sites)	Hotel Empress, Sepang, Selangor	Pn. Nazhatul Shima binti Abdul Aziz
6	26 - 29 Nov	N. Sembilan (2 sites)	Air Keroh Country Resort, Melaka	En. Azami bin Ibrahim
7	18 - 21 Nov	Melaka (1 site)	Pelangi Balau Resort, Desaru, Johor	- Pn. Suriani binti Sulaiman - Pn. Sharifah Noor binti Syed A. Rahman
8	26 - 29 Nov	Johor (3 sites)	Hotel MITC, Ayer Keroh, Melaka	- Dr. Quah Cheng Sim - Pn. Suriani binti Sulaiman
9	19 - 22 Nov	Pahang (3 sites)	Gambang Resort City, Gambang, Kuantan	- En. Saufie bin Abdul Manaf - Tn. Syed Putra bin Syed Ali
10	19 - 22 Nov	Terengganu (1 site)	Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu	- En. Kamaruddin bin Abu Bakar - En. Ahmad Salihin bin Mat Saat
11	19 - 22 Nov	Kelantan (2 sites)	Demong Beach Resort, Besut, Terengganu	En. Wan Mohd Farid bin Wan Yusof
12	29 Okt - 1 Nov	Sabah & Labuan (3 sites)	Palace Hotel, KK	- En. Kunalan a/l Kuriaya - En. Lew Yeok Leng
13	4 - 7 Nov		Beringgis Beach Resort, Papar	- En. Kunalan a/l Kuriaya - En. Lew Yeok Leng
14	5 - 8 Nov		Swiss Waterfront, Sandakan	- En. Kunalan a/l Kuriaya - En. Lew Yeok Leng
15	5 - 8 Nov	Sarawak (3 sites)	Penview Inn Hotel, Kuching	En. Kamaruddin bin Abu Bakar
16			RH Hotel, Sibu	Pn. Jacqueline Martin
17			Mega Hotel, Miri	En. Mohd Radzi bin Bainan

Rumusan

Dengan penglibatan pensyarah-pensyarah IAB sebagai jurulatih kebangsaan i-THINK akan dapat membantu membangunkan kompetensi pengurusan Pengetua/Guru Besar berdasarkan keperluan program ini. Hasil ini diharap dapat membudayakan kemahiran berfikir di sekolah, memantapkan pengajaran dan pembelajaran guru dan mempertingkatkan pembangunan murid menjadi lebih kreatif, kritis dan inovatif. Ini selaras dengan hasrat dan aspirasi KPM untuk menambah baik sekolah, kurikulum dan kokurikulum serta lebih akauntabiliti terhadap meningkatkan keberhasilan murid seperti yang terkandung dalam Anjakan Kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.



3.3 Program Penataran

- 3.3.1 Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-19
- 3.3.2 Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang
- 3.3.3 Kolokium Pentaksiran Berasaskan Sekolah
- 3.3.4 Kolokium Kebangsaan Instruksional
- 3.3.5 Pertandingan Bahas Ala Parlimen Peringkat Kebangsaan
- 3.3.6 Komensmen Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)
- 3.3.7 Konvensyen Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA)
- 3.3.8 Persidangan Program Pembimbing Penambahbaikan Sekolah (SIP)
- 3.3.9 Mesyuarat Bersama Pelanggan
- 3.3.10 Komitmen IAB dengan Agensi Luar
- 3.3.11 Penglibatan IAB dalam Kuala Lumpur World Robot Olympiad 2012

3.3.1 Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-19 Tahun 2012

Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan merupakan satu usaha berterusan untuk mengembangkan pengetahuan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Melalui seminar ini, pengurus pendidikan pada semua peringkat sistem pendidikan dapat berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pendapat untuk memantapkan lagi pengetahuan dan pengalaman dalam menangani arus pendidikan yang semakin mencabar.

Objektif

Antara objektif seminar ialah:

- (i) Membolehkan para peserta berkongsi pandangan tentang isu-isu pendidikan semasa, hasil kajian dan penyelidikan mereka.
- (ii) Memperkasa dan memperkaya tubuh ilmu pengetahuan dan kepimpinan pendidikan pribumi.
- (iii) Mengumpul dapatan terkini dan berkongsi kaedah menangani isu-isu semasa pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

Kertas Pembentangan


Terdapat 12 kertas kerja telah dibentangkan. Secara keseluruhannya, 94.07 peratus responden berpuas hati atau amat berpuas hati dengan kualiti isi kandungan kertas kerja. Semua kertas pembentangan menerima penilaian melebihi 85 peratus iaitu pada tahap memuaskan atau amat memuaskan. Sebanyak 10 kertas kerja telah menerima penilaian melebihi 90 peratus manakala hanya dua kertas kerja di bawah penilaian 90 peratus.

Impak

Pada keseluruhannya, seminar ini mencapai objektifnya dengan memperoleh purata 92.39 peratus responden yang berpendapat objektifnya agak tercapai dan tercapai sepenuhnya. Responden berpendapat bahawa seminar ini banyak meningkatkan pengetahuan mereka dalam menjalankan tugas rasmi (91.49 peratus), memberi kesedaran tentang sikap positif terhadap keberhasilan mutu kerja yang berkualiti (93.57 peratus), serta membantu mereka menjalankan tugas rasmi dengan lebih bermakna dan berkesan (90.71 peratus).




Faedah Seminar



3.3 Kandungan Seminar

Responden berpuas hati dengan kesesuaian tajuk dengan objektif seminar (93.62 peratus); kesesuaian isi kandungan dengan tajuk-tajuk seminar ini (93.62 peratus); urutan tajuk-tajuk (94.33 peratus) dan kesesuaian isi kandungan dengan kerja rasmi mereka (95.04 peratus).

Kesesuaian Isi Kandungan Seminar



SENARAI TAJUK DAN PEMBENTANG KERTAS KERJA

BIL.	TAJUK KERTAS KERJA	NAMA PANEL/PEMBENTANG
1	Ucap Utama I - Kepimpinan Pendidikan	Dr. Amin bin Senin
2	Ucap Utama II - Kreativiti dalam Kepimpinan	Profesor Dr. Omar bin Abdull Kareem
3	Forum - Kepemimpinan untuk Pembelajaran	Puan Hajah Junaidi binti Santano Tuan Haji Shafruddin bin Ali Hussin Tuan Haji Kamaruzaman bin Salim
	Subtema: Pembangunan Kepimpinan untuk Pembelajaran bagi Sekolah di Malaysia	
4	Kertas Kerja I Kepemimpinan untuk Pembelajaran: Belajar Memimpin Diri untuk Membawa Perubahan	Dr. Jamil bin Adimin
5	Kertas Kerja II Amalan Kepimpinan Instruksional dalam Kalangan Pengetua Sekolah Menengah di Negeri Pahang: Satu Kajian Kualitatif	Puan Jamelaa Bibi binti Abdullah
6	Kertas Kerja III Kajian Keberkesanan Program di Universiti Waikato dan Universiti Monash Menurut Persepsi Pemimpin dan Pemimpin Pelapis Sekolah Kluster Kecemerlangan	Puan Wan Azmiza binti Wan Mohamed
7	Kertas Kerja IV Kajian Keberkesanan Program PGCE dalam Membantu Pemimpin Sekolah Kluster Kecemerlangan Memimpin dan Mengurus Institusi Pendidikan di Malaysia	Dr. Quah Cheng Sim
	Subtema: Peranan Pemimpin dalam Ekologi Pembelajaran Berkesan	
8	Kertas Kerja V Implikasi Kepemimpinan Pengajaran Pengetua, Kepuasan Kerja Guru dan Pengajaran Berkesan Guru terhadap Pembelajaran Pelajar	Dr. Abdul Jawi bin Abnoh Sawi
9	Kertas Kerja VI Pengaruh Kepimpinan Sekolah terhadap Pembelajaran Pelajar: Peranan Efikasi Kolektif Guru sebagai Mediator	Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Kanesan bin Abdullah
10	Kertas Kerja VII Hubungan Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dengan Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Rendah di Zon Tanjung Karang	Encik Elangkumaran a/l Davarajoo
	Subtema: Inovasi dan Kreativiti untuk Keberkesanan Kepimpinan untuk Pembelajaran	
11	Kertas Kerja VII <i>Innovation and Creativity for Effective Leadership for Learning: Reinforcing the Teacher as Leader</i>	Dr. Ruhaya binti Hassan
	Subtema: Pemimpin sebagai Pemacu Perubahan dalam Pembelajaran	

12	Kertas Kerja IX Hubungan Kepimpinan Pengetua dan Kepuasan Kerja Guru dengan Prestasi Peperiksaan	Dr. Usang a/k Ngrambang
13	Kertas Kerja X Pengetua Pemacu Organisasi Pembelajaran	Dr. Nor Foniza binti Maidin
Subtema: Sumber dan Sistem Sokongan Kepimpinan untuk Pembelajaran		
14	Kertas Kerja XI Sistem Sokongan dalam Membangunkan Pemimpin Sekolah: Tinjauan terhadap Pengetua dan Guru Besar Novis	Dr. Sharifah Sebran Jamila binti Syed Imam
15	Kertas Kerja XII Kajian Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) Mod Baru 2011	Dr. Kamaruzaman bin Moidunny

Rumusan

Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-19 ini telah mencapai objektif sepenuhnya dan dapat memberi manfaat kepada warga pendidik ke arah melestarikan profesionalisme dan kompetensi pengurusan dan kepimpinan pendidikan negara. Pemimpin dapat berkongsi kaedah menangani isu-isu semasa pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang inovatif dan seminar ini juga dapat meningkatkan amalan pengurusan dan kepimpinan yang lebih dinamik dan pragmatik.



3.3.2 Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang 2012

Kolokium Sekolah Terintang merupakan satu program perkongsian idea daripada pengurusan dan pemimpin sekolah terintang (Sekolah murid Orang Asli, Penan, Sekolah Kurang Murid, Sekolah Kecil, Sekolah Terpencil dan Sekolah Pedalaman) dalam membangunkan sekolah mereka agar setaraf dengan sekolah harian biasa. Kolokium ini dapat menangani isu dan rintangan setempat dalam usaha merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan sekolah berkenaan.

Objektif

Antara objektif kolokium ini ialah:

- (i) Berkongsi kejayaan dan kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan Sekolah Terintang untuk dijadikan model dan diketengahkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (ii) Memberi motivasi kepada pengurus dan pemimpin di sekolah terintang agar dapat mengaplikasikannya di sekolah mereka.
- (iii) Membangunkan watak pengurusan dan kepimpinan sekolah terintang dengan memberikan pengiktirafan kepada mereka.

Kertas Pembentangan

Terdapat sepuluh kertas kerja telah dibentangkan. Secara keseluruhannya 86.66% responden menyatakan kolokium ini telah dapat meningkatkan pengetahuan mereka, 96.66% menyatakan mereka dapat meningkatkan kesedaran diri untuk meningkatkan tahap kualiti sekolah mereka dan 91.33% menyatakan telah dapat membantu mereka untuk menjalankan tugas rasmi mereka dengan lebih profesional lagi.

Seramai 124 orang peserta telah hadir dalam kolokium ini yang terdiri daripada:

Bil	Bahagian	Jumlah
1	Kementerian Pelajaran Malaysia	7 orang
2	Jabatan Pelajaran Negeri/PPD	9 orang
3	Pensyarah IAB	40 orang
4	NGO	2 orang
5	Sekolah/Lain-lain	66 orang
Jumlah		124 orang

SENARAI TAJUK DAN PEMBENTANG KERTAS KERJA

Bil	Nama	Organisasi	Tajuk
1.	Prof. Madya Datin Dr. Zahara binti Aziz	UKM	Kedinamikan Perpaduan Dalam Konteks Pendidikan di Malaysia
2.	Prof. Dr. Ramlee bin Mustapha	UPSI	<i>Transforming The Next Generation as Educators. Technology vs Research Culture</i>
3.	Prof. Madya Hasan bin Md. Nor	KITA	Pengurusan Kepelbagaian Budaya dalam Konteks Pencapaian Sekolah
4.	Yahya bin Yusop	Guru Besar SK. Babagon Toki, Inanam	Amalan Terbaik Sekolah Terintang (SK. Babagon Toki)
5.	Wan Faridah Akmal binti Wan Ismail	IPGTI	Kajian Awalan Amalan Kepimpinan Pengurus Pendidikan dalam Program Kelas Dewasa Orang Asli Peribumi
6.	Aminuddin bin Muhamed	IPGTAA	Praktikum di Sekolah-sekolah Orang Asli: Satu Peningkatan Pengetahuan Kepada Guru Pelatih IPGTAA
7.	Hasmah binti Abdul Manaf	SUHAKAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
8.	Muhammad Khairi bin Mohamed Nor	IPGSAH	Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi: Pengalaman Membantu Bakal Guru di Sekolah Murid Orang Asli
9.	Norwaliza binti Abdul Wahab	UKM	Pentadbiran Sekolah ke Arah Mencapai Matlamatnya: Satu Tinjauan
10.	Dr. Marzita binti Abu Bakar	IAB	Amalan Terbaik Sekolah Kurang Murid (SKM): Keperluan dan Impak Agihan Bantuan Perkapita Murid Sekolah di Malaysia.

Impak

Kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Kolokium Sekolah Terintang ini telah dapat memberi peluang dan ruang kepada Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Terintang untuk mengurus dan memimpin sekolah mereka dengan lebih berkesan. Selain itu, Kolokium Sekolah Terintang ini juga telah dapat mengetengahkan pengalaman kejayaan Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Terintang kepada peringkat nasional dan antarabangsa.

Rumusan

Kolokium Sekolah Terintang ini telah mencapai objektif sepenuhnya dan dapat memberi manfaat kepada warga pendidik ke arah melestarikan profesionalisme dan kompetensi pengurusan dan kepimpinan di Sekolah Terintang. Pengurus dan pemimpin Sekolah Terintang dapat berkongsi idea, pengalaman, pengetahuan dan kaedah dalam menangani isu-isu semasa pengurusan dan kepimpinan di sekolah mereka dan juga dapat meningkatkan motivasi dalam kalangan pemimpin Sekolah Terintang kepada kepimpinan yang lebih dinamik dan pragmatik.

3.3.3 Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Kolokium Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berjaya diadakan pada 18-20 September 2012 yang bertemakan “Kepemimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif dan Inovasi”. Kolokium yang dihadiri oleh 120 peserta yang terdiri daripada pengetua, guru besar dan wakil-wakil dari bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia bermatlamat untuk menyebarkan maklumat tentang konsep PBS secara meluas kepada pemimpin sekolah menengah dari seluruh negara. Selain itu, kolokium ini bertujuan memberi peluang pemimpin sekolah berkongsi pengalaman serta kemahiran dalam melaksanakan dan menangani sebarang isu berkaitan pengurusan PBS di sekolah.

Dua kertas ucapnama yang dibentangkan oleh Dr. Hj. Khodori bin Ahmad, mantan Timbalan Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan En. Mohammad Najib bin Mohd. Ali (LPM) berjaya menarik perhatian para peserta untuk bertanya pelbagai soalan. Empat kertas kerja telah dibentangkan oleh pengetua dan guru besar dari Kolej Tunku Khursiah, SMK Serendah, SK Putra Perdana, Puchong dan SMK Seri Alam 2, Johor Bahru yang berkongsi pengetahuan dan amalan PBS yang dilaksanakan di sekolah masing-masing. Forum PBS juga dilaksanakan dan diwakili oleh panel dari LPM, PPD Mersing dan Pengetua SM Victoria. Kesimpulannya, kolokium telah berjaya mencapai matlamat untuk menyebarkan maklumat mengenai amalan, pelaksanaan dan masalah yang dihadapi oleh para pemimpin sekolah dalam melaksanakan PBS di sekolah masing-masing. IAB sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat kepada pemimpin sekolah akan meneruskan usaha-usaha ini demi kecemerlangan sistem pendidikan negara.



3.3.4 Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-8

Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Kali Ke-8 telah berlangsung pada 7-12 Mei 2012 di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah. Kolokium tahun ini telah menghimpunkan 135 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin pendidikan dari seluruh Malaysia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Sufa'at bin Tumin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan) manakala penutup oleh Dr. Jamil bin Adimin, Timbalan Pengarah Khidmat Latihan IAB.

Objektif Umum

Peserta kolokium akan dapat menimba pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam mengurus kepimpinan instruksional seiring dengan transformasi pendidikan masa kini.

Objektif khusus

Peserta kursus akan dapat:

- (i) Menenal pasti amalan-amalan terbaik serta inovasi-inovasi dalam kepimpinan instruksional di sekolah yang menjurus kepada peningkatan kecemerlangan akademik dan sahsiah murid.
- (ii) Menambah baik amalan dan program instruksional di sekolah melalui perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan pembentang dan peserta kolokium.
- (iii) Membuka ruang kerjasama dengan seluruh warga pendidikan untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Tema: Kepimpinan Instruksional Menjana Generasi Kreatif dan Inovatif



Sebahagian peserta Kolokium di Dewan IABU



Sesi perbengkelan mengikut kumpulan

3.3.5 Pertandingan Bahas Guru Ala Parlimen Peringkat Kebangsaan 2012

Jawatankuasa Induk Perayaan Hari Guru 2012 telah mengamanahkan Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai Jawatankuasa Pengelola Perbahasan Guru Peringkat Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pertandingan perbahasan peringkat separuh akhir dan akhir 2012 telah dijalankan pada 14 dan 15 Mei 2012 di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Secara keseluruhannya, pertandingan ini telah melibatkan 330 orang warga pendidikan seluruh negara yang terdiri daripada 150 orang pembahas, 30 orang jurulatih, 30 orang pengurus pasukan, 80 orang hakim dan 40 orang Jawatankuasa Pelaksana Pertandingan.

Objektif Pertandingan

Pertandingan Bahas Guru Ala Parlimen, Peringkat Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia dilaksanakan bagi mencapai objektif yang berikut:

- (i) Wadah kepada warga guru untuk meningkatkan kemahiran berhujah secara kritis, analitis dan profesional.
- (ii) Meningkatkan ketrampilan guru berkomunikasi dalam konteks yang lebih luas.
- (iii) Meningkatkan tahap ilmu para guru melalui penyelidikan untuk mendapatkan fakta yang relevan.
- (iv) Meningkatkan semangat sepasukan dalam kalangan guru.
- (v) Menghayati tema perayaan hari guru pada tahun ini.

Kategori Pertandingan Bahas

Pertandingan ini dijalankan dalam dua (2) kategori iaitu;

- (i) Bahasa Malaysia.
- (ii) Bahasa Inggeris.

Penyertaan Pertandingan

Penyertaan terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Malaysia yang berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia tidak termasuk Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan Jawatankuasa Pelaksana Pertandingan Bahas Guru Ala Parlimen Peringkat Kebangsaan.

Penghakiman

- (i) Pertandingan dijalankan secara kalah mati. Johan bagi setiap kumpulan sahaja yang layak ke peringkat seterusnya.
- (ii) Setiap pertandingan akan diadili oleh lima(5) orang hakim. Hakim ini dilantik dalam kalangan pegawai-pegawai Bahagian KPM, JPN dan PPD yang telah menghadiri Kursus Hakim Bahas yang dianjurkan oleh IAB.
- (iii) Penghakiman adalah berdasarkan empat (4) aspek yang telah ditentukan; iaitu:
- (iv) Penentuan pasukan pemenang ditentukan melalui keputusan majoriti hakim.
- (v) Penentuan pembahas terbaik diputuskan melalui perbincangan hakim pertandingan

ASPEK	MARKAH
ISI (nilai isi bidasan, kekuatan hujah, niali hujah tanpa dipengaruhi gaya pengucapan)	30
GAYA (nilai sebutan, gaya bahas, gerak badan, nada suara)	30
STRATEGI (struktur dan tempoh penghujahan, fokus bidasan kepada isu utama)	20
BAHASA (gaya bahasa, struktur ayat, tatabahasa, sebutan baku,kelancaran,nada dan intonasi)	20


Struktur Jawatankuasa Pengelola Pertandingan

3.3

Jawatankuasa Pelaksana ialah Institut Aminuddin Baki dan Jabatan Pelajaran Perak selaku tuan rumah pertandingan.

- (i) Jawatankuasa Pelaksana Induk bersama-sama JPN Perak selaku tuan rumah peringkat Kebangsaan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab membantu pihak IAB menjalankan pertandingan bahas tersebut.
- (ii) Jawatankuasa Urus Setia Perbahasan Zon yang dibentuk adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan pertandingan di peringkat Zon.

Jawatankuasa Induk Pertandingan Bahas Ala Parlimen 2012 (Institut Aminuddin Baki)



Kumpulan Pertandingan

KUMPULAN 1	KUMPULAN 2	KUMPULAN 3	KUMPULAN 3
Pulau Pinang	Terengganu	WP KL/Putrajaya	Pahang
Kelantan	Perak	Kedah	Selangor
Melaka	Negeri Sembilan	Johor	Perlis
Sarawak	WP Labuan		Sabah

- (i) Pertandingan dilaksanakan secara kumpulan dan johan setiap kumpulan akan mewakili kumpulan masing-masing. Pertandingan ke peringkat kumpulan dibuat secara undian semasa mesyuarat Pegawai Meja Pertandingan Bahas Guru Ala Parlimen pada Febuari 2012.
- (ii) Pertandingan bahas peringkat separuh akhir telah dilaksanakan pada 14 Mei 2012 di Kolej Islam Darul Ridzuan, manakala pertandingan peringkat akhir telah dilaksanakan pada 15 Mei 2012 di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak.

Usul Pertandingan Bahas

Bahasa Malaysia

PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN (14 MEI 2012)
Inovasi Sekolah Menjana Pembangunan Ahli Sukan Bertaraf Dunia
PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN (15 MEI 2012)
Guru Inovatif Menjana Transformasi Pendidikan Negara

Bahasa Inggeris

PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN (14 MEI 2012)
Mastery of Languages Spurs Innovation and the Economic Well-Being of the Nation
PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN (15 MEI 2012)
The Current Education System Prepares Students of Today for Innovative Jobs of Tomorrow

Keputusan Pertandingan Akhir

PEMENANG	KATEGORI	
	B.MALAYSIA	B.INGGERIS
JOHAN	PULAU PINANG	PAHANG
NAIB JOHAN	JOHOR	PULAU PINANG
PEMBAHAS TERBAIK	PULAU PINANG	PAHANG

Majlis Penutupan Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan

Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia di Dewan Hargreaves, Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak.

Impak Pertandingan

Pertandingan ini telah mencapai objektif dan memberi impak yang positif khususnya terhadap peserta/pasukan yang bertanding. Antara impak yang dinyatakan melalui *post mortem* pertandingan ialah:

- (i) Dapat meningkatkan kerjasama sepasukan serta persefahaman yang tinggi dalam kalangan pembahas, jurulatih dan pengurus pasukan bertanding.
- (ii) Mengukuhkan lagi integrasi nasional melalui penyertaan pelbagai kaum dalam pasukan yang bertanding.
- (iii) Meningkatkan kemahiran berhujah para peserta berasaskan fakta yang sahih dan relevan.
- (iv) Dapat meningkatkan kefahaman mengenai isu-isu dan dasar-dasar pendidikan.
- (v) Mengukuhkan semangat hormat menghormati dan sikap tolak ansur dan memupuk sikap bersaing secara positif.

3.3

Rumusan

Pertandingan telah berjaya mencapai objektif penganjurannya. Komitmen setiap pasukan yang bertanding adalah sangat tinggi. IAB selaku Jawatankuasa Pelaksana juga mendapat sokongan padu daripada Jawatankuasa Induk, Jabatan Pelajaran Negeri Perak serta Jabatan Pelajaran Negeri yang lain ketika menganjurkan pertandingan ini.



3.3.6 Majlis Komensmen NPQEL Institut Aminuddin Baki

Majlis Komensmen NPQEL Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan majlis yang diadakan setiap tahun untuk memberi pengiktirafan kepada para graduan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) atau lebih dikenali sebagai program NPQH yang telah diperkenalkan pada tahun 1999. Program NPQEL ini bertujuan untuk melahirkan barisan pemimpin pelapis sekolah yang berpengetahuan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Program yang berkonsepkan *total training* ini merupakan satu-satunya program berstruktur secara komprehensif berasaskan kompetensi pengetua dan guru besar di Malaysia.

Pada 17 Mac 2011, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan struktur program NPQEL mod baharu dengan mengubah mod pengajian daripada satu tahun kepada lima bulan dengan pelbagai penambahbaikan dalam struktur program NPQEL.

Majlis Komensmen NPQEL Institut Aminuddin Baki tahun 2012 telah diadakan pada 25 hingga 26 Mei 2012 bertempat di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Para jemputan majlis terdiri daripada Setiausaha dan Pengarah Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia serta Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri.

Majlis ini diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada para graduan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) Ambilan 1/2011 yang telah mengikuti latihan NPQEL yang juga merupakan graduan pertama lulusan program NPQEL mod baharu. Seramai 116 orang graduan daripada sekolah rendah dan sekolah menengah telah menerima sijil NPQEL. Senarai nama graduan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) Ambilan 1/2011 terdapat di dalam Lampiran 3. Daripada jumlah tersebut, dua orang graduan telah terpilih sebagai penerima Anugerah Graduan Cemerlang NPQEL 2012 iaitu Puan Rosmawati binti Abd. Rahman daripada sekolah rendah dan Encik Murugan a/l Muniandy daripada sekolah menengah.

Dalam majlis ini juga telah disampaikan anugerah yang julung-julung kali diadakan iaitu Anugerah Tokoh Kepimpinan NPQEL. Anugerah tersebut telah diberikan kepada yang YBh. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Barjunid berdasarkan sumbangan cemerlang dan khidmat bakti beliau dalam menerajui kelahiran program NPQH pada tahun 1999. Program yang pada mulanya dikenali sebagai Program Kelayakan Profesional kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) ini merupakan satu wadah dalam membina barisan pemimpin pelapis yang berketrampilan dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

Rumusan

Majlis Komensmen NPQEL Institut Aminuddin Baki tahun 2012 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Program NPQEL mod baharu ini mampu melahirkan barisan pelapis pemimpin sekolah yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.



Tokoh Kepimpinan NPQEL
Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid



Anugerah Graduan Cemerlang NPQEL 2012
(Sekolah Rendah)
Rosmawati binti Abdul Rahman



Anugerah Graduan Cemerlang NPQEL 2012
(Sekolah Menengah)
Murugan a/l Muniandy



Para Graduan NPQEL 1/2011

3.3.7 Konvensyen Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) Peringkat Kebangsaan Ke-9

Konvensyen PERASA kali ke-9 ini yang berlangsung pada 16-19 Julai 2012 di IAB Cawangan Utara merupakan kesinambungan acara tahunan yang telah dimulakan sejak tahun 1997 lagi. Kejayaan melaksanakan Konvensyen PERASA pada tahun-tahun sebelumnya telah membuatkan konvensyen kali ini diperluaskan penyertaan kepada warga pendidik yang bertugas di pelbagai peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia. Kehadiran kali ini adalah seramai 185 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan bahagian KPM, JPN, PPD, Pengetua, Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Ketua Bidang, IPGM dan IAB.

Matlamat

Mewujudkan golongan pekerja yang penyayang dalam organisasi

Objektif

- (i) Mengukuhkan jati diri pengurus sekolah dalam menghadapi cabaran isu-isu pendidikan semasa
- (ii) Berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam menyepadukan pengurusan dan kepimpinan khasnya di institusi-institusi pendidikan
- (iii) Mewujudkan forum perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai keperluan dan tuntutan dalam pendidikan

Tema: PERASA Melonjakkan Kecemerlangan Organisasi

Subtema

- (i) Haluan PERASA: Antara Realiti dan Ilusi
- (ii) Persefahaman dan Saling Mempercayai Pra Syarat Kecemerlangan Organisasi
- (iii) Komitmen Warga Organisasi Pemangkin Kecemerlangan

Pembentang Kertas Kerja

Bil.	Nama	Tajuk Kertas Kerja
1	Hj.Abdul Latif bin Yahya Ketua Sektor Sektor Psikologi dan Kaunseling Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan	Haluan PERASA:Antara Realiti dan Ilusi
2	Encik Ali bin Hamid Mantan Pensyarah Kanan Institut Aminuddin Baki	Persefahaman dan Saling Mempercayai Tunjang Kecemerlangan Organisasi
3	Encik Intan Suriani bin Mohd Salamin Kaunselor Kanan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pelajaran Malaysia	Komitmen Warga Organisasi Pemangkin Kecemerlangan
4	Hj.Shahabuddin bin Asaari (Pak Su) Mantan Pensyarah Cemerlang Institut Aminuddin Baki	Pembangunan Diri PERASA
5	Encik Khoo Beng Kheng (Pak Ku) Mantan Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia	Perkongsian Pengalaman PERASA di luar Kementerian Pelajaran Malaysia

3.3.8 Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan (Persidangan SIP)

Program *School Improvement Program* (SIP) dalam GTP1.0 bermula pada tahun 2010 dan berakhir pada 2012. Program SIP terdiri daripada dua subprogram di bawahnya, iaitu Program *SIPartner* (*School Improvement Partners*) dan Program *SISC* (*School Improvement Specialist Coaches*). Program *SIPartner* berfokus kepada bimbingan kepimpinan dan pengurusan sekolah iaitu Pengetua atau Guru Besar, manakala Program *SISC* berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran iaitu Guru Mata Pelajaran.

Sehubungan dengan itu, IAB dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah mengadakan Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan (*School Improvement Program - SIPartner/SISC*) pada 3 hingga 5 Disember 2012 di Hotel Grand Dorsett, Subang, Selangor. Majlis pembukaan persidangan ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan penutupan rasmi disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yuof, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Pembangunan Profesionalisme Perguruan. Persidangan ini telah dihadiri seramai 360 orang dari seluruh negara yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar sekolah yang telah keluar band 6 & 7, Pengetua dan Guru Besar yang masih berada dalam band 6 & 7, *SIPartner* yang terdiri daripada Pensyarah IAB, Pengetua-pengetua Cemerlang, dan pegawai-pegawai JPN dan KPM. Turut terlibat dalam persidangan ini ialah *School Improvement Specialist Coaches* yang merupakan guru cemerlang.

Keperluan untuk mengadakan persidangan ini adalah bagi memantapkan pemimpin sekolah dalam menyediakan intervensi yang dapat membangunkan sekolah. Persidangan juga dilihat sebagai satu wadah bagi membincangkan amalan terbaik berkaitan dengan program yang telah dilaksanakan bagi tujuan refleksi. Amalan terbaik ini akan menjadi contoh pihak yang berkeperluan membuat penambahbaikan terhadap organisasi mereka.

Objektif Persidangan

- (i) Berkongsi kejayaan dan kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan sekolah yang terlibat dalam program *SIPartner* atau *SISC*.
- (ii) Kejayaan pengurusan dan kepimpinan sekolah yang terlibat dalam program *SIPartner* atau *SISC* dapat dijadikan model dan diketengahkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (iii) Memberi pengiktirafan kepada pengurusan dan kepimpinan sekolah yang terlibat dalam program *SIPartner* atau *SISC*.

Impak daripada persidangan ini telah memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi amalan terbaik pemimpin sekolah dalam membantu membangunkan prestasi mereka.

3.3.9 Mesyuarat Bersama Pelanggan Institut Aminuddin Baki 2012

Mesyuarat Bersama Pelanggan merupakan satu platform yang holistik untuk mendapatkan penjelasan tentang perkhidmatan yang disediakan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra, telus dan cekap. Mesyuarat ini bertujuan untuk memantap dan menyelaraskan keperluan dan pembangunan latihan dalam kalangan pemimpin dan penggerak sistem pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelaksanaan Mesyuarat Bersama Pelanggan ini juga memberi peluang dan ruang kepada IAB untuk memberikan pendedahan awal kepada pelanggan IAB tentang pelaksanaan program untuk tahun 2012. Mesyuarat Bersama Pelanggan telah diadakan pada 16 hingga 18 Januari 2012 di Bilik Mesyuarat Antarabangsa, Blok Latihan, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. Mesyuarat dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian, KPM, Pengarah IPG, Pengarah JPN dan Pegawai Latihan JPN. Seramai 62 orang peserta telah hadir dalam Mesyuarat Hari Bersama Pelanggan ini.

Objektif

Mesyuarat Bersama Pelanggan bertujuan untuk mempromosikan program IAB 2012 - 2016 kepada seluruh warga IAB dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Promosi dilakukan dengan memberi pendedahan kepada penggunaan sistem bersepadu Insyst. Antara lain tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan:

- i) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
- ii) Pencapaian IAB 2011 dan perancangan 2012
- iii) Isu-isu berkaitan latihan
- iv) Laporan KOMPAS
- v) Laporan status pencapaian latihan 2013 dan takwim latihan 2013
- vi) NPQEL mod baharu dan pelaksanaan NPQEL 2012

Kandungan Mesyuarat

Mesyuarat Bersama Pelanggan telah dimulakan dengan sesi taklimat pada 16 Januari 2012 (Isnin) yang dipengerusikan oleh Dr Jamil bin Adimin, Timbalan Pengarah Khidmat Latihan IAB. Mesyuarat telah mencatat segala isu yang dikemukakan oleh peserta dan pengerusi memaklumkan segala isu yang dikemukakan akan dijawab sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam sesi-sesi taklimat yang akan berlangsung nanti. Perasmian Mesyuarat Bersama Pelanggan telah disempurnakan oleh Dr. Amin bin Senin, Pengarah IAB.

Beberapa sesi pembentangan telah diadakan iaitu Pembentangan *Premier Centre* oleh Dr. Amin bin Senin, Pembentangan Latihan Dan Pembangunan oleh Dr. Jamil bin Adimin dan Pembentangan Pencapaian Dan Pembaharuan IAB oleh Dr. Zainab Hussin, Timbalan Pengarah Khidmat Latihan.

Sesi pembentangan SubKRA dan soal jawab juga telah diadakan iaitu pembentangan Pembangunan Individu, Pembangunan Organisasi, Pembangunan Master Trainer, Penyelidikan & Pembangunan, Jaringan & Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan. Pembentangan yang terakhir ialah pembentangan Program Kelayakan Kepengetuaan dan Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) dan Program *Teach For Malaysia*. Antara bahan cetakan yang diedarkan kepada para pelanggan ialah Buku Program latihan IAB 2012, Landskap *Premier Centre* 2012-2016, Buku Pemikiran Semula Pembangunan Kepimpinan Sekolah dan Buku Panduan Pelaksanaan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL).

Impak

Impak pelaksanaan program Mesyuarat Bersama Pelanggan ini telah memudahkan IAB dalam melaksanakan perancangan Takwim 2012. Para pelanggan melalui mesyuarat ini dapat mengenal pasti kehendak peserta yang akan dihantar berkursus dan memahami dengan jelas prosedur dan sistem yang diguna pakai oleh IAB. Proses yang berjalan dengan teratur ini akan memungkinkan IAB dapat menguruskan perancangan program tahunan dengan baik serta meningkatkan lagi permohonan kursus melalui sistem secara dalam talian iaitu i-Permohonan. Ini selaras dengan matlamat IAB untuk menjadi pusat latihan pemimpin pendidikan yang terkenal di rantau ini.

Rumusan

Mesyuarat Bersama Pelanggan tahun 2012 telah dilaksanakan dengan jayanya hasil komitmen semua pihak. Kerjasama erat yang terjalin diharap akan memudahkan IAB dalam melaksanakan segala program yang dirancang untuk tahun 2012.



3.3.10 Komitmen Institut Aminuddin Baki (IAB) Dengan Agensi Luar

Selain melaksanakan program-program di peringkat dalaman, IAB juga terlibat dengan program anjuran agensi dan jabatan dari dalam dan luar Kementerian Pelajaran Malaysia. Komitmen IAB melibatkan penggunaan premis dan penyertaan pegawai-pegawai sebagai jawatankuasa pelaksana. Antara program tersebut ialah:

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Persidangan Pegawai-Pegawai PPD Peringkat Kebangsaan anjuran Majlis PPD Kebangsaan	15 - 17 April 2012	450 orang
2.	Pertandingan Bahas Guru Ala Parlimen Peringkat Kebangsaan 2012 - IAB sebagai Jawatankuasa Pengelola	15 Mei 2012	80 orang
3.	Taklimat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 anjuran Bahagian Pendidikan Guru	3 - 5 Oktober 2012	300 orang
4.	Muzakarah Munsyi Dewan 2012 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	28 November - 1 Disember 2012	200 orang

Rumusan

Penglibatan pelbagai agensi yang menggunakan kemudahan premis IAB adalah gambaran kepada keberkesanan sistem penyampaian dan pengurusan yang cekap dalam memenuhi keperluan pelanggan.



3.3.11 Penglibatan IAB Dalam Kuala Lumpur World Robot Olympiad 2012

World Robot Olympiad (KLWRO) 2012 telah berlangsung pada 9 hingga 12 November 2012 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor. Pertandingan peringkat antarabangsa yang disertai oleh 30 buah negara ini dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Sasbadi Sdn. Bhd.. IAB dipertanggungjawabkan sebagai Jawatankuasa Jamuan Rasmi dan Makanan.

Penglibatan

Seramai 27 orang ahli pasukan petugas terdiri daripada pensyarah-pensyarah Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT telah bertugas sepanjang pertandingan tersebut berlangsung. Pasukan petugas ini telah ditugaskan untuk membantu melancarkan perjalanan acara Jamuan Rasmi Majlis Pembukaan yang diadakan di dua tempat yang berasingan. Seramai 340 orang tetamu telah menghadiri jamuan tersebut.

Selain itu, diadakan juga Majlis Makan Malam *Friendship Night* melibatkan lebih kurang 2000 orang tetamu termasuk tetamu kehormat. Hos Jamuan Makan Malam ialah Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Para peserta berlainan negara yang hadir pada majlis tersebut bebas berinteraksi antara satu sama lain.

Jamuan Majlis Penutupan Rasmi KLWRO pula diadakan di Grand Bahamas, Aras 12 Sunway Resort Hotel & Spa yang melibatkan petugas-petugas dari IAB.

Impak

Secara keseluruhannya pengurusan dan pelaksanaan tugas Pasukan Petugas Jamuan Rasmi dan Makanan KLWRO 2012 berjalan dengan lancar. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abdul Ghafar turut meluangkan masa untuk melawat tempat pertandingan dan stesyen pengagihan makanan. Beliau sangat berpuas hati terhadap kualiti dan pembungkusan makanan berkenaan. Kejayaan melaksanakan tanggungjawab ini menjadikan IAB sebuah organisasi yang diyakini oleh pelbagai pihak.





Petugas mengedarkan makanan kepada peserta



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN IAB DAN PENCAPAIAN KPI *PREMIER CENTRE*

BAB 4

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN
IAB & PENCAPAIAN KPI PREMIER CENTRE
BAB 4





Laporan Prestasi Pencapaian Piagam Pelanggan Dalam Tempoh Januari - Disember 2012

Bil.	Objektif	Pencapaian sehingga 31 Disember 2012		Ulasan sekiranya tidak mencapai sasaran	Tanggungjawab
		Sasaran	Sebenar		
1	Melaksanakan sekurang-kurangnya 95% program latihan yang didaftarkan dalam dokumen Program Latihan pada tahun berkenaan.	855	881	-	TP Khidmat Latihan
2	Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta kursus berpuas hati dengan program latihan IAB.	100%	100%	Pencapaian kepuasan pelanggan sebenar ialah 96.03%	TP Khidmat Latihan
3	Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta yang mengikuti program latihan berpuas hati dengan pengendalian sesi latihan oleh Pensyarah IAB dan Pensyarah Jemputan.	100%	100%	Peratus pensyarah yang tidak mencapai 80% ialah 2.5%	TP Khidmat Latihan
4	Memaklumkan pelanggan tentang kelulusan sesuatu kursus yang dipohon sekurang-kurangnya empat minggu (4) sebelum kursus bermula.	100%	100%	-	TP Khidmat Latihan
5	Memastikan prasarana latihan dan semua keperluan serta peralatan latihan berfungsi dengan baik dan dalam keadaan siap sedia untuk digunakan dalam tempoh satu (1) hari sebelum kursus bermula	100%	100%	-	Pendaftar
6	Menjalankan sekurang-kurangnya sembilan (9) penyelidikan dan pembangunan sistem maklumat setahun.	10 (TOV 2011)	14	-	KP Penyelidikan, Penilaian dan ICT
7	Menghasilkan sekurang-kurangnya sepuluh (10) penerbitan setahun.	10	16	-	KP Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
8	Menjalankan sekurang-kurangnya enam (6) program konsultasi termasuk khidmat pasukan pemikir setahun.	8	8	-	KP Konsultasi dan Mentoring
9	Menghasilkan indeks keperluan latihan dan pembangunan profesional pemimpin sekolah bagi setiap negeri setiap tahun.	1	0	Disediakan pada bulan Nov setiap tahun - kutipan data sedang dijalankan	KP Pentaksiran Pendidikan

Bil.	Objektif	Pencapaian sehingga 31 Disember 2012		Ulasan sekiranya tidak mencapai sasaran	Tanggungjawab
		Sasaran	Sebenar		
10	Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta kursus berpuas hati dengan perkhidmatan sajian dan penginapan	100%	Sajian - 100% Penginapan - 100%	Pencapaian kepuasan pelanggan dengan perkhidmatan sajian sebenar ialah 88.26% Pencapaian kepuasan pelanggan dengan perkhidmatan penginapan sebenar ialah 95.66%	Pendaftar
11	Menyediakan perkhidmatan perpustakaan pada setiap hari bekerja mulai 8.30 pagi hingga 4.45 petang	195	195	-	Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
12	Memastikan semua staf IAB mendapat peluang untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh hari setahun	100 %	100 %	-	KP Pembangunan Organisasi
13	Memastikan maklum balas kepada semua pertanyaan dan aduan pelanggan mengenai pengurusan perkhidmatan di IAB adalah menepati tempoh-tempoh berikut (a) akuan penerimaan dalam tempoh satu hari (b) laporan status aduan dalam tempoh lima minggu (c) maklum balas awal dalam tempoh 15 hari	100 %	100 %	-	Pendaftar

PENCAPAIAN KPI PREMIER CENTRE 2012 - 2016 SEHINGGA DISEMBER 2012

KRA	SUBKRA	OBJEKTIF	KPI	TOV 2011	SASARAN 2012	PENCAPAIAN	ULASAN
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	PEMBANGUNAN INDIVIDU	1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan	1. % pelaksanaan program pembangunan individu yang diwujudkan	100%	100%	100%	IAB telah melaksanakan semua 881 Kursus yang didaftarkan dalam program latihan iaitu Kursus CPD (632), KKPP & KKPP(142), NPQEL (63) dan melaksanakan Bengkel (44)
			2. % peningkatan pengetahuan dan kemahiran peserta sekurang-kurangnya 20%	NA	100%	91.09%	Penilaian berdasarkan perbezaan skor dalam i-penilaian sebelum dan selepas kursus yang melepasi perbezaan 20%. Hanya 91.09% tercapai sehingga Disember 2012.
		2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap program latihan IAB	3. % pemimpin pendidikan yang menunjukkan perubahan amalan dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan organisasi	NA	80%	91.71%	Pencapaian KPI melepasi sasaran menunjukkan terdapat anjakan dalam perubahan amalan kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi pemimpin pendidikan yang telah menghadiri kursus IAB bagi tempoh melebihi 2 minggu berdasarkan analisis data sistem i-penilaian.
			1. % kursus yang mencapai 82% tahap kepuasan pelanggan	100%	100%	100%	Semua kursus yang disarankan dalam tahun 2012 telah mencapai kepuasan pelanggan melebihi 82% dengan skor pencapaian sebenar 96.03%

KRA	SUBKRA	OBJEKTIF	KPI	TOV 2011	SASARAN 2012	PENCAPAIAN	ULASAN
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	PEMBANGUNAN ORGANISASI	1. Meningkatkan prestasi Institusi Pendidikan	1. Bilangan Institusi Pendidikan dalam negara yang menyertai program OD IAB	150	150	285	Bilangan Institusi Pendidikan dalam negara yang menyertai program Pembangunan Organisasi IAB bagi Tahun 2012 telah melonjak melepasi sasaran sebanyak 135 buah.
			2. % Peningkatan prestasi Institusi Pendidikan yang menyertai program OD IAB	50%	50%	NA	Penilaian prestasi akan dibuat selepas data keputusan SPM dikeluarkan bagi sekolah-sekolah yang menyertai program Pembangunan Organisasi bagi tahun 2012
			3. Bilangan Institusi Pendidikan luar negara yang menyertai program OD IAB	NA	NA	NA	Program ini akan dilaksanakan mulai Tahun 2013
			1. % peserta Program OD IAB yang berpuas hati	NA	100%	NA	Pengumpulan dan analisis data berdasarkan Instrumen Kepuasan Pelanggan Tahun 2012 dan Laporan akan dikeluarkan pada bulan Februari.
		2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap program pembangunan organisasi (OD) IAB					

KRA	SUBKRA	OBJEKTIF	KPI	TOV 2011	SASARAN 2012	PENCAPAIAN	ULASAN
MASTER TRAINER	PEMBANGUNAN MASTER TRAINER	1. Membangun kompetensi kejuruteraan sebagai Master trainer (MT)	1. Bilangan peserta yang menamatkan Program Pembangunan Kejuruteraan	NA	190	207	Program membangunkan kompetensi kejuruteraan ke tahap Master Trainer telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian yang melebihi sasaran bagi tahun 2012.
		2. Meningkatkan tahap kepuasan peserta yang mengikuti program latihan dan pembangunan MT	1. % kursus Master Trainer yang mencapai tahap kepuasan pelanggan melebihi 82%	NA	100%	100%	Semua program latihan pembangunan Master Trainer yang dijalankan sepanjang tahun 2012 mendapat skor penilaian kepuasan hatai melebihi 82%. Antara factor kejayaan program ini ialah program TOT kepada tenaga pengajar dijalankan.
		3. Menginstitusikan IAB sebagai Badan Pentauliahan MT	1. Bilangan MT yang ditauliahkan mengikut kategori Master Trainer	NA	240	240	Bilangan MT yang ditauliahkan pada tahun 2012 telah mencapai sasaran. Penambahbaikan untuk 2013: 1. Pembangunan panel pentaksiran. 2. Memantapkan proses pentaksiran


KRA	SUBKRA	OBJEKTIF	KPI	TOV 2011	SASARAN 2012	PENCAPAIAN	ULASAN
PUSAT RUJUKAN	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	1. Memantapkan kompetensi pensyarah dalam penyelidikan	1. % penyelidik kompeten	10%	15%	15%	Seramai 36 pensyarah berkelulusan PhD dan 20 orang pensyarah dinilai sebagai penyelidik kompeten bagi tahun 2012
			1. Bilangan pembentangan penyelidikan mengikut peringkat	10	12	34	Pembentangan kertas cadangan penyelidikan pada peringkat IAB (15) Pembentangan pada peringkat Kebangsaan (5) dan pembentangan pada peringkat Antarabangsa (14)
		3. Meningkatkan peratusan kepuasan pengguna terhadap produk penyelidikan dan pembangunan IAB	2. Bilangan penerbitan penyelidikan dalam jurnal berwasit mengikut peringkat	10	12	14	Bilangan penerbitan penyelidikan dalam jurnal berwasit mengikut peringkat telah berjaya dihasilkan dan melepasi sasaran.
			3.. Bilangan model kepimpinan dan pengurusan pendidikan	5	6	6	Bilangan model kepimpinan dan pengurusan pendidikan dihasilkan mencapai sasaran dengan pertambahan satu model baru (kumulatif).
			1. % penarafan terhadap abstrak penyelidikan dalam talian	NA	80%	80%	20 abstrak telah disediakan untuk dimuat naik ke laman web

KRA	SUBKRA	OBJEKTIF	KPI	TOV 2011	SASARAN 2012	PENCAPAIAN	ULASAN
PUSAT RUJUKAN	JARINGAN KOLABORATIF	1. Meningkatkan jaringan dan kolaboratif dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan	1. Peningkatan bilangan jaringan dalam dan luar negara	100	120	125	Jaringan dan kolaboratif dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan telah melepasi sasaran tahun 2012 iaitu: 1. Dalam Negara = 101 2. Luar Negara = 24
			2. Peningkatan bilangan program kolaboratif dilaksanakan	8	12	12	Sasaran program kolaboratif telah mencapai sasaran.
			1. Peningkatan bilangan pengkhususan/ negara dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan	NA	5	5	Pembangunan pakar dalam bidang pengurusan pendidikan daripada pelbagai pengkhususan.
			2. Peningkatan bilangan kajian perbandingan dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan	1	2	2	Pencapaian mencapai sasaran dengan menghasilkan kajian bersama Universiti Manipal India.
			3.. Bilangan program seminar/bengkel/ kolokium dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa	1	2	3	IAB telah melaksanakan 3 program pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa iaitu RCELAM Malaysia-Singapore Dialogue.
PUSAT RUJUKAN	JARINGAN KOLABORATIF	3. Meningkatkan tahap kepuasan peserta yang menyertai program Jaringan dan Kolaboratif	1. % peserta yang mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan	NA	100%	100%	Sasaran telah dicapai iaitu semua program jaringan dan kolaboratif telah mencapai skor 80% berdasarkan analisis i-penilaian.

KRA	SUBKRA	OBJEKTIF	KPI	TOV 2011	SASARAN 2012	PENCAPAIAN	ULASAN
PUSAT RUJUKAN	PENGURUSAN PENGETAHUAN	1. Menyedia dan memantapkan kualiti perkhidmatan repositori aset pengetahuan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan	1. Bilangan modul-modul sistem repositori aset pengetahuan	NA	3	3	Penambahbaikan: 2013, 3 lagi model baru akan ditambah disamping penambahbaikan berterusan kepada 3 modul yang sedia ada.
			2. Jumlah jam maksimum gangguan capaian sistem setahun	NA	120	80	Penambahbaikan: 2013, tempoh gangguan kepada sistem akan dikurangkan lagi dengan penambahbaikan spesifikasi sistem yang sedia ada.
		2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan	1.% kepuasan pelanggan	NA	70%	99.08	Penambahbaikan: 2013, Kualiti perkhidmatan ICT di IAB terus dipertingkatkan untuk mengekalkan prestasi tahap kepuasan pelanggan.



Tidak mencapai TOV



Mencapai TOV
tetapi tidak sasaran




Mencapai Sasaran



Melepassi Sasaran



Belum dilaporkan



Analisis pencapaian KPI IAB bagi Tahun 2012 menunjukkan 9 KPI telah melepasi sasaran, 12 KPI telah mencapai sasaran dan hanya 1 KPI tidak mencapai sasaran tetapi melepasi TOV. Walau bagaimanapun, terdapat 3 KPI yang belum dapat dilaporkan iaitu;

- (i) Peratus Peningkatan prestasi Institusi Pendidikan yang menyertai program OD IAB kerana penilaian prestasi akan dibuat selepas data keputusan SPM dikeluarkan bagi sekolah-sekolah yang menyertai program Pembangunan Organisasi bagi tahun 2012.
- (ii) Bilangan Institusi Pendidikan luar negara yang menyertai program OD IAB kerana program ini akan dilaksanakan mulai tahun 2013, dan
- (iii) Peratus peserta Program OD IAB yang berpuas hati kerana pengumpulan dan analisis data berdasarkan Instrumen Kepuasan Pelanggan Tahun 2012 dan laporan dijangka dapat dikeluarkan pada bulan Februari, 2013.



LAPORAN PENGUPAYA (*ENABLER*)

5.1 LAPORAN KEWANGAN

- 5.1.1 Prestasi Perbelanjaan 2012
- 5.1.2 Peruntukan Latihan Keseluruhan
- 5.1.3 Laporan Prestasi Perbelanjaan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2012

5.2 PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA

- 5.2.1 Perjawatan

5.3 INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR

- 5.3.1 Kemudahan Infrastruktur & Fizikal (IAB Induk & Cawangan)
- 5.3.2 Pengurusan Aset & Stor
- 5.3.3 Pusat Sumber Pendidikan IAB Induk & Cawangan Utara

BAB 5





5.1 LAPORAN KEWANGAN

5.1.1 Prestasi Perbelanjaan 2012

Tahun 2012, IAB menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM 60,805,929.00. Peruntukan tersebut meliputi semua peruntukan yang diterima daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan berikut adalah agihan yang diterima, belanja dan peratus perbelanjaan sehingga penutupan akaun awam Tahun 2012 (7.1.2013).

BIL	PERIHAL	PERUNTUKAN	BELANJA	PERATUS BELANJA
1	Dasar Sedia Ada (Emolumen dan bukan emolumen)	52,474,950.00	51,530,795.00	98%
2	<i>One-Off</i> (Harta modal dan luar Negara)	361,465.00	352,860.00	98%
3	NKRA (SIP, SBT, LINUS, PPPM)	4,950,000.00	3,816,271.00	77%
4	<i>Teach For Malaysia</i> (TFM)	3,019,505.00	1,895,946.00	63%

Peruntukan Dasar Sedia Ada terbahagi kepada Emolumen dan Bukan Emolumen.



Emolumen kepada 540 kakitangan daripada 777 kakitangan adalah sebanyak RM35,441,700.00. Daripada jumlah keseluruhan kakitangan yang ada seramai sembilan orang pegawai yang mendapat cuti belajar bergaji penuh dan dibayar gaji oleh Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran. Bukan Emolumen termasuk program latihan IAB dan pengurusan IAB yang melibatkan bayaran utiliti, bekalan pejabat, penyelenggaraan dan lain-lain.

5.1.2 Peruntukan Latihan keseluruhan

BIL	AKTIVITI	PERUNTUKAN	BELANJA	PERATUS BELANJA
1.	Dasar Sedia Ada	4,010,100.00	3,448,043.81	86.98%
2.	NKRA: -SIP -SBT -LINUS	4,118,000.00 100,000.00 232,000.00	3,261,282.00 73,851.00 229,670.00	79% 74% 99%
3.	Initiatif PPPM	500,000.00	433,539.00	87%
4.	Pembangunan Staf	129,881.00	124,498.00	96%
5.	Teach For Malaysia (TFM)	3,019,505.00	1,895,946.00	63%



5.1.3 LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2012 SEHINGGA 31 DISEMBER 2012
BAGI INSTITUT AMINUDDIN BAKI

OBJEK SEBAGAI	PERIHAL OBJEK	PERUNTUKAN ASAL	PERUNTUKAN WARAN DITERIMA	INDUK						IAB UTARA						KESELURUHAN			% PERBELANJAAN BERDASARKAN PERUNTUKAN DITERIMA
				PERUNTUKAN	JUMLAH PERBELANJAAN	JUMLAH TANGGUNGAN	BAK1	% PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	JUMLAH PERBELANJAAN	JUMLAH TANGGUNGAN	BAK1	% PERBELANJAAN	JUMLAH KESELURUHAN	JUMLAH TANGGUNGAN	BAK1			
11000	Gaji Dan Upahan	23,242,800	27,996,800	23,740,800	23,717,717	-	23,083	99.9%	4,256,000	4,139,889	-	116,111	97.3%	27,857,606	-	139,194	99.5%		
12000	Elaun Tetap	8,358,900	7,335,900	6,276,900	6,276,101	-	799	100.0%	1,059,000	958,853	-	100,147	90.5%	7,234,954	-	100,946	98.6%		
13000	Sum. Berkanun Utk Kakitgn	150,000	109,000	89,840	88,884	-	956	98.9%	19,160	18,418	-	742	96.1%	107,302	-	1,698	98.4%		
14000	Ealun lebih Masa	150,000	220,000	195,350	195,331	-	19	100.0%	24,650	22,636	-	2,014	91.8%	217,966	-	2,034	99.1%		
15000	Lain-lain Faedah Kewangan	200,000	130,000	124,300	93,274	-	31,026	75.0%	5,700	5,418	-	282	95.1%	98,692	-	31,308	75.9%		
17000	Bayaran Imbuhan tahunan	0	2,418,850	2,063,850	2,039,183	-	24,667	98.8%	355,000	354,814	-	186	99.9%	2,393,997	-	24,853	99.0%		
10000	EMOLUMEN	32,101,700	38,210,550	32,491,040	32,410,489	0	80,551	99.8%	5,719,510	5,500,027	-	219,483	96.2%	37,910,517	-	300,033	99.2%		
21000	Perbelanjaan Perjalanan	1,500,000	2,593,700	2,220,050	2,198,756	20,956	338	100.0%	373,650	345,956	10,434	17,260	95.4%	2,544,712	31,390	17,598	99.3%		
22000	Pengangkutan Brg-brg	80,000	80,000	71,100	54,239	-	16,861	76.3%	8,900	7,586	-	1,314	85.2%	61,825	-	18,175	77.3%		
23000	Perhubungan Dan Utiliti	1,800,00	1,853,300	1,338,030	1,325,735	-	12,295	99.1%	515,270	489,348	-	25,922	95.0%	1,815,083	-	38,217	97.9%		
24000	Sewaan	365,000	365,000	247,490	220,471	-	27,019	89.1%	117,510	117,506	-	4	100.0%	337,977	-	27,023	92.6%		
26000	Bklin Bhn Mentah	180,000	218,000	136,000	131,952	-	4,048	97.0%	82,000	81,215	-	785	99.0%	213,168	-	4,832	97.8%		
27000	Bekalan dan bahan lain	600,000	600,000	400,000	396,943	-	3,057	99.2%	200,000	199,943	-	57	100.0%	596,886	-	3,114	99.5%		
28000	Pelgraaan & p'baikan kecil	383,400	973,400	670,423	650,066	-	20,358	97.0%	302,977	302,687	-	290	99.9%	952,752	-	20,648	97.9%		
(040304)	Pembersihan kawasan	868,000	860,350	549,410	496,083	-	53,327	90.3%	310,940	310,94	-	1	100.0%	807,022	-	53,328	93.8%		
29000	Pkhd Iktisas & Pkhd lain	4,616,000	4,976,800	3,995,657	3,944,613	-	51,044	98.7%	981,143	800,137	-	181,006	81.6%	4,744,751	-	232,049	95.3%		
(040305)	Kawalan keselamatan	384,000	451,080	280,082	276,121	3,959	2	100.0%	170,998	170,995	-	3	100.0%	447,116	3,959	5	100.0%		
20000	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	10,776,400	12,971,630	9,908,242	9,694,979	24,915	188,348	98.1%	3,063,388	2,826,313	10,434	226,641	92.6%	12,521,292	35,349	414,989	96.8%		
41000	Biasiswa dan Dermasiswa	2,500,000	1,292,770	1,292,770	1,092,556	-	200,214	84.5%	-	-	-	-	0.0%	1,092,556	-	200,214	84.5%		
40000	KEMAN BYRN TETAP	2,500,000	1,292,770	1,292,770	1,092,556	-	200,214	84.5%	-	-	-	-	0.0%	1,092,556	-	200,214	84.5%		
									8,782,898	8,326,340	10,434	446,124	94.9%	51,524,364	35,349	915,237	98.3%		
JUMLAH KESELURUHAN			52,474,950	43,692,052	43,198,024	24,915	469,113	98.95											

5.2 PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA

5.2.1 Perjawatan

Struktur perjawatan di IAB, Kementerian Pelajaran Malaysia pada keseluruhannya telah diluluskan seramai 777 orang. Daripada jumlah ini, bilangan untuk IAB (Kampus Induk) seramai 686 dan Cawangan Utara seramai 91 orang.

Dalam struktur organisasi yang sedia ada, pengurusan tertinggi diterajui oleh Pengarah, gred Utama B, dibantu oleh dua (2) Timbalan Pengarah (Khidmat Profesional dan Khidmat Latihan) gred DG54.

Pengurusan Khidmat Profesional mempunyai empat pusat yang diterajui oleh seorang Ketua Pusat gred DG52 iaitu Pusat Pembangunan Organisasi, Pusat Pentaksiran & Kepimpinan Pendidikan, Pusat Pengurusan Teknologi dan Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan (DG48).

Pengurusan Khidmat Latihan juga mempunyai empat pusat yang diterajui oleh seorang Ketua Pusat gred DG52 iaitu Pusat Penyelidikan, Penilaian & ICT, Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan, Pusat Kepimpinan & Komunikasi dan Pusat Konsultasi & Mentoring. Di samping itu, Unit Pentadbiran dan Kewangan keseluruhannya diketuai oleh Pendaftar (Pegawai Tadbir & Diplomatik gred M52).

Fungsi IAB dikendalikan oleh jabatan-jabatan dan unit-unit yang sedia ada di bawah pengurusan Pejabat Pendaftar. Jumlah pengisian perjawatan pada tahun 2012 ialah seramai 469 orang. Bagi jawatan Pengurusan tertinggi (JUSA B) ialah seorang, jawatan pengurusan dan profesional seramai 339 orang manakala bagi kumpulan sokongan I seramai 90 orang dan bagi kumpulan sokongan II seramai 39 orang.

Pejabat Pendaftar bertindak sebagai pengupaya dalam organisasi yang bertanggungjawab dalam mengembleng sumber tenaga manusia, perkhidmatan dan kewangan serta memanfaatkan infrastruktur dan infostruktur demi melancarkan Lanskap *Premier Centre*.

**Ringkasan Perjawatan Institut Aminuddin Baki
Maklumat Kakitangan Sehingga 15 Januari 2013
Institut Aminuddin Baki Induk**

Bil	Jawatan	B.41	Pengisian	Jumlah Kosong
1	Pengarah Jusa B	1	1	-
2	Timbalan Pengarah DG54	2	2	-
3	Ketua Pusat DG52	7	7	-
4	Pensyarah Kanan DG52	59	59	-
5	Pendaftar PTD M52	1	1	-
6	Ketua Jabatan DG48	24	24	-
7	Pensyarah Kanan DG48	219	212	7
8	Pegawai Penyelaras Program DG48	1	1	-
9	Ketua Pusat Sumber DG48	1	1	-
10	PPPS DG48 (KUP) Jawatan Hakiki DG44	1	1	-

11	Pegawai Sistem Maklumat F48	1	1	-
12	Pensyarah DG44	197	28	165
13	Pegawai Teknologi Maklumat F44	2	1	1
14	Penolong Pengarah M44	1	0	1
15	Ketua Jabatan DG44	1	1	-
16	Pegawai Perhubungan DG44	1	1	-
17	Pegawai Pembangunan DG44	1	1	-
18	Pegawai Penyunting DG44	1	0	1
19	Pegawai Penyunting DG41	1	0	1
20	Pegawai Teknologi Maklumat F41	2	2	-
21	Pegawai Perpustakaan S41	1	1	-
22	Penolong Pegawai Tadbir N36	3	0	3
23	Penolong Akauntan W32	6	4	1
24	Penolong Pegawai Tadbir N32	6	5	1
25	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32	2	2	-
26	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29/F32	2	1	1
27	Penolong Pegawai Perpustakaan S27/S32	1	1	-
28	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32	3	3	-
29	Penolong Akauntan W27/W32	1	1	-
30	Pembantu Khas, PT Kes N32	1	1	-
31	PT (P/O) N22	3	3	-
32	Juruteknik Komputer FT17/FT22	4	4	-
33	Juruteknik J17/J22	4	4	-
34	PT (P/O) N17/N22	22	15	7
35	Penyelia Bangunan N17/N22	1	0	1
36	PT (Kes) N17/ N22	4	2	2
37	PKP N17/ N22	2	2	-
38	Pembantu Akauntan W17/W22	2	2	-
39	PT (Kew) W17/W22	9	9	-
40	Pembantu Perpustakaan S17/S22	4	4	-
41	Penyelia Asrama N17/N22	3	3	-
42	PTR N14	2	2	-
43	PTR N11/ N14	39	22	14
44	Penjilid Buku N11/N14	2	0	2
45	PAP N4	3	3	-
46	PAP N1/N4	27	25	2
47	Pemandu Kenderaan R3/R6	10	10	-
48	Pekerja Am Rendah	0	1	-1
	JUMLAH	686	469	217

Maklumat Pegawai Yang Berpencen / Bertukar Bagi Tahun 2012

Bil	Pegawai Berpencen (Orang)	Pegawai Bertukar (Orang)
1	2	12
Jumlah	2	12

Perjawatan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Jumlah pengisian perjawatan pada tahun 2012 ialah seramai 71 orang. Struktur organisasi yang sedia ada diterajui oleh Pengarah Cawangan gred DG54 dan dibantu oleh Timbalan Pengarah gred DG52. Keseluruhan jawatan Pengurusan dan Profesional ialah seramai 40 orang manakala bagi Kumpulan Sokongan I seramai 42 orang dan bagi Kumpulan Sokongan II seramai tujuh orang.

Ringkasan Perjawatan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Maklumat Kakitangan Sehingga Disember 2012

Bil	Jawatan	B.41	Pengisian	Jumlah Kosong
1	Pengarah Dg54	1	1	-
2	Timbalan Pengarah Dg52	1	1	-
3	Ketua Jabatan Dg48	16	13	3
4	Pensyarah Dg44	21	6	15
5	Pegawai Teknologi Maklumat F44	1	1	-
6	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32	4	4	-
7	Penolong Pegawai Tadbir N32, Peg Latihan	4	3	1
8	Penolong Akauntan W27/ W32, Peg Latihan	3	3	-
9	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32	2	2	-
10	Penolong Akauntan W22	1	1	-
11	Juruteknik Komputer Ft17/Ft22	2	2	-
12	Juruteknik J17/J22	2	2	-
13	Penyelia Asrama N17/N22	2	1	1
14	Pt (P/O) N17/N22	8	8	-
15	Pkp N17/ N22	1	1	-
16	Pt (Kes) N17/N22	1	1	-
17	Pembantu Perpustakaan S17/S22	3	3	-
18	Pembantu Akauntan W17/W22	4	4	-
19	Ptr N11/N14	6	6	-
20	Pap N1/N4	5	5	-
21	Pemandu Kenderaan R3/R6	3	3	-
Jumlah		91	73	20

Maklumat Pegawai Berpencen/Bertukar Bagi Tahun 2012

Bil	Pegawai Berpencen (Orang)	Pegawai Bertukar (Orang)
1	1	-
Jumlah	1	-

Urusan Pemangkuan Pensyarah IAB 2012

Bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) yang telah diperakukan dari Gred 41 ke Gred 44 ialah 22 orang manakala bilangan yang diperakukan dari Gred 44 ke Gred 48 ialah 32 orang.

Urusan Temuduga DG44

Dalam usaha mengisi kekosongan jawatan DG44 seramai 165 orang yang terdapat di IAB Genting Highlands, pihak pengurusan di bawah Pejabat Pendaftar telah mengadakan temuduga pada tarikh-tarikh berikut:

- (i) 12-13 Disember 2012 (seramai 104 orang di panggil untuk temuduga tetapi hanya 74 orang yang menghadiri temuduga tersebut).
- (ii) 23 Januari 2013 (IAB Genting Highlands seramai 47 orang).
- (iii) 28 Januari 2013 (di IAB Sabah seramai 19 orang)
- (iii) 29 Januari 2013 (di IAB Sarawak seramai 19 orang)

5.3 Infrastruktur dan Infostruktur

5.3.1 Kemudahan Infrastruktur Fizikal IAB Induk dan Cawangan

Bil	Jenis Kemudahan	Jumlah (Buah)	Kapasiti (Orang)
1	Bilik Kuliah	12	30 - 40
2	Bilik Kuliah Besar	3	50 - 70
3	Dewan Kuliah Besar	1	400
4	Dewan Besar Serba guna	1	600
5	Auditorium	1	500
6	Bilik Antarabangsa	1	70
7	Bilik Gerakan	1	
8	Makmal Komputer	3	100
9	Dewan Makan	2	100 - 400
10	Pusat Sumber	1	40
11	Ruang Parkir	400	-
12	Surau	2	
13	Gimnasium	2	
14	Gelanggang Permainan -Tenis -Bola Tampar -Bola Jaring	1 1 1	

Terdapat dua buah asrama di IAB Induk yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Asrama Eksekutif dan Asrama Induk. Asrama Eksekutif ialah penginapan yang dikhaskan kepada para peserta yang berjawatan gred 48 dan ke atas manakala Asrama Induk terbuka kepada semua peserta. Berikut ialah kemudahan yang terdapat di kedua-dua asrama tersebut:

Asrama Eksekutif

- (i) 89 bilik untuk kegunaan para peserta kursus.
- (ii) 6 bilik untuk tetamu VIP
- (iii) 2 bilik untuk tetamu VVIP
- (iv) 1 bilik rehat Warden
- (v) 2 mesin membasuh pakaian dan mesin pengering
- (vi) Sebuah Kerusi Urut
- (vii) 5 Bilik Gosok
- (viii) 4 Bilik Perbincangan
- (ix) Perkhidmatan komputer dan internet di lobi

Asrama Induk

- (i) 400 bilik untuk kegunaan peserta kursus
- (ii) 1 bilik rehat Warden
- (iii) Sebuah Balai Islam berkapasiti 400 orang
- (iv) 2 buah Kerusi Urut
- (v) 1 mesin membasuh pakaian dan mesin pengering

Pengangkutan

- (i) 4 buah bas IAB
- (ii) 4 buah kereta Waja
- (iii) 1 buah lori

Cawangan Utara

Bil	Jenis Kemudahan	Jumlah (Buah)	Kapasiti (Orang)
1	Bilik Kuliah	7	210
2	Dewan Besar	1	280
3	Makmal Komputer	3	100
4	Residen (Tempat Penginapan)	1	200
5	Dewan Makan	1	350
6	Dewan Peperiksaan	1	80
7	Bilik Mesyuarat	1	30
8	Bilik Bengkel/Perbincangan	4	10
9	Bilik Taksiran	10 Buah	-
10	Bilik e-Pembelajaran	1	10
11	Pusat Sumber	1	40
12	Bilik Mesyuarat E-Learning	1	20
13	Bilik Konsultasi Kaunseling	1	-

14	Ruang Parkir	172	-
15	Bilik Muzik	1	
16	Surau	4	
17	Gimnasium	2	
18	Trek Joging	1.8 Km	
19	Gelanggang Permainan -Tenis -Bola Tampar -Bola Jaring	1 1 1	

Cawangan Timur

Bil	Jenis Kemudahan	Jumlah
1.	<i>Desk Top</i>	1
2.	<i>Laptop</i>	1
3.	Mesin Pencetak	1
4.	Mesin Fotostat (Sewa)	1
5.	Mesin Faks	1
6.	Kemudahan Telefon	1
7.	Beg Pilot	2
8.	LCD	1

Cawangan Sabah

Pejabat IAB Cawangan Sabah merupakan pejabat yang dipinjamkan oleh PPD Kota Kinabalu. Pejabat ini terletak berdekatan SK St. Francis Convent Kota Kinabalu dan *Kinabalu International School*.

Bil	Jenis Kemudahan	Jumlah
1	Dewan Latihan	1
2	Bilik Mesyuarat	1
3	Tandas	2
4	Bilik Urus setia	2
5	- Mesin Fotostat - Telefon - Mesin Faks - Wifi	1 1 1 1

Cawangan Sarawak

Kampus IABCS terletak di Pejabat Pelajaran Daerah Padawan, Kuching. Kampus ini terletak di Tingkat 3, Blok C, PPD Padawan, Kuching di belakang SK Sungai Maong sebagai pusat operasi. Blok di tingkat tiga bangunan tersebut mempunyai tiga buah bilik tempat terletaknya ruang pejabat serta ruang untuk pensyarah-pensyarah. Memandangkan IABCS tidak mempunyai sebarang blok yang sesuai untuk menjalankan kursus, maka kesemua kursus yang dikelolakan oleh IABCS dijalankan di luar kampus dengan

menggunakan premis-premis kerajaan seperti di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan juga di hotel-hotel di seluruh negeri mengikut kesesuaian dan keperluan kursus. Walau bagaimanapun, Kampus IABCS di Santubong telah mula dibina pada 8 Februari 2010. Setakat pada akhir bulan September 2011 perkembangan pembinaan kampus tersebut telah mencecah 53.8%. Walaupun pada mulanya kampus ini dijangka siap pada 8 Februari 2012 namun telah dilanjutkan kepada akhir Mei 2012.

Cawangan Selatan

IAB Cawangan Selatan terletak dalam kawasan Sekolah Menengah Tunku Putra Tongkang Pechah Batu Pahat Johor. Empat buah kuarters guru telah diberikan kepada IAB Cawangan Selatan untuk menjalankan operasinya. Bilik-bilik dalam kuarters telah digunakan sebagai pejabat pensyarah kanan dan bilik percetakan. Ruang tamu telah dijadikan bilik mesyuarat dan bilik perbincangan.

Cawangan Perak

Institut Aminuddin Baki Zon Tengah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dibuka dan mula beroperasi pada 1 Februari 2010. Pembukaan Zon Tengah secara pentadbirannya terletak di Kuarters Institut Pendidikan (KIP) Redang Panjang. KIP Redang Panjang ini terletak dalam kawasan SMK Redang Panjang, Batu Kurau, Perak. Jaraknya dari Bandar Taiping lebih kurang 45 km dan jaraknya dari Pekan Selama lebih kurang 22 km serta jaraknya dari Pekan Batu Kurau lebih kurang 15 km. Terletak agak jauh di kawasan perkampungan dikelilingi oleh ladang kelapa sawit. Terdapat dua buah bangunan Kuarters Institut Pendidikan (KIP) serta sebuah surau. Setiap bangunan mempunyai 16 unit rumah. Jadi keseluruhannya terdapat 32 unit rumah. Cuma empat unit rumah dijadikan operasi pentadbiran dan kegunaan staf. Kemudahan dan kelengkapan iaalah masih belum memuaskan. Perabot seperti meja dan kerusi staf masih yang lama serta tiada kemudahan akses internet seperti *wifi*.

5.3.2 Pengurusan Aset Dan Stor

Pengurusan aset dan stor ialah lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) Menguruskan perolehan bekalan pejabat dan juga pengeluaran stok
- (ii) Menguruskan urusan perolehan dan juga pelupusan aset pada tahun semasa
- (iii) Menguruskan kes-kes kehilangan dan juga hapus kira
- (iv) Perpindahan maklumat pendaftaran aset dari kaedah manual ke Sistem Pengurusan Aset (SPA)

Direkodkan bahawa terdapat perolehan Harta Modal sehingga 31 Disember 2012

Perolehan Aset Dalam Tahun 2012

Perolehan Harta Modal	Jumlah Unit	Harga (Rm)	Penempatan	Pegawai Bertanggungjawab
<i>Stainless Steel 4 Burner</i>	1	5,250.00	Dewan Makan Asrama Induk	Khairul Anuar bin Abdul Rahman
<i>Kuali Range Cooker 36 Inchi</i>	3	11,550.00	Dewan Makan Asrama Induk	Khairul Anuar bin Abdul Rahman

Peti Sejuk Beku	1	3,800.00	Dewan Makan Asrama Induk	Khairul Anuar bin Abdul Rahman
Water Dispencer Model Chp-04A-22	5	16,800.00	2 Asrama 1 Penyelaras Program 1 Aras 7 1 Aras 2 Blok latihan	Khairul Anuar bin Abdul Rahman Azahari bin Taib Norsiah binti Mansor Azahari bin Taib
Lcd Projector	10	17,500.00	Bilik Kuliah Dan Mesyuarat	Abdul Rashid bin Munir
Mesin Fingerflex Time Attendances & Access Contr	2	7,998.00	Aras Dan Asrama Eksekutif	Abd Rahman bin Mohid
Peti Sejuk Domestik	1	5,400.00	Dewan Makan Asrama Induk	Khairul Anuar bin Abdul Rahman
Kenderaan Bas/Bas 40 Penumpang	1	484,100.00	Garaj IAB	Norlidar binti Mahd Rashid

Perolehan Inventori Dalam Tahun 2012

Perolehan Inventori	Jumlah Unit	Harga (Rm)	Penempatan	Pegawai Bertanggungjawab
Meja Bulat	40	15,200.00	Dewan Makan Asrama Induk	Khairul Anuar bin Abdul Rahman
Sofa Set	8	28,000.00	2 Set Ruang Lobi Blok A Asrama Eksekutif. 2 Set Ruang Lobi Blok B 1 Set Bilik VVIP B003 1 Set Bilik VVIP 005 Banglo Seri Bayu	Khairul Anuar bin Abdul Rahman Khairul Anuar bin Abdul Rahman Dato' Haji Khairil bin Haji Awang
Rak Buku	3	9,900.00	Pusat Dokumentasi Sumber Pendidikan	Aniza Eryani binti Radzi
Pengimbas (Scanner)	2	1,300.00	Pusat Dokumentasi Sumber Pendidikan	Aniza Eryani binti Radzi
Stapler Besar	1	800.00	Unit Pentadbiran	Azahari bin Taib
Penebuk Lubang Besar	1	2400.00	Unit Pentadbiran	Azahari bin Taib
Mesin Laminating	1	2,000.00	Unit Pentadbiran	Azahari bin Taib
Kerusi Konvokesyen	18	700.00	Auditorium	Azahari bin Taib
Mesin Perincih	1	2,000.00	Unit Pentadbiran	Azahari bin Taib
Penimbang Berat Mudah Alih	1	1,000.00	Dewan Makan Asrama Induk	Khairul Anuar bin Abdul Rahman
Almari Buku	1	700.00	Unit Pentadbiran	Azahari bin Taib

PEROLEHAN DAN PENGELUARAN STOK DALAM TAHUN 2012

PEROLEHAN STOK DALAM TAHUN 2012		PENGELUARAN STOK DALAM TAHUN 2012	
MAKLUMAT PEROLEHAN	BILANGAN	MAKLUMAT PEROLEHAN	BILANGAN
KUANTITI	16624	KUANTITI	13481
KOS	RM143,105.00	KOS	RM146,99.86
TRANSAKSI	4377	TRANSAKSI	4004



5.3.3 Laporan Tahunan Pusat Sumber Pendidikan IAB Induk dan Utara Bagi Tahun 2012

Pusat Sumber Pendidikan Institut Aminuddin Baki memainkan peranan penting bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur berkaitan bahan maklumat kepada pengguna dalam bidang penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran. Pusat Sumber menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti bahan rujukan dan pinjaman bagi menggalakkan pengguna menggunakan pelbagai sumber kemudahan maklumat sebagai rujukan utama bagi memenuhi keperluan pencarian maklumat. Bagi tahun 2012, jumlah koleksi Pusat Sumber IAB induk adalah sebanyak 50840 unit. Manakala IAB Cawangan Utara sebanyak 14530 unit, koleksi ini meliputi bahan-bahan bercetak dan bahan tidak bercetak.

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan seperti:

- Perkhidmatan pinjaman dan pemulangan
 - Perkhidmatan pembaharuan pinjaman
 - Tempahan bahan
- Perkhidmatan rujukan
- Perkhidmatan fotokopi
- Perkhidmatan katalog elektronik
- Perkhidmatan akhbar harian & bacaan '*Light Reading*'
- Perkhidmatan pangkalan data Mylib
- Perkhidmatan bilik multimedia
- Akses *wifi*
- Ruang bacaan
- Bilik perbincangan
- Bilik mesyuarat
- Bilik bacaan tesis
- Lokar
- Pameran bahan baru
- Sudut Diskusi
- Taklimat dan Pandu Arah




Aktiviti

Sepanjang tahun 2012 beberapa aktiviti telah dijalankan oleh Pusat Sumber Pendidikan, IAB Induk antaranya seperti dalam jadual di bawah:

Bil	Aktiviti	Tarikh
1.	Lawatan pemilihan buku di pesta buku KLBF 2012	3.5.2012
2.	Program penutupan Majlis Hari Guru	
	i. Pameran (buku, kesihatan & kecantikan)	16.5.2012 sehingga
	ii. Ceramah hari guru oleh tokoh guru	11.6.2012
	iii. Pertandingan kuiz atas talian	
	iv. Pertandingan Puisi Hari Guru	
	v. Majlis penyampaian hadiah	
3.	Pameran Majlis Komensmen 2012 IAB	25 - 26 Mei 2012
4	Program Galakan Membaca : Jom ke Pusat Sumber	
	i. Pertandingan mewarna	7.6.2012
	ii. Pertandingan melukis	sehingga
	iii. Pertandingan sinopsis	7.8.2012
	iv. Pertandingan puisi	
	v. Pertandingan teka buku	
	vi. Pertandingan Jom Jejak Info	
	vii. Penyampaian hadiah Jom ke Pusat Sumber 2012	
5.	Pameran Premier Centre sempena Kolokium Kepimpinan Instruksional	6 -10 Jun 2012
6.	Pameran Premier Centre sempena Seminar Nasional Pengurusan Pendidikan IAB 2012	2- 5 Julai 2012
7.	Program Bulan kemerdekaan	
	i. Pameran hayati kemerdekaan	9 .8.2012 sehingga
	ii. Kuiz Kemerdekaan Atas Talian	18.9 2012
	iii. Pertandingan mencipta sajak merdeka	
	iv. Pertandingan menulis esei	
	v. Penyampaian hadiah pemenang	


NO. PENGELASAN	BULAN											
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Karya Am	3	2	3	7	0	5	3	0	2	8	4	0
Falsafah	17	2	7	15	19	10	16	3	31	13	5	10
Agama	12	26	12	10	21	10	17	6	20	15	1	7
Sains Masyarakat	63	51	71	85	192	126	60	57	114	55	21	17
Bahasa	2	1	0	2	9	14	3	9	5	4	0	6
Sains Tulen	6	0	0	3	0	2	1	3	1	0	1	2
Teknologi	76	36	70	70	92	37	49	41	54	47	23	20
Kesenian	1	7	0	1	0	2	0	0	0	1	0	1
Kesusasteraan	35	15	31	18	8	24	30	10	6	14	9	27
Sejarah / Geografi	0	0	4	6	2	6	0	2	0	1	1	0
Fiksyen	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Lain-lain Kod	2	0	4	7	9	5	3	1	0	6	1	3
JUMLAH	217	140	202	224	352	131	182	132	233	164	66	93
	2136											

Jumlah Pinjaman Buku Pusat Sumber IAB Induk: Mengikut Bidang Perkara Bagi Tahun 2012



Jumlah Pinjaman Buku Pengguna Pusat Sumber IABU: Mengikut Bidang Perkara Bagi Tahun 2012

JUMLAH PINJAMAN BUKU




Bidang Perkara	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dec	JUMLAH
Karya Am	2	5	1	0	0	1	9	1	1	0	0	0	20
Falsafah	1	1	0	5	3	2	0	2	0	3	3	0	20
Agama	0	2	0	0	1	0	3	0	0	3	0	0	9
Sains Kemasyarakatan	26	60	17	13	20	8	10	14	3	32	9	25	237
Bahasa	0	0	0	0	0	3	0	0	0	3	0	0	6
Sains Tulen	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	2
Teknologi	1	26	13	6	1	12	2	6	9	6	14	2	98
Kesenian	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kesusasteraan	10	3	2	2	0	0	3	2	0	0	2	4	28
Sejarah/Geografi	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Fiksyen	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Umum	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	40	98	35	26	25	26	27	25	13	48	28	31	422

Jumlah Koleksi Bahan Di Pusat Sumber Pendidikan, Iab Induk Sehingga Tahun 2012


Berikut adalah jumlah koleksi bahan di Pusat Sumber Pendidikan, IAB sehingga tahun 2012 seperti dalam jadual dan gambarajah berikut:

Bil	Jenis Bahan	Jumlah
1	Artikal	1282
2	Brosur/Buku Program	81
3	Prospektus/Buletin/Direktori	118
4	Hal Ehwal Parlimen	37
5	Dokumen IAB	1932
6	Dokumen JPA	8
7	Dokumen KPM	321
8	Kertas Seminar/Persidangan	938
9	Laporan	557
10	Laporan Kursus	93
11	Laporan Kursus IAB	857
12	Laporan Tahunan	680
13	Modul dan Nota Latihan	706
14	Pekeliling	180
15	Sukatan Pelajaran	220
16	Tugasan Peserta	2174
17	Buku Teks Sekolah	95
18	Kamus/Ensiklopedia	5776
19	Tesis/Disertasi/Latihan Ilmiah	2013
20	Jurnal/Majalah	1567
21	Buku	33166
	JUMLAH KESELURUHAN	52801



Jumlah Pengguna Pusat Sumber IAB Induk Bagi Bulan Januari Sehingga Disember Tahun 2012


BULAN	BILANGAN PENGGUNA
JANUARI	320
FEBRUARI	465
MARCH	510
APRIL	566
MEI	692
JUN	315
JULAI	562
OGOS	247
SEPTEMBER	315
OKTOBER	319
NOVEMBER	421
DISEMBER	292
JUMLAH	5024



Jumlah Penggunaan Pusat Sumber IAB Utara Bagi Tahun 2012


Jadual menunjukkan statistik jumlah pengguna Pusat Sumber IABU yang direkodkan sehingga Disember 2012. Jumlah pengguna paling aktif adalah pada bulan Julai yang merekodkan jumlah pengguna seramai 487 orang. Jumlah keseluruhan pengguna sehingga Disember 2012 ialah seramai 3177 orang.

	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUMLAH
Jumlah Pengguna	235	281	281	194	192	361	487	288	249	255	190	164	3177



Jumlah Pengguna Bilik Multimedia Pusat Sumber IAB Dari Bulan Januari Hingga Disember 2012


BULAN	BILANGAN PENGGUNA
JANUARI	5
FEBRUARI	19
MARCH	12
APRIL	17
MEI	51
JUN	10
JULAI	4
OGOS	5
SEPTEMBER	9
OKTOBER	7
NOVEMBER	4
DISEMBER	9
JUMLAH	152



Jumlah Penggunaan Perkhidmatan Internet Pusat Sumber IAB Utara Bagi Tahun 2012

Jadual menunjukkan jumlah penggunaan perkhidmatan internet bagi bulan Januari hingga Disember tahun 2012. Jumlah penggunaan paling tinggi yang direkodkan iaitu seramai 10 orang pada bulan November. Jumlah keseluruhan pengguna sehingga Disember 2012 ialah seramai 33 orang.

	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUMLAH
Jumlah Pengguna	3	7	1	4	2	3	2	2	5	4	10	0	43



IMPAK PERKHIDMATAN PUSAT SUMBER

Perkhidmatan Pusat Sumber merupakan salah satu perkhidmatan yang penting dalam bidang pendidikan dan pembangunan intelek masyarakat. Penekanan terhadap kualiti dalam perkhidmatan pusat sumber amat diberi perhatian bagi melahirkan komuniti yang berilmu dan bermaklumat. Perkhidmatan dan kemudahan infostruktur sumber maklumat yang disediakan dapat menambah pengetahuan dan memenuhi permintaan pencarian pengguna. Penyediaan koleksi sumber maklumat elektronik seperti pangkalan data Mylib menjadikan maklumat mudah diakses untuk penggunaan diri.

PENUTUP

Pusat Sumber menjadi nadi dalam menjana sumber keilmuan dan penyebaran maklumat kepada pengguna. Cabaran dalam melahirkan pemimpin cemerlang amat memerlukan sokongan dan keberkesanan perkhidmatan Pusat Sumber. Dalam konteks ini, Pusat Sumber IAB perlu dapat memainkan peranan penting dalam membentuk budaya dan komuniti pembelajaran profesional. Oleh itu, penambahbaikan berterusan akan sentiasa dilakukan oleh Pusat Sumber agar sentiasa dapat memenuhi fungsi dan peranan dengan berkesan bagi memenuhi cabaran yang semakin kompleks dalam dunia pendidikan.



INOVASI, ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN


BAB 6

6.1 e-PEMBELAJARAN


6.2 KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

6.3 ISO 9001-2008

6.4 *EMERGENCY RESPOND TEAM* (ERT) IAB







“ e-Pembelajaran IAB merupakan satu inovasi Institut Aminuddin Baki. Salah satu ciri unik program e-pembelajaran IAB ialah berteraskan konsep pendidikan sepanjang hayat”

6.1 INOVASI: e-PEMBELAJARAN

e-Pembelajaran IAB merupakan salah satu inovasi Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha menjadi peneraju utama dalam bidang latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Inovasi yang diperkenalkan pada tahun 2006 ini menyediakan program latihan dan perkhidmatan kepada warga Kementerian Pelajaran Malaysia melalui konsep latihan menyeluruh.

Pendekatan pembelajaran andragogi yang bercirikan terarah sendiri, penyelesaian masalah dan bermotivasi dalaman serta menggunakan kekayaan pengalaman (konsep *Constructivism Social*) menjadi teras e-Pembelajaran IAB. Salah satu ciri unik program e-Pembelajaran IAB ialah berteraskan konsep pendidikan sepanjang hayat (*Lifelong Learning*).

Tujuan utama program e-Pembelajaran IAB ini diadakan adalah untuk:

- (i) menyediakan peluang yang lebih luas kepada warga pendidikan untuk mengikuti kursus-kursus IAB
- (ii) memudahkan pengaliran maklumat antara IAB dengan pelanggan-pelanggan IAB
- (iii) menyediakan ruang interaksi antara pelanggan IAB dengan pensyarah-pensyarah IAB melangkaui batasan kampus dan kursus IAB.
- (iv) Menyediakan *on the job training* kepada pelanggan IAB yang membolehkan latihan dan pembelajaran berlaku di tempat kerja
- (v) Menyediakan *on demand support system* kepada pelanggan IAB yang membolehkan bantuan, latihan dan nasihat boleh diberikan pada masa yang diperlukan.

Program-program jangka panjang IAB yang menjadi fokus e-Pembelajaran adalah seperti program NPQEL (*National Professional Qualification for Educational Leaders* atau Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan) Mod Baru, Kursus Kepimpinan Pengurus Pendidikan (KKPP) dan Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Pemantapan e-Pembelajaran sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa sehingga terhasilnya Polisi e-Pembelajaran IAB pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 jangka masa program latihan NPQEL dipendekkan daripada 12 bulan kepada lima bulan dengan wujudnya fasa e-Pembelajaran dalam program ini.

Program Pembangunan e-Pembelajaran IAB

Portal e-Pembelajaran IAB


Portal e-Pembelajaran boleh diakses terus menggunakan URL <http://www.iab.moe.gov.my/el>. Portal e-Pembelajaran IAB tahun 2011 dibangun menggunakan perisian sumber terbuka Moodle 1.9 dan telah dipertingkatkan kepada Moodle 2.0 pada tahun 2012. Peningkatan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti portal e-Pembelajaran bagi memenuhi keperluan program latihan IAB.



Rajah 31: Transisi Portal e-Pembelajaran daripada Moodle 1.9 kepada Moodle 2.0


Pembangunan Portal e-Pembelajaran Dalam NPQEL

Fasa e-Pembelajaran dalam program NPQEL membolehkan peserta kursus dalam program ini melayari Portal e-Pembelajaran IAB untuk melengkapkan aktiviti dan tugas mereka menerusi modul yang telah dibangunkan dalam portal ini. Sebanyak tujuh buah modul di samping submodul-submodul telah dibangunkan dalam portal ini.



Rajah 32: Modul NPQEL Dalam Portal e-Pembelajaran

Selain memuat naik tugas, peserta kursus dalam program ini boleh meneruskan aktiviti pembelajaran dalam talian melalui ruangan Forum dan ruang sembang. Penyeliaan Program Sandaran dan Penandaarasan juga dikurangkan daripada dua penyeliaan kepada satu penyeliaan kerana Portal e-Pembelajaran membolehkan pensyarah dan peserta kursus berinteraksi dan saling berkomunikasi dalam ruang Laporan Program Sandaran dan Penandaarasan yang disediakan pada bila-bila masa dan di mana juga mereka berada.



Rajah 33: Laporan Penandaarasan dan Program Sandaran NPQEL

Pembangunan Portal e-Pembelajaran Dalam PKPGB


Portal e-Pembelajaran membolehkan pensyarah berinteraksi dengan peserta kursus PKPGB dalam penyeliaan tugas untuk Pengurusan Projek Berasaskan Institusi Pendidikan (PPBIP). Peserta yang menyambung kursus mereka di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia dan Universti Teknologi Mara Sarawak akan mengakses portal ini yang menyediakan *site* kepada setiap kampus. Peserta kursus akan mendapatkan Panduan Penyeliaan dan Konsultasi Program PKPGB antara peserta dan penyelia serta pihak pengurusan PKPGB.



Rajah 34: Pengurusan Projek Berasaskan Institusi di UiTMS

Pembangunan Portal e-Pembelajaran Dalam KKPP


e-Pembelajaran IAB banyak membantu memudahkan pengurus pendidikan dalam mengikuti latihan secara *blended learning* di IAB. Pada tahun ini sebanyak 35 ambilan KKPP telah dijalankan di IAB Induk, Cawangan Utara, Cawangan Sarawak dan Zon Sabah. Kursus yang melibatkan 994 peserta ini didedahkan dengan latihan e-Pembelajaran. Peserta wajib memuat naik tugas dalam portal ini sebagaimana digariskan dalam Polisi e-Pembelajaran dan pihak pengurusan tertinggi IAB selain menambah pengetahuan dalam bahan rujukan sedia ada.



Rajah 35: Paparan KKPP 2012 Mengikut Kumpulan

Pembangunan Modul e-Pembelajaran


Pemantapan Portal e-Pembelajaran ini disokong oleh latihan-latihan yang dijalankan kepada para pensyarah dalam penggunaan teknologi terkini dan pembangunan bahan modul e-Pembelajaran. Seramai 155 orang pensyarah telah dilatih untuk membina modul e-Pembelajaran menggunakan alat pengarang *Lecture Maker*.



Rajah 36: Peratus Kehadiran Peserta Dalam Latihan Lecture Maker 2012

Pembangunan Latihan e-Pembelajaran Untuk Pensyarah

Bengkel *Training Of Trainers* (TOT) e-Pembelajaran telah diadakan sebanyak tiga fasa untuk melatih 154 orang pensyarah dalam pelaksanaan e-Pembelajaran menggunakan portal e-Pembelajaran IAB, khususnya, dalam program latihan NPQEL.




Institut Aminuddin Baki sentiasa prihatin terhadap kompetensi pensyarahnya dalam melaksanakan e-Pembelajaran di IAB. Sehubungan dengan itu, seramai tujuh orang pensyarah telah menghadiri Seminar MoodleMoot Au 2012 bertempat di Gold Coast Convention Centre, Australia untuk mendapat pendedahan yang lebih menyeluruh dalam perkongsian dengan pengguna dan pembangun portal berasaskan Moodle.



Rombongan Delegasi IAB dalam Seminar MoodleMoot Au 2012

Pencapaian dan Impak

Jumlah pengguna yang mengakses portal e-Pembelajaran pada tahun 2012 turut meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya berdasarkan Rajah 37.



Rajah 37: Statistik Penggunaan Portal e-Pembelajaran IAB Tahun 2008 - 2012

Pencapaian inovasi e-Pembelajaran IAB sejak diperkenalkan:

- Pengfiktirafan antarabangsa *Malaysian Technology For Teachers In South Sulawesi* (BERNAMA 19 Oktober 2010).
- Lawatan Menteri Pendidikan Islam dari Republik Iran iaitu Dr. Hamid Reza Haji Babaie.
- Program *Educational Leaders and Management* dari Namibia.
- Penyertaan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPM 2011.

Pembangunan dan penggunaan Portal e-Pembelajaran memberi impak yang besar dalam konteks latihan di Institut Aminuddin Baki. Impak tersebut ialah:

- (i) Penjimatan masa.
 - Fasa e-Pembelajaran dalam NPQEL Mod Baru membolehkan peserta kursus berada di sekolah dan pada masa yang sama menyiapkan aktiviti dan tugas mengikut modul dalam Portal e-Pembelajaran IAB. NPQEL mod baru ini diluaskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam daripada 12 bulan kepada lima bulan kerana disokong oleh e-Pembelajaran.
 - Kursus KKPP (dahulunya KPKS) dipendekkan daripada empat minggu kepada dua minggu atas sokongan e-Pembelajaran.
 - Program Sandaran dan Penandaarasan dapat dikurangkan daripada dua lawatan kepada satu lawatan melalui e-Pembelajaran
 - Program penyeliaan PPBIP dalam kursus PKPGB berjalan dengan lancar tanpa perlu bersemuka dengan penyelia berbanding sebelum e-Pembelajaran.
- (ii) Penjimatan Kos
 - Kos operasi program latihan dapat dijimatkan kerana jangka masa kursus lebih pendek. Program NPQEL Mod Baru contohnya membolehkan penjimatan kepada organisasi sebanyak 65% (*Pembentangan e-Pembelajaran dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPM 2011*)
 - Kos bahan bercetak juga dapat dikurangkan melalui penggunaan e-Pembelajaran.

- (iii) Peningkatan budaya menggunakan teknologi
 - Menerusi e-Pembelajaran peserta kursus dapat mengikuti kursus secara *'blended learning'*
 - Pembelajaran secara interaktif dan kolaboratif menerusi forum dalam portal e-Pembelajaran I
 - Membolehkan keberlangsungan pembelajaran sepanjang hayat menerusi portal ini.
- (iv) Peluasan Program NPQEL Mod Baru
 - Pertambahanambilan peserta NPQEL dari tahun 2011 berjumlah 250 orang kepada 500 orang pada tahun 2012 dan dijangka meningkat kepada 1000 orang pada tahun-tahun seterusnya.

Rumusan

e-Pembelajaran di IAB merupakan satu inovasi teknologi yang memerlukan komitmen semua pihak dalam menjayakannya. Portal e-Pembelajaran menyediakan *on demand support system* kepada pelanggan IAB dan bantuan, latihan serta nasihat boleh diberikan pada masa yang diperlukan menjadi praktikal menerusi e-Pembelajaran dalam program yang memerlukan penyeliaan pensyarah. Selain itu, menyediakan *on the job training* kepada pelanggan IAB yang membolehkan latihan dan pembelajaran berlaku di tempat kerja menjadi nyata menerusi program NPQEL Mod Baru. Ternyata e-Pembelajaran IAB memberi impak bukan sahaja kepada organisasi, malahan kepada semua warga KPM selari dengan piagam pelanggan IAB dan KPM.



6.2 KUMPULAN INOVASI KREATIF (KIK) INNO-VISION

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) sebelumnya dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK). KMK telah diamalkan di Institut Aminuddin Baki sejak lama dahulu dan membuktikan kemampuannya untuk menghasilkan penyelesaian masalah kerja dan inovasi sistem kerja. Kumpulan Inovatif & Kreatif IAB yang diberi nama *Inno Vision* dari Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan (Pusat Pembangunan Organisasi) ditubuhkan pada awal Januari 2012 bertujuan untuk mengenal pasti dan mencari jalan penyelesaian beberapa permasalahan pelaporan pengurusan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan IAB sebagai *Premier Centre* 2012 - 2016. Keahlian KIK *Inno-Vision* merentasi pelbagai jabatan dan mempunyai kemahiran bersilang tetapi saling melengkapi antara satu sama lain.

Objektif

Objektif aktiviti KIK di IAB adalah untuk:

- (i) Meningkatkan kompetensi diri staf;
- (ii) Membudayakan pengurusan secara penyertaan (*participative management*);
- (iii) Melaksanakan penambahbaikan berterusan dan menambah nilai penyampaian perkhidmatan secara kreatif dan inovatif; dan
- (iv) Menjamin dan kepastian kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan

Kejayaan Kumpulan *Inno-Vision* Kik Institut Aminuddin Baki

Pada tahun 2012, Jabatan Inovasi dan Standard Latihan (JPISL) dari Pusat Pengurusan Organisasi diamanahkan oleh pihak pengurusan tertinggi IAB untuk mengambil bahagian dalam konvensyen KIK peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebanyak 31 pasukan telah bertanding dan Pasukan *Inno-Vision* IAB telah berjaya menjadi juara Konvensyen bagi Kategori Pengurusan dan menggodol hadiah wang tunai RM3,000.00 trofi dan sijil.



Juara KIK KPM Kategori Pengurusan 2012

Kebaikan Dan Kelebihan

Pasukan Inno-Vision telah memperkenalkan *Link-Filing* iaitu satu sistem baharu dalam pengurusan penyimpanan dokumen dan rekod serta capaian semula dokumen dan rekod serta penyediaan laporan KPI secara dalam talian. Kebaikan dan kelebihan *Link-Filing* adalah seperti Rajah 38 di bawah.



Rajah 38 Pelaksanaan *Link-Filing* IAB

Impak

Projek ini memberi impak kepada kumpulan sasaran:

- Stake holder* dan pelanggan - Pelaporan prestasi organisasi dapat dicapai dengan cepat, tepat, berkesan dan mencapai kepuasan pelanggan.
- Organisasi dapat menghasilkan produk (laporan) yang berkualiti dan mematuhi standard antarabangsa.
- Peningkatan kualiti dalam proses kerja yang membolehkan kos, tenaga dan masa dapat diminimumkan.
- Peningkatan kemahiran dan kompetensi staf IAB dalam mengumpul, analisis, memantau, menyimpan dan mencapai data dengan efisien.



Menerima kunjungan Timbalan Pengarah (Khidmat Ikhtisas) Dr. Zainab binti Hussin semasa sedang menyiapkan dokumentasi.



Proses menyemak kandungan dokumentasi di Eagle Ranch Resort, Port Dickson.



Pengarah IAB YH Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang turut hadir dalam majlis penutup dan pengumuman kemenangan pasukan KIK IAB Inno-Vision 2012.

6.3 ISO 9001-2008

Audit Surveillance ke-2 telah dilaksanakan pada 22 November 2012 oleh pihak MOODY International yang diketuai oleh Puan Agnes Lee Sue Hwa dan 2 orang juruaudit iaitu Encik Chin Miew Lim dan Encik Lim Hock Yam. Lokasi pengauditan ialah di Institut Aminuddin Baki (Induk) dan di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah. Auditee bagi pihak IAB ialah Dr. Zainab binti Hussin (Wakil Pengurusan), Encik Wan Ghazali bin Wan Din (Timbalan Wakil Pengurusan Induk), dan Tuan Haji Faudzi bin Saad (Timbalan Wakil Pengurusan Cawangan Utara).

Skop Pengauditan pada tahun 2012 ialah Penyampaian Perkhidmatan Latihan, Konsultasi, Penyelidikan, Pentaksiran dan Penerbitan dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Pada tahun ini, kriteria audit berdasarkan MS ISO 9001:2008 dengan pengecualian pada Klausa 7.6 Kawalan ke atas Peralatan Pengukuran dan Pemantauan (*Control of Monitoring and Measurement Equipment*).

Rumusan Audit menunjukkan bahawa tiada laporan ketidakakuran dikeluarkan dan tindakan pembetulan audit sebelumnya telah dilaksanakan dengan berkesan dan didokumenkan. Manakala Sistem Pengurusan Kualiti yang diimplimentasikan adalah akur dengan keperluan Standard ISO 9001:2008. Terdapat pematuhan yang tinggi terhadap kawalan proses, keperluan pelanggan, dasar kualiti, objektif kualiti dan aplikasi keperluan pelanggan yang diambil kira dalam penghasilan produk/perkhidmatan seperti yang tertera dalam skop pensijilan.

Komen positif dari Ketua Juruaudit ialah:

- (i) Laman Web SP-Q telahpun diisytiharkan sebagai sebahagian daripada Sistem Pengurusan Kualiti.
- (ii) *Link Filing* IAB telah dianugerahkan sebagai pemenang tempat pertama kategori Pengurusan dalam Konvensyen KIK Kementerian Pelajaran Malaysia tahun 2012. *Link Filing* dilaksanakan bagi memudahkan rujukan dan mendapatkan semula dokumen. IAB akan melaksanakan *Integrated Quality Management* yang mengambil kira Lanskap *Premier Centre*, Takwim Program Latihan, Pelan Induk Pengurusan Risiko 2012 - 2016, dan Manual Amalan 5S.
- (iii) Buku *Premier Center* yang mengandungi KPI organisasi telah dicetak dan diedarkan bagi meningkatkan kesedaran pegawai.
- (iv) IAB telah menambahkan bilangan *Lead Auditors* dengan pengiktirafan *International Register of Certificated Auditors (IRCA)* untuk meningkatkan kompetensi pegawai bagi usaha meningkatkan prestasi sekolah pada masa hadapan.
- (v) Penambahbaikan dalam penyediaan Laporan KPI dengan tempoh penyediaan dipendekkan daripada 18 hari kepada 8 hari melalui aplikasi *Link Filing*.
- (vi) Laporan Tahunan Prestasi Objektif IAB telah dipertingkatkan iaitu laporan dua kali setahun kepada Laporan Bulanan.

Pihak audit juga telah mencadangkan agar pensijilan/pendaftaran diluluskan dan diteruskan untuk IAB.

6.4 EMERGENCY RESPONSE TEAM (ERT), IAB

Emergency Response Team (ERT) IAB telah dilancarkan pada 14 Februari 2012 serentak dengan pelancaran Pelan Induk Pengurusan Risiko IAB (2012-2016) dengan keanggotaan 80 orang ahli yang terdiri daripada pensyarah dan staf sokongan IAB. Penubuhannya akan menjadi pelengkap kepada pengurusan strategik organisasi untuk menjadikan IAB Pusat Kecemerlangan Kepimpinan Pendidikan bertaraf dunia, selari dengan lanskap *Premier Centre*, IAB - 2012-2016. Penubuhan pasukan ini bertujuan membantu IAB merancang pelan tindakan kecemasan dan keselamatan di peringkat organisasi dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Penubuhan ERT IAB berdasarkan perkhidmatan sukarela warga IAB kepada organisasi, masyarakat dan negara.

Objektif

ERT IAB diwujudkan untuk merealisasikan wawasannya sebagai sebuah institusi latihan yang mempunyai keupayaan melaksanakan tindakan pengurusan risiko berkaitan aspek kecemasan dan keselamatan. Pasukan ini dilatih dan dibangunkan kompetensi bagi berupaya menjangka, merancang, mengawal, bertindak dan menilai setiap kemungkinan risiko dari aspek kecemasan dan keselamatan yang boleh menjejaskan pengurusan, produk dan perkhidmatan

Pencapaian dan Impak

Semenjak pelancarannya, ERT telah berjaya melaksanakan beberapa program untuk anggotanya seperti Kursus Pengurusan Kebakaran di Pejabat pada 26 Januari 2012 dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Genting Highlands, Kursus Mengenal Pasti Cerun Bahaya pada 9 Mei 2012 dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya.

ERT IAB juga telah berjaya melaksanakan program pengantarabangsaannya dengan melaksanakan Program Penandaarasan Pengurusan Risiko Banjir di Bangkok, Thailand pada 18 hingga 22 Disember 2012. Lawatan ke *Department of Disaster Prevention and Mitigation*, Bangkok Metropolitan Authority, Sai Mai District dan Nualnoraradith Withayakom Rachamakhala School telah berjaya menjalin kolaboratif daripada aspek pengurusan risiko banjir dan memperoleh kerjasama dalam membangunkan Standard Prosedur Kerja pengurusan kecemasan yang boleh diguna pakai di peringkat IAB dan KPM.

Hasil lawatan ini juga telah dijadikan *baseline study* bagi melaksanakan kajian komparatif dalam aspek *Alternative Training Program* bagi melihat bagaimana sekolah-sekolah di Thailand melaksanakan aktiviti pembelajaran ketika sekolah ditutup akibat sesuatu bencana.

Rumusan

Kejayaan program ERT bagi tahun 2012 telah mengangkat imej IAB dalam melaksanakan pengurusan risiko di peringkat Kementerian dan juga antarabangsa dan seterusnya mampu merealisasikan tujuan dan objektif penubuhannya.



Program Penandaarasan ERT IAB ke Bangkok Metropolitan Authority, Sai Mai District, Bangkok, Thailand pada 19 Disember 2012.



Program Penandaarasan ERT IAB ke Department of Disaster Prevention and Mitigation, Ministry of Interior Thailand pada 19 Disember 2012.



Program Penandaarasan ERT IAB ke Nualnoraradith Withayakom Rachamakhala School, Bangkok, Thailand pada 20 Disember 2012.

7.1 PROGRAM PENGANTARABANGSAAN
7.2 PPPM-MEREALISASI 1IMPIAN 1AGENDA
7.3 GRADUAN NPQEL BERTARAF DIPLOMA

BAB 7





7.1 PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

Menjelang 2013, IAB bermatlamat membangunkan rangkaian yang akan menambah jaringan dan kolaborasi dengan negara-negara luar. Jaringan kerjasama ini mampu meningkatkan pelbagai kemahiran berkaitan dengan perancangan dan pengurusan pendidikan khususnya di rantau Asia. Hasrat ini bertepatan dengan Bidang Keberhasilan Utama Premier Centre IAB yang menekankan penambahan jaringan dan kolaborasi di dalam dan luar negara.

Rangkaian jaringan ini dapat membantu dalam pertukaran maklumat dalam kalangan negara-negara di rantau Asia dengan pembangunan kapasiti dalam bidang perancangan dan pengurusan pendidikan. Ini dapat membantu IAB dalam meningkatkan kapasitinya menjadi hub pendidikan khususnya dalam bidang Kepimpinan Pendidikan dan Pengurusan. Ini juga dapat dijadikan asas dalam menambah latihan dan sumber bagi memenuhi keperluan baharu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 seperti mana yang disarankan dalam inisiatif pendidikan GTP 2.0.

Strategi Pelaksanaan

Bagi memenuhi hasrat tersebut, beberapa program telah dirancang antaranya adalah:

Bil	Program	Tarikh	Bilangan Peserta
1	<i>Annual Malaysia-Singapore School Leaders' Dialogue 2013</i>	4-8 Mac 2013	30 orang pemimpin pendidikan
2	<i>Malaysia-Thailand School Leaders' Dialogue 2013</i>	25-30 Ogos 2013	30 orang pemimpin pendidikan
3	<i>Asian Network of Training and Research Institutions in Educational Planning (ANTRIEP) 2013</i>	3-7 Jun 2013	200 orang pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan ahli ANTRIEP serta pegawai kanan KPM
4	<i>Regional Conference for Educational Leadership and Management (RCELAM) 2013</i>	18-21 November 2013	Lebih 350 orang pemimpin pendidikan dari luar dan dalam negara

Impak

Dijangkakan melalui program pengantarabangsaan ini, IAB dapat mewujudkan usaha secara berterusan untuk peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan profesional dari institusi-institusi pendidikan luar dan dalam melalui perkongsian bersama pengalaman dan kepakaran mereka. Justeru, hasrat IAB menjadi hub pendidikan khususnya dalam bidang kepimpinan pendidikan dan pengurusan di peringkat antarabangsa dapat direalisasikan.

7.2 PPPM - MEREALISASI '1IMPIAN, 1AGENDA'

Kerajaan Malaysia komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara untuk meningkatkan standard pendidikan agar tidak tergolong dalam kumpulan terbawah tetapi ke tahap paling atas bagi penilaian antarabangsa seperti Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) dalam tempoh 15 tahun.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan kajian semula sistem pendidikan Malaysia dalam usaha untuk membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) yang baharu. Langkah ini adalah cerminan kepada generasi masa depan Malaysia yang lebih gemilang berasaskan pendidikan berkualiti.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bertujuan menghasilkan satu sistem pendidikan negara yang berteraskan lima ciri aspirasi utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.


Sebanyak 11 anjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu:

- (i) Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa;
- (ii) Memastikan setiap murid profisien dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris;
- (iii) Melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai;
- (iv) Transformasi keguruan sebagai profesion pilihan;
- (v) Memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah;
- (vi) Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan;
- (vii) Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia;
- (viii) Transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian pendidikan;
- (ix) Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas;
- (x) Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit; dan
- (xi) Meningkatkan ketelusan akauntabiliti awam.

IAB telah dipertanggungjawabkan sebagai peneraju inisiatif Piagam Pemimpin di bawah PPPM. Inisiatif Piagam Pemimpin merangkumi seluruh proses kepengetuaan bermula dari pemilihan pemimpin pelapis, pelantikan pemimpin sekolah, pembangunan profesional berterusan, laluan kerjaya, pembangunan prestasi, termasuk *exit policy*.



Piagam Pemimpin Sekolah




Terdapat sembilan subinisiatif di bawah Piagam Pemimpin yang berkait rapat dengan Lanskap *Premier Centre* IAB seperti jadual di bawah:

Tajuk Inisiatif:	PIAGAM PEMIMPIN
Pelaksana/Pemilik Inisiatif:	IAB/BPSM
Peneraju:	IAB

Bil.	Aktiviti Utama	Bahagian Bertanggungjawab
1	Membangunkan pemimpin pelapis sekolah melalui Program NPQEL	IAB
2	Melaksanakan simulasi kepada calon Pengetua dan Guru Besar yang telah dikenal pasti	IAB
3	Memperkenalkan dan mengukuhkan program residensi dan <i>immersion</i> (PRIme)	IAB
4	Membangunkan CPD pemimpin sekolah	IAB
5	Menyediakan latihan khusus kepada pemimpin sekolah berkeperluan khas	IAB
6	Mengukuhkan kepimpinan JPN dan PPD melalui CPD	IAB
7	Mengukuhkan kepimpinan KPM melalui CPD	IAB
8	Menambah baik proses pemilihan dan penempatan Pengetua/Guru Besar melalui pelaksanaan Sistem <i>Traffic Light</i> di dalam e-Pangkat	BPSM
9	Menetapkan kriteria minimum pemimpin sekolah	BPSM

Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan semua aktiviti utama subinisiatif di bawah Piagam Pemimpin, IAB telah menubuhkan Jawatankuasa Piagam Pemimpin PPPM seperti carta yang berikut:



Sebagai peneraju dan pemacu inisiatif Piagam Pemimpin PPPM, IAB bakal berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pelaksanaannya, namun dengan komitmen, kerjasama, sokongan dan penglibatan warga IAB, aspirasi “1Impian 1Agenda” KPM ini pasti dapat direalisasikan.

7.3 GRADUAN NPQEL BERTARAF DIPLOMA

Selaras dengan fungsi IAB sebagai pusat latihan dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, bermula tahun 2013 seramai 1000 pegawai perkhidmatan pendidikan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun akan dilatih mengikuti Kursus Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL). Untuk tujuan tersebut IAB telah menyediakan segala keperluan latihan yang meliputi penyediaan modul, kepakaran pensyarah serta mod pembelajaran fleksible yang melibatkan sesi bersemuka dan e-Pembelajaran.

Impak Pelaksanaan

Komitmen IAB untuk melatih pelapis pemimpin pendidikan ini selaras dengan anjakan ke-5 PPPM iaitu memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengikuti kursus ini diharap akan menjadi pemimpin pendidikan yang berwibawa dapat menguruskan sekolah dengan berkesan serta mampu melonjakkan mutu pendidikan di Malaysia ke tahap yang cemerlang. Graduan yang dilatih dan berjaya akan dianugerahkan sijil setaraf diploma.

**Lampiran 1: Senarai Kursus 2012
Mengikut Domain KOMPAS**

**Lampiran 2: *Programme School Improvement
Partner(SIPartner)* Senarai Sekolah
Yang Telah Keluar Band 6 dan 7,
2010 - 2012**

**Lampiran 3: Senarai Nama Graduan Program
Kelayakan Profesional Pemimpin
Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)**





Lampiran 1: Senarai Kursus 2012 mengikut Domain KOMPAS

Domain	Kompetensi	Diskriptor
DASAR DAN HALA TUJU	Membina Visi	Mampu membina visi sekolah dan memastikan visi sekolah digubal dengan jelas, dikongsi, difahami dan mampu dilaksanakan oleh semua.
	Berfokuskan Kualiti	Memberi fokus kepada penambahbaikan berterusan.
	Berfikiran Strategik	Mempunyai kebolehan menelaah kehendak organisasi pada masa akan datang.
	Proaktif	Mempunyai kebolehan menetapkan objektif, jadual kerja dan anggaran perbelanjaan tanpa penyeliaan pihak atasan.
INSTRUKSIONAL DAN PENCAPAIAN	Orientasi Pencapaian	Menetapkan objektif dengan jelas dan mempunyai harapan yang positif dan standard pencapaian yang tinggi.
	Pembangunan Instruksional	Menyediakan ruang dan peluang kepada murid untuk penglibatan pengajaran-pembelajaran yang bermakna.
	Perkongsian Ilmu	Mempunyai kebolehan membangunkan strategi-strategi peningkatan prestasi dan menggalak komuniti pembelajaran profesional.
	Berfokuskan Kurikulum	Menggalakkan pengajaran yang berkualiti dan menyelia pembelajaran murid.
	Penyeliaan	Pemantauan dan penyeliaan berkesan.
MENGURUS PERUBAHAN DAN INOVASI	Menyelesai Masalah	Mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah.
	Membuat Keputusan	Membuat keputusan berasaskan data dan maklumat.
	Mengurus Perubahan	Mempunyai keupayaan menangani perubahan.
	Membuat Penambahbaikan Sekolah	Menyediakan dan melaksanakan perancangan pembangunan berasaskan sekolah.
	Kreativiti dan Inovasi	Mengguna pakai kreativiti, inovasi dan teknologi baharu bagi mencapai kecemerlangan organisasi.
SUMBER DAN OPERASI	Pengurusan Kewangan	Mempunyai kebolehan mengurus kewangan dengan efisien.
	Pembangunan Fizikal dan Aset	Mempunyai kebolehan mengurus, mengelola dan mengekalkan budaya senggara sekolah.
	Pengurusan ICT	Mempunyai kebolehan mengurus dan mengelola kelengkapan ICT sekolah.
	Pengurusan Prestasi	Mampu menilai dan melaporkan keupayaan organisasi mencapai matlamat yang disasarkan.
HUBUNGAN SESAMA MANUSIA	Membangun Kapasiti	Mampu membina dan membangunkan kapasiti staf dan pemimpin sekolah.
	Komunikasi	Mampu berkomunikasi dengan berkesan.
	Menjalin Hubungan dengan pihak luar	Mampu membangunkan dan menggalakkan hubungan baik dengan pihak lain untuk kepentingan sekolah.
KEBERKESANAN KENDIRI	Kerja Sepasukan	Mampu bekerja dalam kumpulan.
	Kesedaran Kendiri	Mengetahui gerak hati, keadaan, sumber dan kehendak sendiri.
	Kesedaran Sosial	Mempunyai kesedaran terhadap perasaan, keperluan dan kepekaan orang lain.
	Pengurusan Kendiri	Mengurus gerak hati, keadaan, sumber dan kehendak sendiri.
	Pengurusan Sosial	Mempunyai kebolehan mencetus respons yangterbaik daripada pihak lain.

KURSUS UTAMA INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Kursus Jangka Panjang

1. Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Pendidikan (KKPP)
Education Leadership And Management Course (KKPP)
2. Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQEL)
National Professional Qualification For Education Leaders (NPQEL)

Kursus Jangka Pendek

Domain Dasar & Hala Tuju *Policy and Direction Domain*

1. Audit Kualiti Dalaman
Internal Quality Audit
2. Pengenalan Kepada Sistem Ms Iso 9001:2008
Introduction to MS ISO 9001:2008 System
3. Pengurusan Risiko Dalam Organisasi
Risk Management In Organizations
4. Pengurusan Strategik Untuk Peningkatan Prestasi Organisasi
Strategic Management for Enhancing Organizational Performance
5. Peningkatan Kecemerlangan Organisasi Secara Menyeluruh
Total Organizational excellence Enhancement
6. Kursus Pengurusan Fail dan Rekod
Filing System and Record Management Course
7. Kursus Manual Prosedur Kerja
Work Procedures Manual and Desk File
8. Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti
Conducting Quality Meeting Course
9. Kursus penulisan surat Rasmi dan Memo Berkualiti
Quality Official Letter and Memo Writing Course
10. Kursus pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA)
Public Service Development Circular (PKPA) Course
11. Kursus *Blue Ocean Strategy* dalam Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Fasa 1
Blue Ocean Strategy in School management and Leadership Phase 1
12. Kursus *Blue Ocean Strategy* dalam Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Fasa 2
Blue Ocean Strategy in School management and Leadership Phase 2
13. Kepimpinan Lestari (SBT)
Sustainable Leadership (HSP)
14. Kursus Pembangunan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
Educational Management and Leadership Development Course for Teacher Education Institute Malaysia (TEIM)

Domain Instruksional & Pencapaian
Instructional and Achievement Domain

1. Management of English Language Schools
Management of English Language Schools
2. Kursus Bahasa Mandarin Komunikasi
Mandarin for Communication Course
3. Kursus Pengucapan Awam
Public Speaking
4. Kursus Profesional Development Through Reading and Writing
Profesional Development Through Reading and Writing Course
5. Public Speaking for Educational Leaders
Public Speaking for Educational Leaders
6. Bahasa Tamil Komunikasi
Tamil for Communication Course
7. Pentaksiran Berasaskan Sekolah
School Based Assessment
8. Kepimpinan Instruksional
Instruksional Leadership
9. Pengurusan Panitia
Panel Management
